



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman	1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	2)
USUL: Melantik Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M 70(1)	(Halaman	27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014	(Halaman	27)
Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013	(Halaman	55)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
9. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
10. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
12. “ Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
15. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
16. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
17. “ Datuk Chiew Lian Keng (Dilantik)
18. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
19. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
20. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
21. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
23. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
24. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
26. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
28. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
31. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)

33. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong (Perak)
34. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
35. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
36. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. " Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
40. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
42. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
43. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
44. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
45. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
46. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. " Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
50. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
51. " Datuk Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
52. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
53. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
55. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
56. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
57. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
61. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
62. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Mulyati binti Kamarudin

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 26 Jun 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Datin Paduka Chew Mei Fun

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera and a very good morning. Saya ingin mengambil kesempatan di sini dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Datin Paduka Chew Mei Fun [Tepuk]*

Sebagaimana saya sendiri sedia maklum bahawa Yang Berhormat Datin Paduka Chew Mei Fun adalah seorang yang berpendirian tegas dan berjiwa rakyat dalam masyarakat majmuk di Malaysia ini. Kepada Yang Berhormat setelah dilantik sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara dan seterusnya sebagai seorang Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tentu sekali Yang Berhormat dapat menyumbangkan bakti yang lebih baik, berkesan untuk membantu kementerian tersebut mengatasi pelbagai masalah sosial dan masyarakat di negara ini.

Yang Berhormat di samping itu saya mewakili Dewan Negara pada hari ini ingin juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas yang telah pun diumumkan pelantikan tiga orang Menteri yang baru dan juga dua orang lagi sebagai Timbalan Menteri termasuk salah seorangnya Yang Berhormat Datuk Lee Chee Leong. Kepada mereka ini jangan lupa kepada Dewan Negara.

Ahli Yang Berhormat sekalian, seperti mana lafaz sumpah ikrar dan taat setia baru sahaja dilafazkan sebentar tadi, kita telah mengangkat sumpah yang sama juga. Akan tetapi Yang Berhormat kita mesti menghayati apa yang kita ikrar sumpah kita kata sebentar tadi iaitu taat setia pada Malaysia dan juga mempertahankan dan melindungi Perlembagaan Negara. Apabila disebut taat setia pada Malaysia tentu sekali kita ingin melihat sebuah negara Malaysia yang maju, berpadu dan pembangunan negara, aman dan damai. Dalam masyarakat majmuk Malaysia ketika ini pada masa-masa ke belakang telah menampakkan banyak gejala yang tidak begitu sihat contohnya polarisasi kaum dan sebagainya.

Saya ingin mengingatkan diri saya dan semua Ahli-ahli Dewan Negara untuk menentukan, memainkan peranan yang begitu proaktif tanpa berbelah bahagi menjurus ke arah membangunkan negara, menyatupadukan rakyat masyarakat majmuk kita di Malaysia ini. Kita ingin melihat sebuah negara yang aman. Bila aman barulah dapat kita ada kesejahteraan dan pembangunan negara. Kalau negara kita tidak aman tidak ada satu pembangunan pun kita boleh buat.

Peranan Ahli Yang Berhormat semua amat penting. Jangan sesekali mempolitikkan segala perkara yang boleh menjejaskan perpaduan kaum kita di negara ini. Saya mengingatkan diri saya dan ingin berkongsi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat semua adalah tergolong kepada kumpulan yang duduk pada tahap yang begitu tinggi sekali. Perangai dan tingkah laku kita sentiasa dipandang oleh rakyat. Jagalah nama baik Dewan yang mulia ini. Saya percaya dan yakin Yang Berhormat Datin Paduka mempunyai pengalaman dan tentu sekali boleh memberi sumbangan lebih berkesan dan baik kepada masyarakat majmuk kita di masa akan datang. *In shaa-Allah*.

Cukuplah setakat itu dan saya seterusnya selesailah sudah Majlis Angkat Sumpah kita pada pagi ini. Sekian terima kasih.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.***]

■1010

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memantau dan memastikan bahawa Pekeliling Bil.9, Jabatan Perkhidmatan Awam 28 Oktober 2011 yang menegaskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dipatuhi oleh setiap yang berkenaan. Antara perkara yang menjadi kemusykilan sekarang ialah sesetengah agensi kerajaan sendiri menciptakan dan menjenamakan dalam bahasa asing tanpa mengutamakan Bahasa Kebangsaan dan tanpa merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan kerajaan yang diberi amanah memajukan Bahasa Kebangsaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih profesor. Tahniah sahabat kita yang dilantik menjadi Senator pada pagi ini. Semoga Allah merahmati kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi memastikan Bahasa Melayu diberikan keutamaan dalam urusan rasmi kerajaan sebagaimana termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 Akta 32, yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam urusan kerajaan dan pentadbiran negara. Jabatan Perdana Menteri pada 22 Disember 2005 telah mengedarkan Surat Pekeliling Bil.1, Tahun 2006, yang berbunyi, "Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam."

Ini bertujuan memaklumkan langkah-langkah untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik, betul dan santun serta memperluas penggunaannya secara menyeluruh dalam perkhidmatan awam. Sesuai dengan perkembangan dan kemajuan negara yang pesat pada masa ini. Bagi mempertegas penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 28 Oktober 2011 telah mengedarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.9, Tahun 2011, yang berbunyi, "Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam" yang bertujuan untuk memberikan panduan mengenai penggunaan bahasa kebangsaan bagi urusan rasmi dalam perkhidmatan awam.

Langkah-langkah telah diambil bagi memastikan jabatan dan agensi kerajaan mematuhi Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, Akta 32, sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Iaitu Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu yang juga diperuntukkan sebagai bahasa rasmi kerajaan. Pihak kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil beberapa pendekatan untuk memperkasakan bahasa kebangsaan dalam sektor awam iaitu perkhidmatan kerjasama dan pengukuhan dan penggalakan.

Perkhidmatan utama disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah Khidmat Nasihat Bahasa (KNB), Khidmat Pengesahan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan dan Persuratan Melayu dan Kursus Penataran Bahasa Melayu. Keduanya kerjasama iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka telah bekerjasama dengan beberapa pihak melalui keanggotaannya dalam jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pihak kementerian, jabatan agensi kerajaan dan juga kerjasama penerbitan bagi memperkasakan bahasa kebangsaan.

Ketiganya pengukuhan dan penggalakan. DBP melaksanakan Program Pengukuhan dan Penggalakan dalam sektor awam bagi memartabatkan dan memperkasakan bahasa kebangsaan melalui penubuhan jawatankuasa dan pelbagai program. Bagi memastikan agensi kerajaan sentiasa mengutamakan bahasa kebangsaan, DBP secara konsisten melakukan Program Pemantauan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor awal melalui Program Audit Bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam. Matlamat audit ini ialah untuk membuat penilaian tentang tahap dan mutu Bahasa Melayu yang digunakan bagi maksud urusan rasmi dalam negara, urusan rasmi antarabangsa, pengiktirafan kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam, perkhidmatan kaunter, maklum balas aduan dalam akhbar dan isu media masa serta paparan dan peragaan.

Saya yakini sebanyak lapan buah jabatan ataupun kementerian dan empat buah kerajaan negeri telah selesai diaudit. Dapatan audit dibentangkan kepada pengurusan tertinggi jabatan atau agensi kerajaan setelah selesai proses audit untuk tindakan segera jabatan atau agensi yang berkenaan. Dalam hal ini semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dikehendaki merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengesahkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul. Langkah ini telah dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan atau melalui keputusan dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Yang Ke-67 dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menguatkuasakan pengesahan Bahasa Melayu dalam iklan oleh DBP sebelum pihak berkuasa tempatan memberi permit atau lesen peragaan ataupun paparan di tempat awam. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi jawapan yang hanya mengulang-ulang kembali kenyataan-kenyataan yang lama. Sebelum saya meneruskan soalan tambahan ini saya minta maaf kalau terkasar bahasa. Jelas sekarang hakikatnya Yang Berhormat, bahawa Yang Berhormat menyenaraikan tentang tugas dan tanggungjawab Dewan Bahasa memantau dan memperkasakan Bahasa Kebangsaan ini. Akan tetapi kenyataannya ialah Dewan Bahasa telah diperlekeh, di belakangkan dan dipersendakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat inti atau kandungan soalan saya ini hasil *homework* saya di Dewan Bahasa dan Pustaka. Di mana pegawai-pegawai pimpinan Dewan Bahasa dan Pustaka tanpa saya menyebut nama, terlalu kesal dengan sikap setengah-setengah pihak dalam kerajaan yang memperlekeh Dewan Bahasa dan Pustaka, memperlekeh dan tidak menghargai Bahasa Kebangsaan.

Yang Berhormat menyebut tentang melakukan pemantauan. Ternyata pemantauan itu tidak berkesan. Kalau pemantauan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terus kepada soalan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sekejap saya akan teruskan. Ini soalan dia, setujukah Yang Berhormat bila saya katakan bahawa pemantauan itu tidak berkesan.

Kalau berkesan pemantauan itu tindakan tegas tidak diambil terhadap mereka yang ingkar dengan memperlekehkan bahasa kebangsaan. Sebagai contoh terakhir Tuan Yang di-Pertua. Pergilah ke *Central*, pergilah ke *Bangsar South*, pergilah ke *Bangsar* sekarang. Kita berasa seakan-akan bahawa negeri ini bukan negeri kita lagi. Di *Central* tempat yang paling strategik bahasa kebangsaan diabaikan. Jadi itulah saya minta supaya setidak-tidaknya supaya suara-suara yang dikumandangkan dalam Dewan ini dihormati. Tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah cukup itu Yang Berhormat cukup biarkan Menteri menjawab.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oleh sebab saya tidak dapat memberikan persoalan lebih panjang saya minta, saya percaya Yang Berhormat faham apa yang tersirat dalam hati saya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana memaklumkan bahawa soalan ini, jawapan ini telah diulang-ulang. Saya pasti soalan juga berulang-ulang, jawapannya diulang-ulang. Akan tetapi hari ini...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini Menteri baru jawab *[Ketawa]* Orang baru. Jadi perkataan ini masih baru bagi saya sebab ini hari saya mula menjawab dan saya tengok benda ini baru. Saya ada timbul sedikit sifat '*gangho*', dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua faham makna '*gangho*'?...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat jelaskan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Banyak daripada kita tidak faham makna *gangho*. *Gangho* ini ialah bahasa Cina yang dipinjam oleh Inggeris dan sekarang ini menjadi bahasa Inggeris jadi *gangho*. Saya hari ini ada bagi semangat sifat *gangho* sedikit pada hari ini setelah pasukan saya dua-dua menang semalam *[Ketawa]* Malam kelmarin dua-dua pasukan saya menang. Saya hanya masih menunggu, mampukah saya melihat Piala Dunia ini pasukan saya itu menang. Jadi saya tidak gemar pilih pasukan yang popular sebab...

■1020

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawab mengikut apa yang disoalkan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, saya hendak bagi tahu makna '*gangho*' sebab dalam Parlimen ini saya rasa walaupun ada profesor bahasa Inggeris, dia tidak faham makna '*gangho*'. Akan tetapi '*gangho*' itu ialah bahasa Inggeris, yang bahasa Cina yang dipinjam. Sebab orang putih ini dipinjam, saya hendak bagi tahu jawapan ini Tuan Yang di-Pertua bahawa kehebatan sesuatu bahasa itu ialah kemampuan untuk bersama dengan dunia. Jadi untuk membolehkan bahasa Inggeris itu hebat dan diterima pakai di seluruh dunia, dia menghidupkan bahasa Inggeris itu dalam bentuk yang lebih progresif di mana perkataan yang dia tidak ada dan sukar untuk dia guna dalam bahasanya, digunakan bahasa lain. Jadi '*gangho*' adalah salah satu daripada bahasa Cina yang di'Inggeris'kan.

Kemudian bahasa Perancis yang di'Inggeris'kan. Saya hendak direkod dalam Parlimen sebab selepas hijrah, banyak tidak faham bahasa ini. Malah seorang profesor bahasa Inggeris daripada Oxford saya tanya dia apa makna '*jonti*' dia kata dia tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua saya tanya, itu makna '*jonti*', Tuan Yang di-Pertua sudah tahu. Jadi apa makna '*jonti*', saya kata makna '*jonti*', makna '*gangho*' dia hampir sama. Jadi saya ada bersemangat '*gangho*' dan '*jonti*' sikit pada pagi ini.

Jadi, Yang Berhormat bila saya baca, jawab soalan ini menunjukkan bahawa ini ialah tindakan-tindakan Dewan Bahasa yang mereka rasa kecewa kerana apa yang mereka telah cadang, apa yang mereka telah pantau, apa yang mereka telah bagi khidmat nasihat tidak didengari. Untuk membolehkan supaya mereka didengari, dia kena ada peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka mengambil tindakan kepada orang yang tidak mahu dengar sebab Bahasa Kebangsaan telah dimaktubkan dalam Perlembagaan.

Jadi sekarang ini jabatan yang diperbaharui dari semasa ke semasa ialah Jabatan Audit Dewan Bahasa. Cuma Audit Dewan Bahasa ini saya tidak pasti sama ada dia ikut disiplin atau pun tidak. Ataupun dia audit sepuluh tahun sekali kah atau macam mana. Jadi kita minta supaya- kita akan minta supaya audit, Jabatan DBP ini dibuat tiap-tiap tahun. Sama seperti Jabatan Audit Negara dan umumkan bahawa terdapat pelanggaran penggunaan bahasa Malaysia di Majlis Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur dan selepas itu ada orang berkata kepada saya tadi, kalau macam itu kita kena buat PAC lah. Tidak ada masalah, benda itu boleh dipertimbangkan supaya penggunaan bahasa Malaysia untuk tujuan komunikasi, untuk perpaduan, untuk bahasa ilmu dapat digunakan dengan baik.

Jadi ahli-ahli bahasa tidak boleh hanya kecewa dalam diri mereka. Kecewalah secara berkumpulan dan cara berkumpulan kita boleh menuntut bahawa sesuatu pihak itu kena patuhi penggunaan Bahasa Kebangsaan. Ini bahas kita, bahasa yang harus kita gunakan di masa akan datang. Jadi kekecewaan itu saya tidak pernah dengar. Hari ini saya dengar bahawa Dewan Bahasa kecewa, yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Sebelum ini saya tidak pernah dengar mereka kecewa. Jadi dengan itu kekecewaan mereka akan dipastikan menjadi kenyataan iaitu dengan mereka sendiri melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik.

Kemudian berhubung dengan yang keduanya, tentang pihak kerajaan tidak mematuhi. Maklumkan, kita tidak tahu. Kita hanya dengar pernyataan 'rasanubari' 'asmarama' yang tersimpan di hati ataupun di mulut kecil ataupun di media-media sosial yang kecil. Bentangkan, panggil media semua, bagi tahu bahawa *Central* melanggar penggunaan Bahasa Kebangsaan, bagi tahu. Majlis Perbandaran Tempatan sekian, sekian melanggar penggunaan Bahasa Kebangsaan. Ini dia, makna kata DBP sendiri kena muncul ke hadapan tetapi dia hendak suruh orang lain muncul, dia hendak berdiri belakang. Itu bukan DBP. Itu bubuh nama DB lain tapi DBP, dia ialah pemegang amanah. Kalau pemegang amanah kecewa, kita masalah.

Jadi sekarang ini saya mengesyorkan supaya pemegang amanah dan audit ini hendaklah dibuat tiap-tiap tahun dan bentangkan kepada umum bahawa ini dia hasil yang mereka dapat bahawa ada penyalahgunaan dalam memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Saya cadangkan supaya DBP juga mengikut perkembangan seminar ataupun simposium di peringkat antarabangsa di mana penggunaan bahasa itu, bahasa ibunda bagi sebuah negara itu dimartabatkan, diguna terjemahan. Jadi oleh sebab benda itu dimartabatkan, orang tahu bahawa ini ada bahasa yang muncul dalam dunia ini.

Saya beri contoh Persidangan ICAPP atau *International Conference of Asia Political Parties*. Dia kebanyakannya menggunakan bahasa mereka dan diterjemahkan. Walaupun Kirgistan, walaupun Nauru yang ada penduduk 10,000, menggunakan bahasa mereka tapi bawa penterjemah bahasa Inggeris untuk diterjemahkan. Kecuali ada dua buah negara untuk ICAPP yang tidak menggunakan bahasa mereka iaitu Malaysia dan Indonesia yang menggunakan bahasa Inggeris. *Wallahualam*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Mengenai *Central* itu, adakah tindakan segera, kalau Yang Berhormat mengatakan Dewan Bahasa tidak...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Tidak menyalurkan, apakah badan yang lebih tertinggi daripada Dewan Negara ini untuk menyuarkan hasrat dan keinginan rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini soalan asal diakah? Yang Berhormat bangkitkan ini soalan yang tidak terjawabkah apa?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya ini soalan tadi. Saya hendak tahu, apa tindakan segera?

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tindakan segera yang akan diambil di *Central* dan di *Bangsar South* menggunakan perkataan yang begitu. Saya minta itu saja, ketegasan, jaminan pada Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, cukup Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa akan ada tindakan segera untuk membetulkan penyelewengan keingkaran yang berlaku di *Central* dan di... [*Disampuk*] Jawab soalan. Terima kasih. Minta maaf.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pendek jawapannya. Dewan Bahasa telah menyatakan kesalahan yang berlaun dalam audit mereka kepada kerajaan tempatan dan kerajaan tempatan tidak ambil tindakan. Masa dia tidak ambil tindakan itu, kena maklum pihak yang berwajib. Di antara yang berwajibnya ialah Yang Berhormat Menteri. Ya, hari ini baru saya tahu. Saya tidak pernah mendapat maklumat terkini tentang perkara tersebut bahawa ada kesalahan penggunaan bahasa tersebut sebab apa, apabila nama sudah dipaparkan, dia melibatkan banyak aspek, kad pengenalan dan sebagainya.

Jadi benda itu patut dimunculkan lebih awal. Saya tidak tahu ya. Ini hari baru saya tahu. Jadi Yang Berhormat terima kasih atas perkara tersebut tapi Yang Berhormat bagi maklumat terperinci, *in shaa-Allah* tindakan akan diambil dengan sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Asyraf. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin saya untuk menanyakan soalan tambahan kepada Dato' Seri Menteri. Saya kira apa yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Firdaus itu amat penting dan saya rasa sekarang ini, isu yang saya bangkitkan baru-baru ini pun tidak dijawab dengan baik. Maknanya sejauh mana ketelusan kerajaan ini di dalam memastikan bahawa tidak berlakunya penjenamaan bahasa asing secara sewenang-wenangnya. Kena ada batasannya.

Hari ini kalau kita tengok dalam konteks, tadi pun dibangkitkan. Apabila bahasa yang susah untuk diterjemahkan barulah kita. Maknanya kena ada satu garis panduan yang jelas, apakah apabila tidak ada bahasa yang mampu untuk menterjemahkan maksud sebegitu, baru kita boleh menggunakan bahasa asing untuk di'Melayu'kan umpamanya? Itu garis panduan yang perlu ada secara jelas dan secara tuntas ya...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat. Saya fikir soalan itu sudah jelas.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Akan tetapi satu lagi yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahukan penguatkuasaan yang lebih tegas kerana hari ini bandar-bandar baru, *shopping mall*, penggunaan bahasa seperti *Southwell, City, Boulevard* even bahkan *Precint* itu sendiri pun menggunakan istilah-istilah yang asing daripada Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih dan Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan tadi bahawa di samping pekeling yang dihantar, sebab ini saya jaga JPA, kita ada Kementerian Pendidikan/Pelajaran.

Okey di pihak JPA ini adalah untuk jabatan kerajaan sahaja bahawa kita ada pekeliang yang mereka harus patuhi dan selepas itu yang keduanya ialah Dewan Bahasa membuat audit.

Jadi Laporan Audit Dewan Bahasa ini kita tidak dapat, saya tidak dapat di atas meja saya sekarang ini bahawa ini Laporan Audit Dewan Bahasa sebab Audit sekarang ini sudah pun trendnya pergi ke media. Dulu-dulu Audit tidak pergi media. Sekarang ini Audit sudah pergi media. Audit Dewan Bahasa pun sama, bentangkan bahawa sudah ada penyalahgunaan penggunaan Bahasa Malaysia di Kuala Lumpur, di mana-mana kerajaan tempatan. Jadi dengan begitu, kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya.

■1030

Saya sedar dan saya juga tengok bahawa terdapat apa yang telah disebutkan oleh Senator tadi terdapat penggunaan bahasa asing yang luar biasa. Bukan luar biasa, secara berleluasa kerana tidak mendapat mungkin satu teguran daripada Dewan Bahasa, pemegang amanah bahasa ini.

Yang keduanya, Laporan Audit itu mungkin hanya untuk jabatan sahaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh, boleh penjelasan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya minta supaya Laporan Audit itu diketengahkan supaya rakyat tahu bahawa kita..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini sesi soal jawab Yang Berhormat. Bukan masa perbahasan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, tetapi saya tahu Yang Berhormat tak puas hati. Sekarang ini saya pun tak puas hati. Jadi itu senang cerita. Akan tetapi saya akan lebih berpuas hati kalau ada di hadapan saya sekarang ini satu Laporan Audit. Ini Laporan Audit untuk negeri, baru empat buah negeri. Empat buah negeri, Yang Berhormat, audit. Kalau hendak audit, audit semua di seluruh negara, bentangkan. Tiap-tiap tahun, setahun sekali menjadi tanggungjawab Dewan Bahasa bentangkan audit dan selepas itu beritakan kesalahan yang telah dilakukan oleh jabatan kerajaan dan sebagainya. Kalau tidak, kita hanya lepas perasaan, tak boleh buat apa-apa. Hanya tengok. Itu bukan tugas penting.

Tugas penting sekarang ini hendak pastikan supaya Dewan Bahasa itu sendiri melaksanakan tanggungjawab mereka dengan mengetengahkan bahawa terdapat penyalahgunaan dalam Bahasa Kebangsaan. Ya, boleh tidak ada masalah kalau Tuan Yang di-Pertua beri. Saya tidak ada masalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak mengatakan bahawa Yang Berhormat sendiri mengaku tidak mendapat informasi yang jelas dan tuduhan Yang Berhormat mengatakan Dewan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa, memandangkan perkara ini agak penting, mungkin lebih baik sekiranya Yang Berhormat berbincang dengan kementerian..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi saya rasa saya minta supaya benda ini *on record*, apatah lagi tuduhan terhadap Dewan Bahasa tadi. Saya pernah menjadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk mengatakan Dewan Bahasa tidak menegur...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. *This is* sesi soal jawab Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak betullah Yang Berhormat Menteri. Bertubi-tubi dan berbuih mulut menegur, Dewan Bahasa dan Pustaka. Semasa saya berkhidmat dan Ketua Pengarah selepas saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mohon kerjasama Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jadi itu yang saya hendak katakan, bahawa Dewan Bahasa tidak mendapat pembelaan yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebaliknya mendapat tuduhan yang tidak adil. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, tidak apa, saya jawab. Kita kena bagi puas hati. Nanti, saya pun rekod juga tak bagus. Saya bukan tegur Dewan Bahasa. Akan tetapi saya hendak umumkan yang Dewan Bahasa telah menjalankan tugas mereka. Saya tengok dia audit dan sebagainya. Cuma selepas ini kita hendak buat supaya teratur sedikit. Audit mesti setahun. Jangan audit lima tahun, audit setahun, bentangkan bahawa terdapat kesalahan. Selepas itu beritakan. Kita kena bawa untuk diberitakan.

Yang Berhormat bercadang supaya ada jawatankuasa macam berbentuk PAC di Dewan Negara dan juga di Dewan Rakyat mengkaji benda tersebut. Benda yang begini penting ialah bahasa sebab kalau bahasanya elok, baik, maka rakyat pun jadi baik. Akan tetapi kalau bahasa jadi kelam kabut, pemikiran juga jadi kelam kabut. Jadi saya setuju Yang Berhormat bahawa saya ini sedang tengah bersemangat hendak memartabatkan Bahasa Malaysia. Jadi dengan itu saya akan panggil semua pihak yang terlibat supaya bentangkan permasalahan mereka dan umumkan bahawa terdapat sepuluh buah Kerajaan Tempatan yang telah gagal menggunakan Bahasa Malaysia. Baru orang tahu [*Tepuk*] Kalau tidak Yang Berhormat, Yang Berhormat kata sudah berbuih, berbuih bercakap. Apa, tajuk apa? Di mana, rumah siapa?

Jadi sekarang ini kita hendak tahu, di bawah kerajaan tempatan manakah yang telah melanggar? Bagi tahu, senaraikan dan kepada kerajaan tempatan itu saya hendak tahu nama pegawai yang telah dipertanggungjawabkan, sekian-sekian. Nama itu akan dipanggil ke hadapan, kenapa dia menyalahgunakan bahasa. Mungkin bahasa ini dia kata lebih komersial. Jadi kita hendak tengok apakah ada unsur-unsur lain yang ada hubung kait sehingga dia menggunakan bahasa lain untuk tujuan komersial umpamanya, dan tanpa melihat bahawa itu satu pelanggaran penggunaan bahasa.

Saya hendak bagi tahu sebagai rakyat Malaysia, duduk di negara Malaysia ini, pakailah Bahasa Malaysia. Lain-lain, bahasa lain, kalau rasa hendak seronok pakai tempat lain, pergi ke negara lain [*Tepuk*] Boleh pergi ke Perancis, boleh pergi mana-mana, gunalah bahasa itu. Akan tetapi di Malaysia, penggunaannya biarlah penggunaan Bahasa Malaysia supaya orang tahu bahawa dia datang ke Malaysia. Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu lagi, Yang Berhormat Menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Saya ingin Menteri sudah jawab dengan panjang lebar.

Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar: Sebab benda ini penting juga sebab saya pun pernah...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Menteri sudah kata, dia mungkin akan mengadakan sesi perbincangan dengan pihak kementerian.

Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar: Ya, tetapi saya ada penambahan daripada topik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup. saya rasa kita beralih ke soalan nombor dua. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Datuk Yahaya bin Mat Ghani minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, ada ataupun tidak kerajaan menetapkan dasar untuk mengelakkan fenomena peminggiran Melayu bandar (*ghettoization*), terutamanya apabila dilihat kebanyakan pembinaan penempatan di bandar-bandar besar melibatkan pembinaan kondominium mewah dan rumah kos yang berskala tinggi.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Isu pemilikan rumah melibatkan hal-hal berkaitan dengan tanah di mana kawasan perumahan yang dibina sama ada rumah kos rendah mahupun rumah berskala tinggi adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri selaras dengan Perlembagaan Negara.

Sehubungan itu, akan terdapat perbezaan antara negeri dalam penempatan penetapan kuota bumiputera bagi kawasan perumahan. Bagi Wilayah Persekutuan, jumlah kuota yang ditetapkan bagi bumiputera untuk sesuatu kawasan perumahan yang akan dimajukan oleh mana-mana pemaju sama ada rumah kos rendah mahupun rumah kos yang berskala tinggi ialah sebanyak 30 peratus. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan pada tahun 1970-an.

Untuk mengelakkan fenomena penyingkiran Melayu bandar, dengan izin, *ghettoization*, Kementerian Wilayah Persekutuan telah merancang untuk melaksanakan Program Pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) meliputi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Dalam konteks ini sejumlah 80,000 unit rumah akan dibina iaitu masing-masing 50,000 unit di Kuala Lumpur, 20,000 unit di Putrajaya dan 10,000 unit di Labuan dalam tempoh lima tahun untuk membantu mengatasi masalah perumahan penduduk di Wilayah Persekutuan di mana sebahagian besar kawasan perumahan ini akan dibina di dalam bandar. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang terpaksa saya terima walaupun hakikatnya tidak boleh terima. Umum mengetahui Yang Berhormat Menteri, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hampir 40,000 orang rakyat yang menunggu perumahan awam PPR. Kalau kita lihat hari ini Yang Berhormat Menteri, ada pemaju-pemaju di dalam Kuala Lumpur khususnya di Parlimen saya di Bahagian Batu, yang dianugerahkan tanah yang begitu luas, hampir ratusan hektar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terus kepada soalan Yang Berhormat, tak payah mukadimah lagi.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Nanti dulu nak cakap ini. Sabarlah, sabar.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Contohnya YTL, dari Jalan Sentul sampai ke Jalan Ipoh, ratusan hektar. Janji hendak buat rumah PPR, perumahan rakyat. akan tetapi yang dibina hari ini ialah rumah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Nanti dulu Tuan Yang di-Pertua, sabar, sabar.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bukan masa berbahas. Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Eloklah itu.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Janji yang dibuat itu hendak bina rumah PPR tidak dibuat- yang dibuat adalah kondominium mewah-mewah setengah juta ke atas harganya. Siapakah yang mampu beli? Tak mampu beli. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah ini? Tolonglah Yang Berhormat Menteri, tolong tengok.

Sudahlah YTL ini, *boss* dia cakap yang bukan-bukan, katanya kroni UMNO dan sebagainya. Tidak berterima kasih kepada kerajaan. Terima kasih [*Tepuk*]

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, saya berasa terharulah Yang Berhormat ini boleh katakan terpaksa terima. Baguslah itu, boleh faham kerajaan dengan Ahli Senator ini. Baguslah.

■1040

Keduanya, bagi kawasan Batu yang khususnya yang diminta oleh Yang Berhormat dan pemaju pula dinamakan, kerajaan telah menetapkan bahawa ia membuat pembinaan rumah kos rendah sebanyak 250 unit, rumah mampu milik 250 unit, dan kita dalam proses mengeluarkan D.O-D.O untuk mereka, D.O ini *Development Order* untuk mereka mulakan kerja.

Akan tetapi kita mempunyai masalah-masalah yang tidak dapat kita selesaikan lagi. Oleh yang demikian, sekadar memastikan bahawa rumah kos rendah dan rumah mampu milik ini dibina, kerajaan dan Kementerian Wilayah Persekutuan memang komited dan memastikan semua pemaju membuat pembinaan tersebut. Oleh yang demikian, kita tetapkan 30 peratus dan 30 peratus ini kita mesti capai...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Akan tetapi masalahnya tidak buat.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sampai saat ini rakyat menunggu rumah itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Soalan tambahan Dato' Jaspal Singh.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk soalan tambahan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator, saya hendak membawa perkara di kawasan Kerinchi. Nombor satu, saya hendak tahu bila kita membuat perancangan, tanah yang dimiliki oleh kerajaan ataupun koperasi bila kita memberi kepada pemaju untuk membangunkan, nisbah rumah kos rendah dan rumah mampu milik tadi Yang Berhormat memberitahu ada 30 peratus. Daripada projek-projek yang dijalankan apakah kejayaan mencapai 30 peratus ini? Kenapa pula kita tidak mempunyai polisi, buat rumah mampu milik, buat rumah PPR ataupun kos rendah dahulu sebelum membangunkan pangsapuri yang berjuta-juta itu? Ini kerana banyak *example*.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini soalkah atau cadangan Yang Berhormat?

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Ya, jadi saya hendak tahu daripada kementerian, bagaimanakah kementerian membuat kawalan ini? Mengapakah longgar sangat? Buat pangsapuri dahulu, selepas itu tidak mahu buat rumah PPR ataupun tidak mahu buat rumah mampu milik, boleh? Kenapakah macam itu?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya memberi kepastian bahawa kementerian memang mengawal secara ketat memastikan semua cadangan pembangunan rumah-rumah di kawasan Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya ini mempunyai peruntukan rumah kos rendah dan rumah mampu milik.

Keduanya, kebanyakan tempat-tempat ini kita meminta pemaju memberi subsidi untuk menaikkan rumah-rumah kos rendah ini. Oleh yang demikian, mereka juga memohon kepada kita supaya kita memberi mereka peluang untuk mendapatkan sedikit wang dan pada masa yang sama mereka membina rumah-rumah ini untuk diberikan kepada rakyat.

Saya boleh beri contoh, dalam hal di mana YTL, rumah kos rendah yang mereka bina akan dijual kepada rakyat, 650 kaki persegi itu akan dijual kepada rakyat pada harga RM42,000. Manakala rumah mampu milik yang mereka bina itu akan dibeli oleh DBKL pada harga RM45,000 di mana ia itu 750 kaki persegi. Mereka terpaksa *subsidize* kos pembinaan rumah. Oleh yang demikian, mereka meminta supaya kita pun beri mereka sedikit *levy*, dengan izin, supaya mereka dapat membangunkan kondominium mereka untuk mendapatkan sedikit keuntungan untuk *subsidize* rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah mampu milik. Itu tuduhan seperti kerajaan tidak mengambil tindakan, kerajaan tidak kira pada orang rakyat ini tuduhan tidak berasas. Ini tidak betul, ini semua lihat daripada segi penglihatan dan tidak ada faktor.

Oleh itu, saya mohonlah kalau minta sesuatu daripada kerajaan pastikan kerajaan ini kerajaan yang prihatin yang mesti memastikan rakyat tidak disengsarakan. Ini matlamat yang kita ada. Oleh itu saya boleh beri keyakinan bahawa semua rumah yang dibina, kos rendah atau semua pembangunan rumah yang dijalankan di Kuala Lumpur ini ataupun di Labuan dan Wilayah Persekutuan, kita akan pastikan rumah kos rendah dan rumah mampu milik ini dibina. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan soalan seterusnya Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

3. Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan anggota polis untuk mendiami di setiap taman perumahan di seluruh negara memandangkan pada masa ini terdapat banyak bilangan kes-kes kecurian, perompakan berlaku.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak ceria pagi ini pakai baju *robe* yang baru. Tahniah!

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian belum bercadang untuk meletakkan anggota polis mendiami setiap taman perumahan seluruh negara dalam tempoh yang terdekat ini. Cadangan tersebut memerlukan kajian yang terperinci daripada segi bebanan kewangan yang ditanggung oleh kerajaan untuk menyediakan prasarana dan anggota yang diperlukan. Fakta lain juga perlu diambil perhatian seperti keselamatan kepada anggota yang bertugas, bentuk, dan jadual pengurusan harian anggota serta pertambahan keanggotaan yang diperlukan bagi menempatkan anggota di taman-taman perumahan berkenaan.

Sebagai langkah pilihan kepada cadangan tersebut untuk mengawal kejadian jenayah di kawasan perumahan dan kawasan perindustrian, kerajaan telah mengambil pendekatan dengan membina Balai Polis Komuniti di negeri-negeri terpilih di seluruh negara. Dengan kekuatan anggota yang bertugas seramai tujuh orang anggota yang diketuai oleh seorang berpangkat Sarjan berbeza dengan Balai Polis yang sedia ada yang mana Balai Polis Komuniti ini beroperasi di premis perniagaan atau rumah-rumah yang disewa di taman perumahan dan penduduk setempat.

Strategi ini diperkenalkan dalam usaha membanteras jenayah dengan kaedah yang baru. Selain beroperasi sebagai Balai Polis yang menerima aduan dan menjalankan siasatan, anggota yang bertugas juga akan fokus kepada usaha untuk mengumpul maklumat. Ia sesuai dengan kedudukan balai di tengah-tengah masyarakat. Balai Polis Komuniti ini juga berperanan untuk memberikan kesedaran kepada penduduk setempat mengenai tanggungjawab bersama mencegah jenayah di samping turut serta dalam program komuniti yang dianjurkan persatuan penduduk atau pertubuhan bukan kerajaan yang lain.

Sehingga kini sebanyak 82 buah Balai Polis Komuniti telah dibina seluruh negara sejak tahun 2008. Balai Polis Komuniti yang telah beroperasi di Johor ialah sebanyak empat buah; Kuala Lumpur sebanyak 21 buah; Selangor sebanyak 41 buah, Pulau Pinang sebanyak 15 buah; dan Perak sebanyak sebuah. Dengan adanya Balai Polis Komuniti ini bukan sahaja memberikan keselesaan kepada penduduk untuk berurusan dengan pihak polis tetapi dalam masa yang sama, perhubungan dengan masyarakat akan lebih mantap di samping dapat membantu mengurangkan jenayah seperti pecah rumah, jenayah jalan, dan sebagainya.

Selain itu petunjuk prestasi utama iaitu KPI Ketua Polis Negara di bawah Jabatan Pencegah Jenayah dan Keselamatan Komuniti, pihak polis telah mengambil beberapa inisiatif pendekatan bagi meningkatkan rasa selamat dalam masyarakat iaitu:

- (i) menetapkan iaitu kehadiran polis sebanyak 66 peratus di kawasan perumahan dan perniagaan dengan sasaran masa rondaan selama 16 jam sehari hingga kawasan yang disenaraikan di bawah pentadbiran polis. Kaedah yang dibuat adalah dengan menggunakan rondaan *beep*, Mobil Petrol ataupun MPV, Unit Ronda Bermotosikal (URB); dan
- (ii) usaha sama mencegah jenayah dengan sektor swasta dan NGO bagi meningkatkan komitmen masyarakat dalam mewujudkan persekitaran selamat. Inisiatif ini bertujuan merapatkan hubungan dan jurang antara polis dan masyarakat melalui aktiviti seperti kursus pencegahan jenayah, seminar, kempen, penggalakan pencegahan jenayah, pembersihan kawasan hitam, dan aktiviti perhubungan masyarakat.

Dengan langkah yang telah diambil dan penglibatan masyarakat yang dilihat semakin meningkat, pihak polis berkeyakinan segala perancangan akan memperoleh impak yang positif dan masalah jenayah di seluruh negara dapat dikurangkan pada masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Datuk Seri Mohd Ali.

■1050

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan juga supaya tempoh bit ataupun rondaan itu dapat ditambah daripada 16 jam hingga meliputi 24 jam sehari. Oleh sebab waktu-waktu pagi ketika orang ramai sibuk ataupun waktu malam ketika orang ramai tidur, pencuri banyak berlaku di taman-taman perumahan. Dengan itu, saya harap tempoh rondaan ini dapat ditambah lagi. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian dan juga jabatan polis dalam peringkat pengembangan atau pengambilan anggota polis pada masa ini supaya mencapai tahap yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pembaikan Polis tahun 2004, 2005 dahulu. *In shaa-Allah* kalau anggota polis ini boleh ditambah sebanyak mungkin mengikut nisbah yang kita sekarang dikatakan 5,000:1 orang anggota tiap-tiap tahun.

Akan tetapi malangnya dalam masa yang sama, kita ada mempunyai kurang lebih 1,500 orang polis bersara, meletak jawatan, diberhentikan kerja dan sebagainya. Jadi, kementerian sekarang telah mengarahkan supaya nisbah 5,000 setahun ini tetap kita tetapkan dengan kemampuan kerajaan dalam masa yang sama, sokongan daripada masyarakat untuk pihak memasuki jabatan polis daripada etnik lain selain daripada pihak Melayu dan bumiputera. Jadi, *in shaa-Allah* Yang Berhormat, kita boleh meningkatkan nisbah bit kita dalam satu-satu kawasan daripada 16 ke-24 jam sebagaimana Yang Berhormat cadangkan. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selagi ada orang berniat jahat, maka selama itulah jenayah akan berlaku. Ini yang saya baca daripada nota daripada Akademi Polis. Antara peningkatan jenayah dengan bilangan polis di seluruh negara telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dengan pertambahan penduduk. Mohon sedikit masa ya Tuan Yang di-Pertua, maka bertambah jenayah.

Bila kita sebut jenayah, orang kaitkan dengan polis. Sebut polis kita kaitkan dengan jenayah. Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menambah anggota polis ternyata belum mencukupi. Dulu ada satu pendekatan, mengambil bekas tentera untuk memasuki pasukan polis- bekas tentera yang dah bersara. Soalan saya, sejauh manakah usaha ini telah dilaksanakan dan bagaimanakah usaha ini berterusan ataupun sudah diberhentikan? Itu sahajalah, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, persoalan Yang Berhormat ini ada hubung kait dengan jumlah yang boleh kita lantik tiap-tiap tahun, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab bekas tentera ini juga perlu melalui proses latihan kerana orientasi latihan sebagai anggota tentera berlainan dengan orientasi latihan pihak polis. Satu lagi dari sudut undang-undang. Pelaksanaan undang-undang oleh angkatan tentera adalah mudah daripada apa yang dilaksanakan oleh pihak polis.

Walau bagaimanapun, sehingga sekarang ini kita telah mendapat 200 daripada bekas tentera ini, kita serap, kita masukkan memasuki polis selain daripada kita mempunyai *drive recruitment* ini, pelantikan ahli anggota polis itu memasuki polis daripada orang awam juga masih kita jalankan. Supaya kita sampai pada satu nisbah yang mencukupi berlandaskan kajian yang kita telah buat oleh pihak polis dan pihak Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi *in shaa-Allah* Yang Berhormat, usaha untuk melantik anggota polis dan melatih anggota polis yang baru masih juga berterusan. Begitulah juga usaha kita untuk mencari anggota bekas tentera yang mahu berkhidmat dalam polis berlandaskan gaji dan syarat perkhidmatan dan sebagainya. Itu juga diteruskan pelaksanaannya. Setakat ini, itulah saja yang boleh saya jawab Yang Berhormat, terima kasih.

4. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan kes HIV baru yang dikenal pasti sepanjang 2013 dan 2014 dan apakah yang sedang dilakukan oleh kementerian dalam usaha mengurangkan angka-angka tersebut.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan isu perbincangan tentang penyakit AIDS di dalam negara kita. Bilangan terkumpul kes HIV yang telah dilaporkan sejak tahun 1986 sehingga April tahun ini ialah sebanyak 102,742 kes. Bagi tahun yang lalu sahaja, sebanyak 3,393 kes telah dilaporkan dengan kadar notifikasi kes HIV baru mencatatkan 11.42 bagi setiap 100,000 orang penduduk.

Bagi tempoh Januari hingga April tahun ini, jumlah kes HIV baru dilaporkan adalah sebanyak 100,070 kes. Berdasarkan pemantauan ini dijangkakan sebanyak 3,210 kes HIV baru akan dilaporkan sepanjang tahun ini dengan kadar notifikasi kes baru mungkin dalam lingkungan 10.7 bagi setiap 100,000 orang penduduk.

Bilangan kes HIV baru di Malaysia pada amnya telah menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2002. Di mana bilangan tertinggi kes HIV telah dilaporkan iaitu sebanyak 6,978 kes pada kadar 28.5 bagi setiap 100 orang penduduk. Kalau dibandingkan dengan 28.5 dan anggaran pada tahun ini ialah 10.7. Itu menunjukkan satu penurunan yang ketara. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi menangani kes HIV sejak tahun 1985 iaitu satu tahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini.

Langkah-langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV/AIDS dilaksanakan seperti mana yang digariskan dalam Pelan Strategik Kebangsaan HIV/AIDS yang terbaru ialah dari tahun 2011 sampai tahun 2015. Program-program tertentu yang telah dijalankan ialah daripada segi kawalan, saringan HIV untuk kumpulan yang berisiko dan yang tidak berisiko. Langkah-langkah pencegahan melalui *harm reduction programme* iaitu program pemberian *methadone* dan jarum sebagai *exchange*, program pencegahan kepada golongan yang berisiko tinggi untuk mendapat HIV. Daripada segi pendidikan ialah program-program pendidikan yang ditumpu kepada masyarakat am, kepada kumpulan-kumpulan yang berisiko, kepada pelatih-pelatih di PLKN dan kepada pelajar di sekolah dan di pusat pengajian tinggi. Melalui semua program ini, kerajaan telah mencapai pencapaian ini dan pencapaian kita ialah selaras dengan apa yang telah ditentukan di dalam *Millennium Development Goals*. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Ada tanggapan bahawa sebahagian besar daripada kes penghidap HIV ini adalah daripada golongan Melayu. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai statistik tentang ini dan jikalau ada, bolehkah diberikan sekarang atau pun kemudian?

■1100

Sehubungan dengan itu dipercayai bahawa punca utama daripada HIV ini ialah hubungan seks bebas dan juga penggunaan berkongsi jarum untuk suntikan. Sejauh manakah telah berkesan misalnya untuk mengatasi masalah ini? Bukan sahaja dengan soal pencegahan, soal dendaan misalnya tetapi dengan memperluaskan nilai-nilai agama dan nilai-nilai akhlak yang baik. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya mempunyai butiran untuk kes-kes yang telah dilaporkan daripada Januari sampai April tahun ini. Daripada jumlah 1,070 kes yang telah dilaporkan, yang dilaporkan daripada kalangan masyarakat Melayu telah 453 orang lelaki dan 100 orang perempuan bermaksud 553. Lebih kurang 50 peratus daripada jumlah penuh menunjukkan bahawa peratusan itu ialah selaras dengan jumlah penduduk Melayu di dalam negara kita. Jumlah itu telah nampak bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi semua masyarakat iaitu jumlah yang telah dilaporkan selaras dengan bilangan penduduk yang ada. Itu bermaksud semua masyarakat di dalam negara kita mempunyai risiko yang sama.

Untuk menjawab soalan yang berikutan tentang kategori-kategori yang mempunyai risiko yang tinggi, kalau kita lihat kepada sejarah HIV di dalam negara kita, pada mulanya kumpulan yang risiko paling tinggi dan kumpulan yang menyumbang kepada kes-kes ialah daripada mereka yang menggunakan dadah iaitu *intravenous drug usage*. Akan tetapi dengan program-program yang telah dijalankan, yang saya telah beritahu tadi iaitu program pemberian *methadone* dan pemberian jarum yang baru kepada mereka yang gunakan khususnya oleh NGO yang bekerjasama dengan kerajaan yang telah mendapat peluang untuk mendekati kumpulan-kumpulan berisiko ini.

Mereka telah berjaya untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan mereka untuk mengamalkan langkah-langkah yang lebih sihat. Melalui ini kita sudah mengurangkan- kalau kita lihat kepada jumlah kes yang dilaporkan pada keseluruhannya, walaupun pada awalnya lebih 78 peratus daripadanya ialah daripada *intravenous drug usage* (IVDU). Akan tetapi pada masa sekarang lebih kurang sudah sama iaitu mereka-sumbangan daripada IVDU dan daripada yang merebak melalui *sexual contact* itu lebih kurang sama. Menunjukkan bahawa risiko yang lebih tinggi pada masa sekarang melalui seks, ya.

Kalau lihat lebih terperinci ada tiga kumpulan daripadanya 70 peratus ialah daripada hubungan seks di antara lelaki dan perempuan. Lelaki dan perempuan bermaksud walau secara sah atau secara tidak sah. Kalau lihat daripada jumlah yang melalui *heterosexual* iaitu melalui perhubungan di antara lelaki dan perempuan yang telah dilaporkan pada tahun ini juga 337 orang lelaki dan 1,960 orang perempuan ialah kes-kes baru yang telah dilaporkan pada tahun ini. Ini termasuk suri rumah tangga lebih kurang 100 orang yang dapat mungkin daripada suami mereka dan menunjukkan risiko kalau mungkin suami dapat daripada punca yang lain. Selepas itu mereka menjangkiti penyakit itu kepada isteri dan mereka yang mendapat melalui cara-cara yang berlainan.

Walaupun kita telah mencapai satu kejayaan yang besar di dalam mengawal penyakit ini di kalangan *drug users*, penagih dadah. Akan tetapi sekarang cabaran yang paling besar ialah untuk sampai kepada rakyat kepada keseluruhannya dengan mesej mereka kena mengamalkan seks yang lebih sihat. Ini mesej kena diberi kepada semua kumpulan termasuk kumpulan yang berisiko tinggi dan masyarakat am pada keseluruhan. Mereka kena sedar cara macam mana penyakit ini merebak daripada satu orang kesatu orang yang lain dan supaya mereka boleh ambil langkah-langkah keselamatan daripada perkara ini. Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah oleh sebab berlaku penurunan seperti mana angka-angka yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri maka kempen memberi kesedaran kepada rakyat itu juga mula muram. Kalau diperhatikan dalam media elektronik dan media cetak, kurang sekali hal ini diuar-uarkan? Itu pertanyaan saya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat, masih kerajaan memberi satu keutamaan yang tinggi walaupun kita sudah mencapai penurunan 50 peratus daripada kadar dulu iaitu daripada 25 peratus sampai lebih kurang 10 peratus, 11 peratus pada masa sekarang. Harapan kita untuk menurunkan kadar itu lagi dan cabaran-cabaran itu berbeza. Pada satu masa tumpuan diberi kepada penagih dadah. Oleh sebab itu menunjukkan satu kumpulan yang paling besar. Sekarang ialah tumpuan untuk daripada proses merebakkan melalui aktiviti seks. Oleh itu banyak daripada aktiviti ditumpukan kepada kumpulan yang berisiko tinggi. Saya mungkin kena mengambil peluang ini, inilah salah satu daripada program di dalam kerajaan di mana kejayaan datang daripada kerjasama di antara kerajaan dengan NGO-NGO. Khususnya *Malaysian AIDS Council* yang menjadi NGO yang menjadi payung yang menggabungkan semua NGO yang ada untuk menjalankan aktiviti ini.

Ini kerana dalam pendekatan kita, apa yang telah menjadi satu pengamalan kementerian bila pegawai-pegawai secara rasmi mahu mendekati kumpulan-kumpulan tertentu, mereka segan untuk mendekati dengan agensi kerajaan. Ini kerana mereka nampak ini ialah agensi penguatkuasaan dan kita tidak berjaya mari dekat.

Akan tetapi bila NGO yang ada di dalam masyarakat-masyarakat tertentu yang boleh mendapat perwakilan daripada semua kumpulan termasuk pelacur daripada kumpulan-kumpulan yang lain. Di dalam NGO mereka lebih berjaya untuk mendekati masyarakat yang tertentu itu, yang dituju itu supaya mesej boleh sampai kepada mereka. Boleh dikatakan langkah yang dijalankan semua program berjalan secara berterusan dan program-program lebih berfokus kepada kumpulan-kumpulan tertentu untuk mendapat kejayaan yang lebih baik. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ucapkan tahniah kepada pasukan bola JDT yang menang malam semalam, tahniah! Hari ini Johor cuti am, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kes AIDS semakin meningkat sekarang ini Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja masyarakat biasa tetapi juga terdapat pada pegawai-pegawai kerajaan. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam rekod kementerian berapa ramaikah kakitangan kerajaan yang terlibat dengan penyakit maut ini? Bagaimanakah langkah kerajaan untuk melindungi rakan kerja yang lain supaya penyakit ini tidak merebak dan dapat ditangani dengan baik?

Satu lagi, oleh sebab Yang Berhormat Menteri datang dan Tuan Yang di-Pertua, saya bukan selalu dapat hendak berdiri. Mengenai dengan kanak-kanak dan wanita yang dijangkiti AIDS/HIV ini, sejauh manakah usaha kementerian bagi memastikan kanak-kanak dan wanita ini diberi rawatan secukupnya, di samping usaha mengenal pasti mereka yang dijangkiti dan memberi rawatan yang sewajarnya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ada tiga bahagian kepada soalan Yang Berhormat. Sebelum itu saya mahu membetulkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bahawa jumlah-jumlah kes AIDS sedang meningkat, tidak. Seperti yang saya telah jawab tadi, data menunjukkan penurunan, sebenarnya ada penurunan. Daripada keseluruhannya di dalam semua kumpulan.

Cuma kumpulan-kumpulan berisiko ini sangat berbeza. Itulah sebab saya tadi sudah beritahu walaupun kejayaan kita di dalam mengawal dan membendung masalah ini di kalangan mereka yang menggunakan dadah itu sudah berjaya secara baik, tetapi cabaran baru ialah macam mana kita boleh mengurangkan jumlah kes ini daripada merebak melalui perhubungan seks.

■1110

Bagi menjawab soalan tentang jumlah mereka daripada pekerja pegawai kerajaan yang mendapat AIDS, kalau kita lihat kepada 1,070 kes yang telah dilaporkan pada tahun ini, pegawai kerajaan lebih kurang 57 orang dan kalau membuat satu perbandingan dengan pegawai kerajaan dan pegawai yang telah secara sukarela memberitahu bahawa mereka adalah daripada peringkat swasta, jumlah daripada peringkat swasta 239 orang.

Akan tetapi kalau lihat daripada nisbah risiko daripada pandangan itu untuk pegawai kerajaan itu lebih tinggi daripada swasta. Tadi Ahli Yang Berhormat telah tanya soalan macam mana boleh mengawal rakan-rakan mereka yang kerja di pejabat yang sama? AIDS tidak merebak melalui duduk di tepi atau melalui makanan atau melalui cara-cara yang lain. Penyakit ini merebak melalui aktiviti-aktiviti tertentu khususnya kalau mereka berkongsi jarum yang sama. Itu menjadi satu risiko yang tinggi atau melalui langkah-langkah di mana ada *blood contact* iaitu ada *contact* dengan darah atau melalui perhubungan seks.

Kalau perkara-perkara ini tidak berlaku, walaupun seseorang duduk dan kerja dalam tempat yang sama dengan mereka yang mempunyai penyakit AIDS, itu tidak bermaksud seseorang itu akan mendapat penyakit itu. Terima kasih.

5. Dato' Boon Som a/l Inong minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi memperbaiki dan mempertingkatkan tahap pengurusan di tempat pemindahan mangsa banjir. Apakah usaha-usaha yang dilakukan supaya mangsa banjir yang dipindahkan juga turut menyumbang tenaga mereka bagi menguruskan pusat pemindahan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua merujuk semula kepada arahan Majlis Keselamatan Negara, nombor 20, dasar dan juga mekanisme pengurusan bencana negara semakan 2012 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dipertanggungjawabkan selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap penyediaan dan penyelenggaraan pusat-pusat perpindahan bencana di seluruh negara.

Tugas ini termasuklah mengenai penyediaan dan pengagihan bantuan makanan dan keperluan asas. Pendaftaran mangsa yang menginap di pusat perpindahan bagi tujuan pemulihan serta memberi khidmat kaunseling kepada mangsa. Dalam hal pengurusan pusat perpindahan, pihak JKM telah meletakkan supaya beberapa jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk menyelaras dan menguruskan beberapa tugas seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kecil Pendaftaran Mangsa;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Keperluan Makanan;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Kebersihan;
- (iv) Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kesihatan; dan
- (v) Jawatankuasa Kecil Aktiviti.

Lain-lain jawatankuasa itu akan berfungsi serta-merta sekiranya pusat perpindahan tersebut dibuka. Jawatankuasa Kecil Aktiviti ini ia lebih memberi perhatian kepada usaha-usaha pengisian masa. Ini kerana kalau kita beramai-ramai di sebuah tempat, kadang-kadang kalau tidak ada aktiviti, ia akan menimbulkan pelbagai perkara, tekanan, dan sebagainya. Kita juga telah memasukkan Jabatan Agama di sini supaya pada masa ini mereka boleh sama-sama membuat tazkirah dan juga menganjurkan solat jemaah bersama-sama.

Kalau dilihat apa yang berlaku, dalam sejarah sukar untuk kita mengumpulkan seluruh anggota keluarga di sebuah tempat untuk mendengar ceramah ataupun beri tazkirah. Akan tetapi semasa banjir kita boleh berbuat demikian sebab mereka tidak ada ke mana lagi boleh pergi. Mereka akan berada di sana, maka kita bolehlah isi ruang itu dengan baik. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini bermatlamat supaya pengurusan pusat perpindahan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dengan penglibatan mangsa-mangsa yang ditempatkan di sebuah tempat pusat perpindahan yang berkenaan.

Aktiviti-aktiviti ini juga memupuk semangat kerjasama dan gotong-royong di kalangan masyarakat. Secara tidak langsung memberikan semangat kepada mangsa banjir bahawa mereka juga boleh turut memainkan peranan untuk menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Ia bukan hanya untuk menerima bantuan semata-mata. Terima kasih.

Dato' Boon Som A/L Inong: Soalan tambahan saya bahawa banjir- terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu baik sekali. Saya berterima kasih, bersyukurlah dengan kemudahan yang disediakan kepada mangsa-mangsa banjir dan mangsa bencana alam ini. Akan tetapi penambahbaikan perlulah diadakan seperti mana kita contohi negara Jepun, diberi *partition* di dalam Dewan untuk keluarga-keluarga itu mendapat *privacy*. Terutama bukan yang bercampur dengan bukan muhrim. Jadi penambahbaikan perlu diadakan.

Ini kerana kita lihat kita belanja penambakan sungai hampir RM300 juta lebih tetapi akhirnya pasir di penambakan sungai itu dicuri. Akhirnya penambakan sungai itu menghadapi banjir semula disebabkan oleh pencucuhan pasir ini. Jadi kita membazirkan wang berjuta-juta ringgit untuk penambakan banjir tetapi perkara itu tidak dapat diselesaikan masalah. Jadi perlulah pihak kementerian menyediakan kemudahan bagi mangsa banjir sementara ini demi *privacy* seiring dengan kemajuan negara. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, semua pemikiran berhubung dengan perkara ini diambil kira, malah kita telah membuat percubaan sama ada, ada kesesuaian daripada segi cuaca atau tidak sebab apabila kita buat *partition* sedemikian rupa, ia akan menimbulkan masalah- bahasa Utara ini Yang Berhormat Senator faham, "berkuap". "Berkuap" ini maknanya semasa banjir *electricity* tidak ada. Jadi kalau kita sempitkan kawasan itu dengan membuat *partition*, ia akan timbulkan suasana "berkuap" nanti.

Akan tetapi walau bagaimanapun benda ini diberi perhatian. Apa yang utama sekarang ini kalau penempatan dibuat di sekolah, kita asingkan. Macam bilik darjah ini khas untuk wanita. Saya berterima kasih sebab Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som bagi perhatian soal muhrim. Terima kasih banyak sebab pengundinya pun ramai orang Islam. Jadi bilik darjah ini kita letakkan kanak-kanak dan juga wanita, demikian juga seterusnya. Cuma mungkin ada pencerobohan kecil. Kadang-kadang suami itu hendak pergi jumpa isteri sekejap.

Perkara itu tidak digalakkan sebab bila dia masuk ke bilik wanita, kadang-kadang menimbulkan masalah sebab wanita lain berkeadaan bahawa semua wanita ada sebab wanita bila bersama-sama wanita, dipakai lain. Kalau ada lelaki dia akan pakai fesyen lain.

Jadi kita akan pertahankan konsep di mana bilik-bilik darjah yang ditempatkan wanita, kanak-kanak, serta orang dewasa itu diasingkan. Kemudian soal tempatan banjir, *in shaa-Allah* ini akan diberi perhatian oleh pihak JPS...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: [Bangun]

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Punca kepada banjir memanglah disebabkan sungai tersumbat. Jadi selain daripada pasir, saya dapati tanah *reserve* untuk sungai itu selalu dicerobohi oleh orang. Jadi yang inilah memanglah punca yang sangat penting kepada banjir kilat. Jadi saya hairan kenapa keadaan yang tanah rizab dicerobohi ini tidak diambil tindakan dan serta berterusan? Akhirnya banjir sudah terjadi. Orang susah, kerajaan kena tanggungjawab. Jadi kenapa keadaan begitu dilepas pandang? Terima kasih.

■1120

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas soalan ini. Sebenarnya sudah lama saya hendak menjawab soalan ini. *Then*, bila ditanya saya hendak jawab secara umumnya bahawa tiap-tiap manusia ini diberi amanah. Itu memendekkan cerita.

Akan tetapi mengkhususkan cerita, tiap-tiap jabatan diberi amanah. Antara amanah jabatan ialah menjaga semua harta jabatan termasuk rizab. Sekarang ini tanggungjawab untuk menjaga rizab ini ialah jabatan kerajaan. Kita kena maklumkan kepada pihak jabatan kerajaan dan rakyat yang sedang melihat persidangan Parlimen bahawa rakyat tidak boleh ceroboh kawasan rizab. Jabatan kerajaan juga hendaklah mempertahankan kawasan rizab. Ini adalah amanah. Mana-mana jabatan yang tidak mempertahankan kawasan *reserve* itu satu kesalahan.

Jabatan Audit sekarang ini termasuk PAC beri perhatian kepada *dollar* dan *cent*. Akan tetapi Audit sendiri sebenarnya tidak melihat bahawa banyak tanah rizab yang telah dicerobohi dan tidak dimaklumkan kepada umum. Bukan sahaja tanah rizab termasuk kawasan hutan dan kawasan tadahan yang sekarang ini kalau kita lihat dicerobohi dengan begitu luar biasa. Contohnya ialah kawasan tadahan dan juga hutan yang dicerobohi agak luar biasa ialah di kawasan Janda Baik.

Selepas dari pusat ILMU itu terdapat lebih daripada 5,000 ekar telah pun diteroka dengan menggunakan warga asing dari Indonesia dan Bangladesh. Kita lihat tindakan tidak diambil sampai sekarang. Saya sendiri walaupun sebagai Menteri dan sebelum ini pun saya membuat surat berkali-kali, bertalu-talu tetapi tindakan belum diambil.

Akan tetapi yang saya bimbang sebab air dari Bukit Janda Baik itu sebenarnya air yang cukup bahaya. Oleh sebab di sana telah dipenuhi racun dan racun itu sedang mengalir dengan eloknya ke Janda Baik. Siapa yang bermandi manda di Janda Baik jarang sangat balik ke rumah yang tidak gatal. Jadi ini ialah amanah jabatan-jabatan untuk ambil tindakan kepada kawasan rizab yang telah dikurniakan kepada mereka dengan cara meletakkan papan notis termasuk juga rizab dari Jabatan Pendidikan yang juga banyak dicerobohi di seluruh negara kerana yang ini terletak di kawasan bandar sedikit kerana notis tidak ada.

Notis itu penting supaya mengingatkan rakyat bahawa mereka berada dalam kawasan rizab. Malahan notis itu hendaklah dibuat dengan satu tanda yang lebih besar berbentuk gergasi supaya semua orang tahu bahawa mereka berada di dalam tanah rizab. Kalau orang diperingatkan bahawa mereka berada di dalam tanah rizab, *in shaa-Allah* mereka tidak akan ceroboh. Pencerobohan ini dilakukan kerana tidak ambil tindakan. Kalau kita ambil tindakan jarang sangat orang boleh menceroboh dan sebagainya.

Jadi sekarang ini JPS sedang berusaha keras untuk ambil tindakan, yang pertama sekali mereka pasang notis. Saya sudah tengok notis di pelbagai negeri yang dipasang bahawa denda RM10,000 yang mencero boh di kawasan ini. Akan tetapi malangnya banyak tanah rizab termasuk Telok Intan yang telah pun didiami sejak 50 tahun yang lalu. Ini harus difikirkan bagaimana mereka boleh dipindahkan dari kawasan rizab. Oleh sebab kawasan rizab ini penting untuk dijadikan kawasan penempatan banjir untuk menyelamatkan daripada banjir.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Beralih ke soalan seterusnya. Dipersilakan Datuk Megat Zulkarnain. Silakan Yang Berhormat.

6. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, adakah kerajaan mempunyai majlis khas bagi mengawal selia pengendalian umrah di negara ini, berikutan peningkatan kes penipuan umrah yang semakin kritikal sejak akhir-akhir ini dan beberapa jumlah kes penipuan umrah yang dikesan bagi tahun 2011, 2012, 2013 dan enam bulan pertama 2014.

Timbalan Yang di-Pertua: Hari ini saya rasa Dewan ini amat bertuah kerana ada beberapa orang Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan termasuk Menteri Pelancongan. Jadi terima kasih Yang Berhormat Menteri atas keprihatinan Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan jawatankuasa khas pengendalian pakej umrah bagi mengawal selia pengendalian umrah di negara ini.

Jawatankuasa khas ini akan bertindak sebagai jawatankuasa penyelaras tentang isu-isu yang berhubung dengan pengendalian umrah dan akan turut memperincikan juga tentang keperluan mewujudkan lesen khas umrah dan penetapan harga minimum pakej umrah. Dari tahun 2011 hingga Jun 2014, sebanyak empat kes penipuan umrah telah direkodkan oleh Kementerian Pelancongan dan kebudayaan yang melibatkan tiga buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan tidak berlesen.

Syarikat-syarikat tersebut ialah seperti yang saya sebut ini. Pada tahun 2012, sebuah syarikat *J&J Mesra Travel & Tours* - ini syarikat menipu ini ya. Bukan Dato' Seri Tan Sri JJ punya ini [*Ketawa*] *J&J Mesra Travel & Tours*, tindakan yang kita ambil lesen dia kita batal. Pada tahun 2013 *Seven Seas Travel & Tours Kuala Lumpur*. Lesen syarikat kita batal. Tahun 2013 juga ada syarikat yang tidak berlesen iaitu Arlief Juara Kembara. Kita membuat pendakwaan. Pendakwaan dijalankan oleh pihak PDRM dan perbicaraan ke atas kes sedang berjalan. Keempat, tahun 2014 *YADH Travel & Tours*, ini lesen syarikat telah dibatalkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu. Saya juga hendak ambil kesempatan dan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi hadir. Kita bersimpati Yang Berhormat memang dia terpaksa berkejar ke sana dan ke mari untuk datang ke Parlimen ini.

Tahniah juga kepada kementerian yang telah dilihat berani untuk mengambil tindakan membatalkan lesen-lesen mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Cuma mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan apakah terma-terma dan agensi-agensi yang terlibat dalam jawatankuasa ini supaya mungkin nanti kalau ada sebarang kemusykilan yang timbul di masa akan datang membolehkan kita menghantar kepada jabatan dan agensi yang berkaitan. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingat soalan itu soalan yang cukup tepatlah, orang ramai ingin tahu. Saya hendak sebutkan di sini juga bahawa jawatankuasa ini akan bermesyuarat pada minggu hadapan. Dia punya mesyuarat pertama.

Kita cadangkan iaitu seperti Yang Berhormat tanya, apakah jabatan menjadi-cadangan keanggotaan jawatankuasa khas pengendalian pakej umrah ini. Pertama sudah tentulah kementerian saya sendiri iaitu selaku pengerusi. Kedua, kita mencadangkan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan iaitu Dato' Paduka Ahmad Bashah ada di depan saya. Sila ambil maklum. Ketiga, Kementerian Luar Negeri. Keempat, Polis Diraja Malaysia. Kelima, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ataupun JAWHAR dipanggil. Keenam, MATTA sendiri. Ketujuh Bumitra. Bumitra ialah Persatuan *Travel Agent* Bumiputera.

Terma-terma yang kita cadangkan untuk jawatankuasa ini ialah pertama, untuk menetapkan satu mekanisme pengawalseliaan pengendalian pakej umrah. Kedua, untuk merancang pelaksanaan kempen kesedaran kepada orang awam. Orang awam kena tahu kalau kita hendak cadangkan di antara yang kita hendak buat kita hendak mencadangkan harga pakej umrah. Selalunya ada dalam minimum RM5,000 ke atas. Jadi kalau ada orang datang jual RM3,500 tidak usah belilah. Memang tidak boleh sampai punya ke Makkah.

Kita juga hendak yang ketiga memantau status siasatan ke atas kes-kes penipuan. Keempat, kita akan memantau pelaksanaan prosedur operasi piawaian SOP yang disediakan oleh MATTA dan Bumitra terhadap pengendalian pakej umrah. Kelima, kita hendak memantau pelaksanaan standard perkhidmatan syarikat pengendalian, pelancongan dan agensi pengembaraan dalam mengendali pakej umrah. Itu merupakan cadangan keanggotaan dan terma jawatankuasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Adam?

■1130

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan isu yang kita hadapi terakhir ini di mana ramai orang sudah bayar pakej umrah kemudian tidak dapat pergi, yang tersadai. Kita sedar bahawa operator ataupun agen pelancongan ini sudah mengutip awal, merancang awal kemudian buat jadual awal. Akan tetapi kita juga sedar bahawa di peringkat Arab Saudi sana dia melakukan kerja-kerja pembesaran dan dia menurunkan ataupun tidak menerima ke semua mereka yang hendak pergi umrah. Jadi soalan saya adakah melalui kementerian dapat dirancang dan diprogramkan lebih awal tentang perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin boleh berlaku di mana apabila kita menyediakan pakej kita ambil kemudian kita hantar Arab Saudi tidak terima. Tidak boleh sebab siapa yang hendak pergi ke Mekah mesti ada visa. Jadi pihak Arab Saudi sudah pun menentu beberapa visa yang boleh diberikan pada Malaysia kepada mereka *pilgrims* kita, jemaah-jemaah umrah kita yang mahu pergi. Jadi kalau Yang Berhormat tanya, iaitu kalau ada orang kita pergi dia orang tidak terima tidak akan berlaku. Ini kerana visa mesti diterima dulu diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi baru kita boleh pergi.

Jadi saya hendak betulkan itu kerana nanti silap pula mengatakan iaitu bahawa Kerajaan Arab Saudi menolak jemaah umrah yang hendak pergi ke sana. Yang penting saya sebut di sini iaitu syarikat yang tidak berlesen, kita akan dakwa di bawah Kanun Keseksaan dan kita seberapa yang boleh cuba untuk ambil kutip balik wang yang telah dibayar tetapi selalunya Yang Berhormat, habis sudah duit itu. Walau bagaimanapun kita ada Tribunal di mana mereka yang menjadi mangsa boleh menuntut di Tribunal supaya syarikat-syarikat yang telah mengutip wang tetapi tidak dapat menghantar itu pulang balik wang yang telah dibayar oleh mangsa tadi. Tribunal kita boleh tuntutan wang di situ untuk mereka bayar balik.

Untuk makluman kepentingan orang ramai, sebenarnya pada hari ini ada 58 buah syarikat sahaja yang dibenarkan oleh yang diiktiraf oleh Arab Saudi yang boleh dikeluarkan visa kepada syarikat-syarikat ini. Syarikat ini akan kita pameran dalam *website* kementerian dan setiap orang yang hendak pergi buat umrah ke Mekah boleh melihat menerusi *website* syarikat manakah yang sebenarnya Kerajaan Arab Saudi benarkan mengeluarkan visa kepada mereka untuk diberikan kepada mereka yang berhajat untuk pergi ke Mekah. Jadi kalau ada syarikat mari jumpa, *travel agent* jumpa kalau dikata dia boleh menguruskan umrah, tanya syarikat dia syarikat apa. Kalau syarikatnya tidak tersenarai dalam *website* kementerian jangan ambil terus dia. Itu sudah tentu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri sendiri datang menjawab. Saya benarkan seorang lagi untuk soalan tambahan. Silakan Datuk Hajah Noriah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, orang kampung saya juga untuk makluman Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini pun kena yang macam mana Dato' Adam cakap itu. Sebenarnya orang kampung ini bukan tidak ada pelajaran Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya mereka ini hendak pergi haji diingat orang yang buat pakej umrah ini pun orang yang baik-baik macam dia. Jadi dia tengok orang hendak ajak pergi, dia pergilah.

Ini kerana dia ada duit ingat orang yang biasa ini, orang yang buat umrah ini tidak ada orang yang jahat-jahatlah, Tuan Yang di-Pertua. Kita minta Yang Berhormat Menteri tolong nasihatkanlah selain daripada buat dekat laman web dan macam-macam itu. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab dia akan keluarkan laman *website* semua. Akan tetapi orang kampung dia tidak tengok yang itu. Ha! Mana orang kampung tua-tua macam bapa kita semua sekali tidak tengok *website* dan tidak tahu hendak buka benda alah itu.

Jadi saya hendak minta cadangan Yang Berhormat Menteri supaya daftarkan agen-agen ini dan juga iklankan dekat media utama dan juga kalau boleh mesej dekat- tiap kali kalau boleh keraplah. Jadi asal kata kalau tengok dekat surat khabar dia tengok ini, jadi kalau agen itu datang dia tengok orang ini buka tidak ada dalam senarai dia sudah tahu. Jadi yang ini mungkin yang menipu. Jadi saya minta dan kalau boleh buat *onlinel*ah. Jadi kalau *online* pun anak-anak dia pun boleh tengok mana tahu ada orang-orang tua sikit pandai itu dia boleh tengok *online*. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan minta menjawab Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasihlah Yang Berhormat jawab sendiri soalan dia sebab saya pun hendak cakap kalau tidak pandai baca, tanyalah anak kan. Jadi Yang Berhormat pun sudah jawab sendiri kira okeylah itu [*Ketawa*] Saya ingat dalam surat khabar Yang Berhormat, jikalau kita hendak iklan hari-hari tak mampu kementerian, bankrap kementerian kalau kita hari-hari keluar. Jadi yang paling elok kita buat tadi iaitu kita letakkan dalam *website* kita dan sememangnya betullah kalau kita tidak boleh baca, anak-anak kita ada. Minta cek, memang betul saya setuju Yang Berhormat iaitu memang tidak guna betul ini kaki penipu ini.

Pertama sekali, sudah lah dia menipu, dia menipu pula orang susah yang hendak buat ibadah. Ha ini tidak guna. Saya kalau bercadang Yang Berhormat gantung sampai mati orang macam inikan [*Ketawa*][*Tepuk*]

Betul pasal dia kutip duit daripada orang yang susah, orang yang hendak buat ibadah. Jadi apa jenis manusia ini orang hendak buat ibadah dia boleh menipu. Memang manusia tidak guna kelas paling rendah hendak bagi tahu.

Walau bagaimanapun, kita akan seperti saya sebut dalam jawapan saya tadi kita akan menggunakan segala aspek yang kita boleh lakukan untuk dengan izin, *create awareness*, untuk memberitahu kepada masyarakat tentang syarikat-syarikat yang boleh dipercayai dan kita akan sentiasa memberikan *awareness*.

Saya sebut sebentar tadi kalau ada orang mai jumpa kata mai hendak pergi umrah, RM3,000 sahaja jangan percayalah itu. RM3,000 saya ingat mungkin kapallah kalau adalah kalau naik kapal itu pun belum tentu lagi. Jadi saya ingat Yang Berhormat saya setuju iaitu bahawa kita akan *create awareness* macam Yang Berhormat sebut tadi mungkin ada orang tidak tahu, kita akan cari jalan bagaimana kita akan sampai kepada masyarakat kita berhati-hati dalam kita hendak membeli pakej umrah ini. Terima kasih.

7. Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg Minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, sejauh manakah kejayaan dicapai setakat ini dalam usaha untuk menggalakkan usahawan tempatan menceburi dalam bidang francais (bagi jenama francais tempatan dan antarabangsa).

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

Mengenai dengan jawapan pada soalan Yang Berhormat sehingga kini kerajaan telah pun berjaya melahirkan sejumlah 726 perniagaan francais berdaftar di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 514 buah syarikat merupakan jenama francais tempatan. Manakala 212 buah syarikat jenama francais asing. Sejumlah 58 jenama francais tempatan telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka sehingga ke 53 buah negara dengan jumlah keseluruhan *outlet* francais tempatan di seluruh dunia adalah berjumlah 2,119 *outlet*. Pada tahun 2013, untuk makluman Yang Berhormat, industri francais juga menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu KDNK negara adalah berjumlah RM24.6 bilion. Terima kasih.

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Dayang.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Kita sedia maklum ada beberapa francais jenama antarabangsa sudah beroperasi dalam negara kita seperti *McDonald's* dan juga *KFC* yang *famous*.

Soalan tambahan saya, adakah dalam kalangan syarikat francais antarabangsa tersebut benar-benar mengikut definisi peruntukan undang-undang Akta Francais Malaysia kerana kalau tidak, kita bimbang ia boleh menimbulkan masalah seperti kekeliruan di pihak rakan kongsi mereka yang terdiri daripada anak tempatan. Itu soalan pertama. Soalan tambahan kedua saya, adakah syarikat antarabangsa tersebut benar-benar mengikut peruntukan dalam memohon Sijil Halal daripada pihak JAKIM? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator mengenai dengan soalan tambahan. Mengenai dengan francais antarabangsa yang terdapat di dalam negara Malaysia, kementerian kita telah meletakkan bahawa semua francais di peringkat antarabangsa yang menjalankan perniagaan di dalam negara.

Dia mesti mengikut keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan iaitu peratusan yang telah ditetapkan untuk mereka memenuhi supaya francais-francaisi yang akan mengambil jenama francais ini untuk diniagakan di dalam negara mesti diberi mengikut peratusan yang telah ditetapkan. Jadi, *in shaa-Allah*, kementerian sentiasa memantau perkara ini agar francais ataupun syarikat-syarikat besar yang ada berniaga di dalam negara, memenuhi segala perjanjian sebelum mereka menjalankan perniagaan mereka di dalam negara.

Keduanya mengenai Sijil Halal. Ini melibatkan kementerian ataupun JAKIM. Saya percaya, untuk mendapatkan persijilan halal ini, mereka mesti mematuhi segala peraturan yang telah disediakan oleh pihak JAKIM sendiri dan pemantauan sentiasa dibuat oleh pihak JAKIM dan juga penguat kuasa daripada kementerian untuk memastikan sekiranya persijilan halal ini diberi kepada syarikat-syarikat asing, mereka mesti memenuhi segala keperluan dalam persijilan halal itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Salim, soalan tambahan yang kedua.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan kementerian bagi mengawal harga francais ataupun yuran yang dikenakan kepada mereka yang baru ataupun menceburi bidang francais ini? Saya difahamkan ataupun saya ambil maklum perkara ini yang mana untuk menjadi francais *McDonald's* contohnya, perlukan yuran yang dibayar kepada francais tersebut ialah sebanyak RM2.8 juta manakala *Marrybrown* adalah RM600,000 ke RM800,000, *Tutti Fruiti* – RM600,000, *OldTown* – RM1.5 juta manakala *Starbucks* – RM1.5 juta.

Jadi, di manakah peluang bumiputera boleh menceburi bidang francais ini sedangkan yuran tersebut terlalu tinggi? Di mana kawalan harga ataupun yuran yang dikenakan? Apa yang saya difahamkan, *McDonald's* tidak ada kuota bumiputera. Siapa yang layak, ada duit, boleh meniaga. Jadi di sini kita lihat bahawa francais ini hanyalah kepada mereka yang tertentu sahaja yang ada duit, yang boleh dapat pinjaman. Manakala mereka yang baru hendak menceburkan diri, tidak ada peluang dalam francais yang berjenama luar negara ini. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Mengenai dengan tindakan untuk kita mengawal harga yuran sekiranya ada pengusaha-pengusaha di dalam negara berminat terutama dengan untuk menjadi francais kepada syarikat-syarikat ataupun jenama-jenama yang sudah pun terkenal di dalam negara. Memang benar seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, fi yang dikenakan oleh syarikat-syarikat ini memang jumlahnya begitu tinggi tetapi kerana syarikat-syarikat ini telah pun terkenal dan telah mendapat sambutan.

Walaupun fi ini dikenakan begitu tinggi tetapi ada bantuan-bantuan dan juga pinjaman-pinjaman yang disediakan oleh kerajaan kepada orang yang berminat untuk dapat menjadi francais kepada jenama-jenama yang disebutkan tadi. Ada juga syarikat-syarikat yang francais mikro yang di bawah RM50,000 pun banyak dan ada yang lebih daripada RM50,000. Sekiranya kita hendak bermula, kementerian merasakan bahawa mungkin begitu banyak syarikat ataupun francais yang mungkin mampu untuk selain daripada syarikat-syarikat yang besar yang sudah ternama itu masih lagi banyak francais yang boleh diceburi oleh pengusaha-pengusaha ataupun orang yang berminat untuk bersama-sama di dalam program menjadi francais kepada ini kerana bantuan-bantuan telah disediakan.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator memang benar tetapi kita sentiasa memantau walaupun sejumlah yang begitu besar diperlukan. Kadang-kadang sampai jutaan ringgit. Itu memang berlaku tetapi itu adalah harga yang telah diletakkan oleh francais-francais yang sudah pun begitu terkemuka di dalam negara.

Jadi, itulah harga yang diletakkan oleh mereka dan sekiranya ada kesungguhan daripada bumiputera untuk terlibat dengan *McDonald's* ataupun dalam jenama-jenama yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, ada bantuan-bantuan ataupun pinjaman-pinjaman yang disediakan oleh agensi untuk membantu syarikat bumiputera untuk dapat menjadi francais kepada syarikat-syarikat. Banyak daripada PNS sendiri dan sebagainya. *In shaa-Allah*, kalau hendak saya boleh beri senarai nama-nama yang memberi pinjaman ini. Terima kasih.

8. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimana boleh terjadi kes syarikat pengeluar makanan dan coklat yang telah memberi salah representasi mengenai isu halal yang mencetuskan kegelisahan di kalangan pengguna Islam di negara ini; dan
- (b) apakah tindakan tegas Kementerian dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memberi pengajaran kepada syarikat terbabit dan semua pengeluar produk makanan supaya lebih sensitif dalam isu halal haram terutama bagi pengguna Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang telah sedia maklum berkaitan dengan halal ini saya mohon izin untuk menjawab serentak persoalan termasuklah soalan Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam pada 30 Jun 2014 kerana menyentuh hal yang sama iaitu penemuan DNA *porcine* dalam coklat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini timbul berikutan tersebarnya laporan analisis makmal dari Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Kementerian Kesihatan (KKM) di media sosial yang bermula pada 23 Mei 2014. Akibat daripada maklumat tersebut, laporan analisis dianggap sebagai telah pun keluar kepada masyarakat umum yang mana analisis makmal yang bertarikh 27 Februari 2014 telah dilaporkan mengesan ada DNA *porcine* dalam produk coklat susu dengan kacang *hazel* dan *Cadbury Dairy Milk*. Berikutan tersebarnya laporan analisis berkenaan, Ketua Pengarah Kesihatan pada keesokan harinya iaitu pada 24 Mei 2014 telah mengeluarkan kenyataan media mengenai isu berkenaan. Kenyataan media berkenaan telah memperakukan bahawa dua jenis daripada tiga jenis produk coklat *Cadbury* yang dianalisis telah dikesan positif DNA *porcine*.

■1150

Produk tersebut ialah coklat susu dengan kacang hazel iaitu *Cadbury Dairy Milk Hazelnut* dengan nombor kelompok (*batch number*) 200813MO1HI2 yang bertarikh luput 13 November 2014. Susu coklat yang kedua ialah dengan buah badam iaitu *Cadbury Dairy Milk Roast Almond* dengan nombor kelompok (*batch number*) 221013N01R11 yang bertarikh luput 15 Januari 2015. Manakala satu lagi sampel produk coklat susu *Cadbury milk* iaitu *Cadbury Dairy Milk chocolate* tidak dikesan mengandungi DNA *porcine*.

Susulan kenyataan berkenaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menggantung Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi dua jenis produk tersebut untuk siasatan lanjut dan menyeluruh. JAKIM telah mengambil dua jenis sampel coklat *Cadbury* iaitu coklat susu dengan kacang hazel dan juga *Cadbury Dairy Milk Hazelnut* dengan nombor kelompok (*batch number*) 200813MO1HI2 dan coklat susu dengan buah badam iaitu *Cadbury Dairy Milk Roast Almond* dengan nombor kelompok (*batch number*) 221013N01R11 untuk tujuan analisa oleh makmal Jabatan Kimia Malaysia. Selain itu, JAKIM telah mengambil empat jenis produk siap dan lima jenis bahan mentah yang lain daripada aliran pemprosesan yang sama dan berpotensi mengandungi unsur haiwan.

Kesemua 11 buah sampel tersebut diambil dari kilang pengeluar produk iaitu Cadbury Confectionery Malaysia Sdn. Bhd. pada 2 Jun 2014.

JAKIM telah menerima keputusan analisis dan kesemua sampel tersebut tidak dikesan DNA babi. Laporan tersebut telah dibentangkan semula kepada Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia pada 5 Jun 2014 dan ahli panel pengesahan halal telah bersetuju bahawa Sijil Pengesahan Halal Malaysia dikembalikan. Dalam kesempatan ini ingin saya jelaskan bahawa pengambilan sampel oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebahagian daripada ujian rutin yang melibatkan pengambilan sampel secara rawak di pasaran.

Ujian secara rawak yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah untuk memastikan syarikat-syarikat pengeluar mematuhi peraturan pelabelan makanan berdasarkan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang bertujuan melindungi orang awam daripada bahaya daripada segi kesihatan, penipuan pada pelabelan, penyediaan penjualan dan penggunaan makanan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Manakala untuk tujuan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) akan mengambil sampel untuk diuji di Jabatan Kimia Malaysia. Pengujian di Jabatan Kimia Malaysia akan dilakukan semasa permohonan sijil dibuat. Pengujian ini melibatkan bahan mentah yang digunakan bagi memastikan ia bebas daripada bahan haram. Selain itu, proses analisis makanan turut dibuat oleh pasukan pemantauan semasa membuat pemantauan berkala dan juga jika terdapat aduan awam.

Bagi menangani isu demikian masa hadapan, penyelesaian telah dibuat di mana mesyuarat penyelesaian antara JAKIM bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia (JSM) pada 26 Mei 2014 telah bersetuju seperti berikut.

Pertama, sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) selaku pihak berkuasa yang berwibawa dalam pensijilan halal menurut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang diwujudkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011). Oleh yang demikian, kenyataan berhubung isu halal hanya akan dikeluarkan oleh JAKIM bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam.

Kedua, bagi tujuan pengawalan dalaman selain daripada pemantau berkala yang dibuat oleh pihak JAKIM, JAKIM juga akan meletakkan kepada pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia supaya membuat pengujian berkala bagi produk dan ramuan kritikal seperti ramuan berasaskan haiwan di makmal yang telah mendapat akreditasi Jabatan Standard Malaysia (JSM) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan standard MS ISO/IEC 17025:2005.

Tuan Yang di-Pertua, Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah tertakluk kepada Standard Halal Malaysia dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Sebarang pelanggaran prosedur pensijilan halal boleh mengakibatkan sijil halal ditarik balik dan tindakan undang-undang boleh dikenakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

Untuk tujuan siasatan, sijil akan digantung bagi mengenal pasti dan pemeriksaan menyeluruh ke atas seluruh rantaian pemprosesan produk yang dikeluarkan oleh kilang terbabit termasuk mengambil sampel untuk ujian di makmal Jabatan Kimia Malaysia. Penggantungan pensijilan halal Malaysia bermaksud pihak syarikat masih memegang pensijilan halal Malaysia yang sah dan produk tersebut masih boleh dipasarkan sehingga keputusan siasatan diperoleh. Penggantungan sijil memberi maksud bahawa satu jenis produk tersebut belum dipastikan mengandungi bahan yang haram yang boleh menyebabkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia ditarik balik.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, penguatkuasaan Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) dan dua perintah yang diwujudkan di bawah akta itu iaitu Perihal Dagangan Takrif Halal dan Perakuan dan Penandaan Halal 2011 yang memperuntukkan penalti yang berat. Akta Perihal Dagangan 2011 adalah dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Oleh yang demikian, JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) membuat pemantauan dan penguatkuasaan sijil dan logo halal bersama KPDNKK. Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Apa pandangan kerajaan, saya kira sudah sampai masa kita berusaha memperkenalkan produk makanan dan coklat tempatan kita sendiri. Kita mempunyai teknologi, keupayaan, malah industri kecil dan sederhana. Kita sebenarnya berupaya menghasilkan produk yang sama kualiti dan tarafnya dengan produk makanan dari luar. Cuma kerajaan perlu memberi lebih perhatian dengan bantuan agensi sedia ada seperti JAKIM, MIDA, MATRADE serta *SME Corporation* termasuk peranan aktif *Halal Industry Development Corporation* mencari jalan terbaik memajukan IKS demi memenuhi pasaran makanan dan coklat tempatan. Terima kasih Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bahawa memohon untuk diberikan perhatian kepada syarikat-syarikat IKS dan juga SME, yang telah melaksanakan usaha-usaha bagi mempertingkatkan perniagaan dalam konteks negara kita Malaysia, termasuk yang berkaitan dengan coklat dan sebagainya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang telah kita baca dan kita dengar dan juga termasuk apa yang kita dapati, memang wujud syarikat-syarikat yang mengeluarkan barangan yang berasaskan daripada produk coklat dan sebagainya seperti yang kita bincangkan iaitu *Cadbury*.

Sememangnya saya hendak mengambil contoh mudah Tuan Yang di-Pertua. Di dalam syarikat *Cadbury* ini pun kita ada pekerja-pekerja yang daripada orang tempatan, bahkan orang Islam ada 146 orang dan 46 orang yang bukan Islam yang bekerja di situ. Dalam bahasa mudahnya ialah syarikat memberikan peluang kepada pekerja tempatan. Akan tetapi memang lebih elok dan baik kalau ada syarikat-syarikat tempatan daripada kalangan apatah lagi bumiputera Melayu yang terlibat di dalam syarikat-syarikat seperti ini kerana ia bukanlah sebuah industri yang terlalu kompleks dan memerlukan dana yang begitu besar. Bagi pihak kerajaan, kita amat gembira kalau kita dapat melihat syarikat-syarikat bumiputera dan juga rakyat Malaysia yang membuka syarikat ini sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahajalah soalan lisan kita pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL**MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M. 70(1)****11.59 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:

1. YB. Senator Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Pengerusi) (Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara);
2. YB. Senator Datuk Doris Sophia ak Brodi;
3. YB. Senator Dr Hou Kok Chung;
4. YB. Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; dan
5. YB. Senator Dr. Syed Husin Ali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 70(1) itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

■1200

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[25 Jun 2014]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat yang berbahas semalam, siapa yang terakhir sekali?... *[Disampuk]* Dah habis dah? Minta maaf. Baik, sekarang kita buka ahli-ahli untuk perbahasan. Seterusnya iaitu Yang Berhormat Haji Ahamat @ Ahamad Yusop.

12.02 tgh.

Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang memberi sedikit peluang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, ini adalah sebuah yayasan baru yang ditubuhkan untuk membantu kementerian dalam banyak perkara di samping menjaga dan juga melaksanakan beberapa program kebajikan kepada kaum guru. Saya amat gembira dan mengalu-alukan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini. Setiap kali saya melihat pelajar-pelajar yang datang ke Dewan Negara seperti pagi ini dan juga sekarang ini, saya tidak tahu daripada itu, maka saya merasa agak nostalgik sebagai seorang bekas guru tapi guru lamalah, tahun 60-an.

Saya juga turut mencarum kepada dulu kita panggil TPF ringkasnya, *Teachers Provident Fund*, betul? Wang Simpanan Guru yang sekarang ini sudah tidak ada. Di mana yang ini pun yang hendak kita mansuhkan dan digantikan dengan peranannya diambil alih oleh Yayasan Guru Tun Hussein Onn.

Saya ingin menyentuh sedikit sahaja dalam penggubalan rang undang-undang ini, walaupun telah banyak disentuh oleh rakan-rakan khususnya dalam fungsi yayasan. Fungsi yayasan ini menjadi roh dan semangat kepada pelaksanaan yayasan ini kelak. Jadi mereka yang akan dipilih dalam lembaga amanah dan juga kakitangannya nanti mestilah memahami secara terperinci akan fungsi yayasan. Ini kerana daripada fungsi dan juga kuasa-kuasa yang diberi, daripada situlah nanti yayasan ini akan digerakkan untuk mencapai matlamat yang diharapkan.

Dua fungsi yayasan yang menarik perhatian saya, pertama membantu kementerian yang bertanggungjawab bagi pendidikan, mengadakan aktiviti dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru. Yang ini telah diulas panjang lebar oleh Yang Berhormat Senator Dr. Asyraf yang duduk di depan saya sana pada hari semalam. Kedua, membantu mana-mana pihak menjalankan pendidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Ini pun telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dr. Firdaus semalam dengan panjang lebar. Dua perkara ini yang saya sebut tadi adalah menjadi sebagai satu matlamat utama dalam penubuhan yayasan guru di samping yang lain-lain melakukan perkara yang wajar, sesuai manfaat atau perlu dalam menjaga kebajikan guru, anak-anak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan membantu ini, kedua-dua itu membantu ya. Jadi sejauh mana yayasan ini nanti dalam kapasitinya sebagai yayasan yang dibantu, dimiliki oleh Kementerian Pendidikan dapat membantu dalam melaksanakan dua perkara tadi. Profesionalisme guru, pembangunannya sangat mencabar. Apabila kita melihat kualiti guru pada hari ini, kuantiti guru pada hari ini, banyak kita menyentuh tentang peranan guru dan kualiti guru yang berkaitan dengan kualiti pembelajaran di sekolah-sekolah.

Saya sering bertanya juga, kalaulah kualiti guru sekarang ini rendahlah mutunya, senang cakaplah, maka ia mencerminkan juga sistem pendidikan kita yang melahirkan guru-guru tersebut. Sudah disebut juga semalam yang berada di dalam Dewan yang mulia ini ada dua, tiga generasi. Generasi saya, generasi Yang Berhormat Tan Sri Rahim, generasi Yang Berhormat Profesor Dr. Syed Husin Ali adalah *by product*, hasil daripada guru-guru yang dulu, guru-guru tahun 50-an dan 60-an. Kalau macam Yang Berhormat Senator Som ini, Senator Norliza, mana lagi yang muda-muda ini, saya tidak nampak yang muda sangatlah itu. Ha, mana, Datuk Jaspal?

■1210

Ini generasi selepas merdeka yang mendapat pendidikan melalui sistem pendidikan kita selepas merdeka. Generasi ini jugalah yang melahirkan guru-guru pada hari ini, betul atau tidak? *Sorry to speak*, minta izin Tuan Yang di-Pertua. *What we reap is what we saw*, kata orang putih. Apa yang kita semai, itulah yang kita tuai. Kalau benihnya baka baik maka yang kita tuai pun hasilnya baik. Kalau benihnya bercampur-campur itu yang semalam Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat kata benih ikan ada yang kecil, ada yang besar. Begitulah lebih kurang. Bercampur-campur.

Jadi, meningkatkan kualiti pembangunan profesionalisme guru ini tanggungjawab kementerian dan juga masyarakat umumnya. Sebagaimana Yayasan ini boleh membantu dalam membantu profesionalisme guru bergantung juga kepada siapa yang akan dilantik di dalam Lembaga Amanah dan juga kakitangan seterusnya.

Kedua, pendidikan negara. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah semalam bercakap tentang karakter, pendidikan, *knowledge* dan sebagainya. Saya tambah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan ini pertama ialah *knowledge* atau pengetahuan yang disebarkan atau yang diajar oleh guru-guru di sekolah. Kedua ialah *character building*, atau pembangunan sahsiah pelajar-pelajar yang termasuk dalam kurikulum dan juga kokurikulum sekolah sama ada peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi dan yang melaksanakan program-program atau konsep-konsep ini ialah guru itu sendiri.

Jadi, guru ini ada tiga lagi kriteria yang saya nampak mesti ada pada guru. Pertama ialah pengetahuan guru itu sendiri yang boleh diperolehi, boleh dipelajari. Itu tidak ada masalah. Ada ramai guru kita sekarang ini yang berkelulusan. Kedua ialah pengalaman guru itu sendiri. Pengalaman itu juga boleh diperolehi melalui masa. Guru yang baru setahun dua mengajar mungkin belum lagi mempunyai *skill* atau kemahiran untuk menjadi seorang guru yang baik. Akan tetapi melalui masa, melalui pengalaman itu akan diperolehi, dan kalau mereka ini adalah daripada golongan yang komited dalam profesional perguruan saya rasa tidak ada masalah untuk menjadi seorang guru yang baik.

Kriteria yang ketiga ini agak jarang-jarang ada ataupun kalau ada pun tidak sama tahapnya antara seorang guru dengan seorang guru yang lain iaitu apa yang dipanggil *wisdom* dalam bahasa Inggeris ataupun kebijaksanaan. Seorang profesor dengan seorang profesor yang seorang lagi pun tidak sama *wisdom*nya. Antara seorang guru dengan seorang guru yang lain walaupun sama pengalaman, sama pengetahuannya tetapi belum tentu kebijaksanaannya sama...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop ada menyebutkan guru zaman 60-an, guru lepas merdeka dan juga guru generasi muda sekarang ini. Kalau guru zaman 60-an walaupun kita lahir selepas merdeka ini, muda lagilah Tuan Yang di-Pertua umur 24 tahun, 25 tahun kita ini. Guru dahulu guru yang dihormati oleh masyarakat.

Oleh sebab itu saya setuju rakan saya cakap semalam, kalau guru dahulu kalau kita kena bantai dengan cikgu, balik rumah kita mengadu dengan emak dan ayah, emak dan ayah bantai lagi kita. Betul tak rakan-rakan sekalian? Kita takut dengan cikgu. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau cikgu tidak usahkan bantai anak murid, kalau cikgu marah anak murid sebagaimana kata rakan saya semalam, cikgu cakap 'A' dia cakap 'B'. Jadi, mak bapa setuju cakap anak mereka. Hari ini cikgu bantai anak murid, petang karang anak murid tunggu dekat bawah tangga. Dia belash pula cikgu.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah perkara-perkara ini boleh dibendung? Adakah dengan adanya Yayasan Tun Hussein Onn ini akan menambahkan semaraknya lagi kalangan guru-guru ini ataupun bertambah parah lagi kedudukan institusi perguruan ini kerana kita difahamkan ada sesetengah guru yang tidak menyokong kerajaan. Tidak semua walaupun guru-guru sekarang ini kurang menampilkan diri dengan masyarakat di kampung.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Pandangan saya bukan penjelasan saya. Penjelasan Yang Berhormat Menteri nanti.

Perubahan masyarakat atau *social change*, dengan izin, ia bukan melibatkan golongan guru dan ibu bapa sahaja. Keseluruhan masyarakat itu sendiri, sistem nilainya, sikapnya, keutamaannya. Jadi, kita sudah berada pada satu zaman yang berbeza. Betul apa yang saya cakapkan tadi, saya masih lagi berpegang kepada pendapat saya yang guru-guru dahulu memang komitmennya lebih kepada profesionnya. Dia tidak sibuk hendak mengajar tuisyen. Kalau ada tuisyen pun bagi percuma sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bekas seorang guru. Pengetua bukan? Keadaan sudah berubah. Tuntutan zaman juga sudah berubah.

So, sistem yang kita guna pakai pada hari ini, masalah dalam sistem pendidikan atau mana-mana dasar pendidikan, bukan macam kita buat meja atau kerusi. Kita minta seorang *carpenter* atau tukang buat meja, dia buat meja. Kalau kita nampak meja itu tidak betul, tiangnya senget, serta-merta kita boleh baiki. Panggil dan tunjuk ini tidak betul. Boleh baiki. Akan tetapi dasar pendidikan apabila kita sudah guna pakai sesuatu sistem itu kita tidak dapat mengesan serta-merta.

■1220

Satu generasi kemudian, lama kemudian baru kita tahu, baru kita dapat kesan kenapa pelajar-pelajar sekarang ini kurang menguasai bahasa Inggeris, kurang menguasai matematik. Kalau di sekolah SJK(C) misalnya, kenapakah pelajar-pelajar kurang menguasai bahasa Malaysia? Setelah 20 tahun kemudian baru kita dapat kesan. Bukan sesuatu yang *immediate*. Itu yang saya katakan tadi, input dan *outcome* makan masa yang sangat lama dalam pendidikan...

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi saya dengar apa Yang Berhormat Senator cakap. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah kerana ingin mendapatkan pendapat daripada Yang Berhormat Senator, dasar yang beliau beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa ada juga kesalahan ataupun kesilapan dasar pendidikan kita di mana kalau 25 tahun dahulu dasar pendidikan di mana silaturahim di antara kaum di peringkat murid-murid memang erat tetapi selepas 25 tahun ini, kita mendapati bahawa *segregation*, dengan izin, di antara murid-murid, adakah ini hasil dari Dasar Pendidikan Negara kita?

Satu lagi, semalam saya dengar Yang Berhormat Senator yang lain memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak boleh *outsource* tanggungjawab ibu bapa ini kepada pihak guru dan sekolah. Itu saya memang setuju kerana sekarang pihak ibu bapa ini memang sudah *outsource*. Apa-apa juga berkenaan dengan murid-murid dihantar pergi sekolah, lepas itu dia orang lupa dengan tanggungjawab mereka.

Akan tetapi dekat England sekarang baru-baru ini, dia orang ada buat sistem pendidikan di mana keluarga atau ibu bapa mereka ini didenda. Kalau tidak dapat datang sekolah anak dia, dia didenda, kalau tidak buat *homework* dan sebagainya. Apakah pendapat Yang Berhormat berkenaan dengan adakah sistem pendidikan kita di negara ini pun harus mengguna pakai seperti sistem dekat *England*? Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Dua perkara tadi. Satu, apakah dasar dalam sistem pendidikan kita ini ada kekurangannya? Yang ini saya jawab dahululah. Memang benar ada kelemahan dan ada kekurangan. Akan tetapi setengahnya itu sudah jadi sejarah. Umpamanya, sudah berkali-kali juga saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, tentang dasar *vernacular school*. Benda ini sensitif.

Yang Berhormat Senator tadi menyebut tentang *segregation, polarization*, polarisasi dalam sekolah-sekolah. Itu saya kata tadi ia bukannya satu *outcome* yang datangnya daripada kerja hari semalam. *Outcome* yang datangnya hasil daripada satu sistem yang kita telah guna pakai 30 tahun, 40 tahun dahulu. Apabila anak-anak ini ditempatkan di sekolah yang berlainan, walaupun di sekolah peringkat rendah, SJK(C), SJK(T), sekolah kebangsaan, *formative years* ataupun tahun-tahun pembentukan sahsiah anak-anak ini daripada kecil, daripada sekolah rendah. Kalau tanya doktor pakar kanak-kanak, daripada umur anak itu lahir sampailah enam tahun, sampailah dia ke sekolah, itu yang dipanggil *formative years*, pembentukan. Pembentukan sahsiah diri seseorang itu.

Jadi kalau dia daripada awalnya sudah dipisahkan walaupun ada sebab-sebab yang boleh kita terima, bukan kata kita tidak boleh terima langsung, tetapi ini menjurus kepada suatu masa, suatu situasi yang amat sukar. Bukan sahaja di peringkat sekolah menengah itu nanti tetapi ia akan terbawa-bawa kepada peringkat yang lebih tinggi, institusi pengajian tinggi dan seterusnya apabila mereka keluar nanti. Ditambah lagi dengan unsur-unsur dari luar yang meniupkan semangat perkauman dan sebagainya, yang dipanggil *ethnocentric*. Ini istilah sosiologi lah, profesor saya ada di sana itu. Yang mementingkan sistem budaya sendiri.

Ini yang berlaku dalam negara kita dan kita terima ini sebagai satu hakikat. Apa dipanggil dalam bahasa Inggeris saya pun tidak ingat. Ini yang kita terima dan ini yang kita hendak selesaikan kalau boleh. Soalnya bolehkah tidak? Akar umbinya di peringkat sekolah.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Minta mencelah Yang Berhormat Senator.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Dekat mana pula ini?

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Ini, belah sini.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Okey, okey.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Senator Ahamad Yusop, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Senator memberi satu contoh. Bila kita membuat satu dasar, kesannya kita hanya dapati selepas 20 tahun. Kita masyarakat Singh dan masyarakat India percaya dengan karma dalam kehidupan kita. Ertinya, benda yang kita buat hari ini, impak dia akan datang 20 atau 25 tahun. Akan tetapi apabila kita membuat dasar, dasar ini bukan untuk hari ini, dasar ini akan membentuk masyarakat kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat hendak tolong minta penjelasan sahaja...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Soalan saya ini ialah saya nampak sekarang sebab kemerosotan bahasa Inggeris ini, banyak *parent* di kawasan-kawasan bandar dia mengambil langkah sendiri untuk memberi anak belajar Inggeris yang bagus. Akan tetapi di luar bandar, mereka mengharapakan hanya kepada sekolah-sekolah kerajaan.

Apa pandangan Yang Berhormat, dalam masa kesan dia 20 tahun, 25 tahun nanti, kita ada dua generasi, iaitu satu dari bandar yang pandai dalam bahasa Inggeris dan di luar bandar tertinggal dalam bahasa Inggeris. Adakah ini satu yang membahayakan masa depan murid-murid nanti?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat. Bagi peluang yang lain. Boleh gulung. Boleh teruskan dalam satu, dua minit lagi. Silakan Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat ini boleh bercerita panjang, banyak pengalaman tetapi kerana masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal. Penguasaan bahasa Inggeris yang agak kurang berjaya di sekolah-sekolah rendah bagi pelajar-pelajar di kampung sangat ketara. Ini saya setuju, saya setuju.

Maknanya, Dasar Pelajaran Kebangsaan kita menekankan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan tetapi tidak pula mengatakan yang kita tidak boleh menguasai bahasa-bahasa lain. Malah, lebih penting lagi kita menguasai bahasa-bahasa lain terutama bahasa Inggeris. Sekarang ini saya senang hati apabila kerajaan, kementerian mengatakan untuk mengajar bahasa Mandarin ataupun Tamil di sekolah. Itu satu langkah yang sangat baik. Isunya berbalik kepada guru-guru yang hendak mengajar bahasa Inggeris ini. Cukup kah tidak, ada kah tidak kemahiran mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah luar bandar tadi? Latihan mereka ini, penguasaan dia, percakapan dia.

■1230

Bahasa ini kena selalu gunakan baru kita boleh mahir. Kesan dia hari ini memang budak yang pandai-pandai sekalipun dia tidak dapat menguasai bahasa Inggeris, dia tidak *articulate* dalam bahasa Inggeris. Boleh faham Dato' ya? Tidakkah Dato' Jaspal tidak faham, dia *engineer*. Jadi, saya setuju kesannya anak saya pun tidak boleh menguasai bahasa Inggeris pada mulanya. Akan tetapi sebab saya duduk di bandar, saya hantar dia belajar Inggeris, di *British Council*, tidak ada masalah. Betul tidak? Akan tetapi di kampung, anak-anak orang kampung macam mana? Itu isu dia. Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu sahaja *point* lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Tentang pelantikan Lembaga Amanah dan juga pelantikan kakitangan. Yang hendak mengerakkan yayasan ini nanti ialah Lembaga Amanah itu satu pengerusi. Akan tetapi jawatan yang paling penting bagi saya ialah CEOnya, Ketua Pegawai Eksekutif. Ini yayasan yang besar. Cadangan saya kepada kementerian, tolonglah jangan ambil orang yang sudah pencen duduk di situ. Ini selalunya berlaku. Kalau jadi pengerusi itu tidak apa, dia sudah pencen dari mana-mana, letak sebagai pengerusi. Akan tetapi CEO kena cari orang yang dinamik. Saya hendak bagi contoh, bukan saya hendak *promote* Johor. Kerajaan Johor telah menubuhkan Yayasan Pelajaran Johor- 35 tahun dahulu, Datuk Adam ada di belakang? Tidak ada. Beliau tahu sangat Exco Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Noriah pun tahu, dia dari Johor. CEO dia profesional. Yayasan Pelajaran Johor apabila saya baca semua ini, semua ada dalam. Pinjaman kepada pelajar, menubuhkan kolej komuniti.

Sebelum ada kolej komuniti, memberikan tuisyen desa melalui sekolah-sekolah dibayar oleh Yayasan Pelajar Johor, seluruh negeri Johor. Menengah juga rendah, masa itu ada UPSR. Menubuhkan kolej-kolej Yayasan Pendidikan Johor. Kolej Islam Johor, Kolej Vernakular, teknikal, banyak. Begitu juga dengan hal-hal kebajikan yang lain. Jadi, pengurusan ini penting. Letak orang yang *eminent* sama ada di peringkat lembaga amanah mahupun di peringkat pengurusan. Orang yang betul-betul komited, amanah untuk melaksanakan fungsi-fungsi yayasan itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak diizinkan lagi saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Saya kenal Yang Berhormat ini, perlahan sahaja bercakap. Tercetus-cetus sahaja tetapi cukup bagus. Itu pengalaman orang lama. Seterusnya, kerana masa tidak mengizinkan jadi masalah saya dan mohon kerjasama dan tanpa buang masa saya mempersilakan Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, sudah lama menunggu. Sila Yang Berhormat.

12.34 tgh.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan atas inisiatif untuk menubuhkan Yayasan Tun Husein Onn ini untuk kepentingan pelajaran dan juga guru-guru kita di tanah air. Saya oleh sebab ramai Ahli Yang Berhormat sudah bercakap dan untuk menjimatkan masa saya tidak akan ambil masa lebih daripada lima minit. Hanya saya hendak menekan dua perkara sahaja yang juga telah dibawa tetapi boleh jadi daripada aspek lain.

Jumlah kumpulan wang asal yang terkumpul hasil daripada pembubaran Kumpulan Wang Simpanan Guru, saya difahamkan berjumlah lebih daripada RM200 juta termasuk aset-aset seperti bangunan dan sebagainya. Dengan angka yang tinggi ini dan dengan kuasa yang diberi pada Lembaga Pengarah Amanah yang agak luas seperti yang tercatat dalam perenggan enam, saya hendak menekankan bahawa ahli-ahli lembaga mestilah terdiri daripada mereka yang berintegriti tinggi dan juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pelaburan. Selain daripada ditugaskan untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh yayasan, perenggan 6J memberi kuasa pada Lembaga Pengarah, saya baca, untuk melakukan apa-apa jua perkara yang bersampingan dengan mana-mana fungsi dan kuasa.

Dalam hal ini saya mencadangkan untuk mengelakkan masalah yang pernah berlaku kepada beberapa buah agensi yang lain. Masa kita tubuh, kita kata kena buat peraturan dan sebagainya tetapi apabila ditubuhkan ia tergelincir dari landasan dan kita pernah dengar. Tidak payahlah kita namakan agensi-agensi yang berkenaan. Akan tetapi dia tergelincir, terpaksa kerajaan mengeluarkan banyak lagi perbelanjaan dan sebagainya. Saya minta garis panduan pelaburan mestilah dirangka dengan teliti, misalnya menghadkan jenis-jenis pelaburan yang kita hendak buat sama ada ia bidang hartanah ataupun *equity market* ataupun *share market* dan sebagainya dan menekankan bahawa memanglah panel pelaburan mesti diadakan. Agensi-agensi yang lain yang tergelincir pun ada juga panel. Akan tetapi saya minta supaya pakar-pakar betul, macam Yang Berhormat kata tadi sudahlah ambil orang-orang pencen ini dan janganlah anggapkan untuk memberi upahan sahaja kita bagi untuk menjadi panel. Ini mestilah ditekankan.

Satu lagi perkara yang patut diambil perhatian ialah untuk menentukan perlangungan yayasan ini. Kerana kita hendak yayasan ini akan berada selama-lamanya untuk kepentingan guru dan kepentingan pelajaran. Saya cadangkan supaya perbelanjaan yang kita buat untuk yayasan setiap tahun jangan melebihi 75 peratus daripada keuntungan setiap tahun supaya aset yayasan ini akan bertambah dari setahun ke setahun sekurang-kurangnya 25 peratus dari tahun yang lepas. Jadi, janganlah belanja lebih daripada pendapatan walaupun apa pun yang ini, melainkan kita mendapat bantuan lain-lain itu.

Jadi, itu sahajalah pandangan saya kerana saya fikir lain-lain perkara telah pun dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan itu dua perkara saya pohon untuk menekankan. Sekian, saya pohon untuk menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sungguhpun dua *point*, itu amat penting daripada pandangan seorang ahli korporat yang tahu selok-belok daripada segi perniagaan dan sebagainya.

Saya percaya pihak kementerian mengambil kira dan inilah contohnya saya hendak lihat Ahli-ahli Dewan Negara berbahas sesuatu perkara yang ada berkualiti, relevan untuk kebaikan satu rang undang-undang. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Silakan.

■1240

12.40 tgh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbincang dan berbahas Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 yang sedang kita bincangkan sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini merupakan sebagai kelanjutan kepada KWSG yang telah ditubuhkan di bawah Akta Pelajaran 1961 [Akta 43] sebagaimana yang tersebut di sini. Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah membawa satu perkara yang sangat penting kepada masyarakat kita khususnya kepada guru. Keduanya saya tidak lupa untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada guru-guru lama iaitu guru-guru kita dahulu yang telah menubuhkan KWSG sehingga yayasan ini sekarang merupakan kelanjutan kepada usaha-usaha mereka dahulu.

Saya rasa mereka telah mempunyai wawasan yang sungguh jauh dan baik dengan suasana waktu mereka sehingga mereka merasakan dapat mewujudkan satu sistem caruman kewangan yang sangat baik sehingga dapat mengumpulkan aset beratus ribu. Ini satu rekod yang baik dan kita patut berterima kasih kepada mereka dan mengucapkan tahniah dan syabas kerana mereka telah berjaya menciptakan satu sistem yang baik. Kita pada hari ini membincangkan sebuah yayasan untuk meneruskan dan mengambil alih apa yang telah dilakukan sejak sekian lama.

Walaupun mereka pada ketika itu kedudukannya terbatas, kewangannya sedikit, kalau guru-guru zaman itu pergi ke sekolah naik basikal, jarang ada yang bermotosikal. Ada juga yang tidak ada apa-apa dan hanya berjalan kaki. Akan tetapi kegigihan itu patut kita sanjungkan kerana itulah kita dapat melihat perkembangan sehingga ke hari ini. Saya sangat terharu apabila hal ini dibentangkan dan kita juga sama-sama terhutang budi kepada mereka dan di sini saya ingin menyatakan saya sangat berterima kasih dan menjunjung tinggi usaha yang telah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, guru ini satu profesion yang sangat baik sehingga guru selalu dikaitkan dengan ilmu. Orang yang tidak berilmu tidak boleh jadi guru. Malah, orang berilmu kalau tidak mengajar pun tidak dipanggil guru. Jadi guru ialah orang yang ada ilmu, mengajar orang, dan juga mendidik. Oleh sebab itulah makanya mungkin profesion perguruan itu, nama guru itu disebut sepanjang hayat walaupun sudah bersara. Hatta setelah meninggal dunia pun orang sebut lagi cikgu polan, cikgu polan. Itu saya rasa satu keberkatan yang ada pada profesion perguruan yang ada di dalam masyarakat kita.

Justeru itu, saya melihat apabila aset ini ada, semalam saya mendengar banyak perbincangan. Aset ini ada dan ada pencarum atau penyimpan di dalam KWSG itu tidak menuntut dan wangnya telah diletak di dalam wang yang tidak dituntut kalau tidak silap saya. Saya ingin menyatakan di sini, memberi pandangan.

Walaupun wang itu tidak dituntut tetapi saya yakin dan percaya mereka ada alamat. Mereka ada alamat sama ada alamat itu semasa mengisi borang atau sebagainya. Bagi saya, saya hendak sedikit perbezaan daripada sistem kewangan yang dilakukan di bank-bank. Kalau kita simpan di bank, kita tidak menuntut, maka wang itu dimasukkan ke bahagian wang yang tidak dituntut. Akan tetapi hal ini agak berbeza sedikit, saya harap begitu. Ia supaya bahagian wang yang tidak dituntut itu perlu dicari orangnya.

Kalau dia sudah meninggal, perlu dicari warisnya. Ini kerana bagi saya sebelum hal-hal ini terjadi, maka sebelum yayasan ambil alih atau yayasan nanti, perlu cari waris mereka kerana itu hak mereka dan jadi pusaka. Bagi saya rasanya boleh diusahakan supaya sampai.

Kalau sudah usaha, tidak sampai, itu terserah. Itu harapan yang saya rasa perlu beza di antara caruman yang telah dibuat oleh guru-guru kita dahulu dengan kita simpan di bank. Saya harap begitulah. Satu perkara lagi yang saya hendak sebut di sini dan ingin bertanya kepada kementerian kalau ada rekod. Kalau tidak boleh jawab hari ini pun tidak apa iaitu setelah KWSG ini ditubuhkan sehingga kini, berapa ramai pencarum yang telah mencarum di dalam KWSG itu? Berapa ramai pula yang telah mengeluarkan simpanan mereka dan berapa ramai juga yang telah meninggal dunia? Saya juga ingin tahu ahli semasa yang ada.

Ini bagi saya sangat penting kerana kita akan berganjak daripada KWSG kepada Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui adakah Yayasan ini hanya mengambil kira guru-guru yang telah disahkan dalam jawatan dan mendaftar di bawah Yayasan atau bagaimana untuk menjadi ahli Yayasan nanti? Ia sangat penting kerana saya rasa bukan semua guru mengetahui dan bukan semua guru juga dahulu mencarum dalam KWSG. Kemudian, sehingga sekarang, kalau boleh saya tahu, berapa seluruhnya kakitangan perguruan yang telah berkhidmat di dalam negara kita ini?

Angka ini bagi saya sangat penting kerana saya hendak melihat berapa ramai orang ini, boleh kita lihat bagaimana perkembangan ilmu yang ada di dalam masyarakat kita dan kita pun dapat capai apa yang kita nikmati sekarang ini ialah hasil daripada ilmu yang dikuasai oleh negara kita melalui para cerdik pandai yang belajar dengan para guru ini. Ini satu perkara yang perlu kita akui pada bila-bila masa. Tanpa guru, tidak ada ilmu. Tanpa ilmu, kita tidak dapat capai kegemilangan, kenikmatan, kemajuan, dan ketamadunan yang telah dicapai. Oleh sebab itulah semua negara dahulu yang mencapai tamadun hasil daripada keringat usaha guru-guru dan dengan guru itulah mereka akan mencapai kebaikan.

Berbalik kepada rang undang-undang ini, saya ingin sebut sebagaimana teman-teman saya. Paling utama ialah fungsi dan kuasa. Saya melihat di sini ada perkara yang telah disebutkan dan saya tidak mengulangi. Cuma saya hendak sebut perkara 5(c). Perkara 5(c) itu melakukan apa-apa perkara yang wajar atau suai manfaat atau perlu dalam menjaga kebajikan guru. Salah satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berhubung dengan kebajikan guru ini. Guru yang ramai selalu terdedah kepada risiko terutamanya guru-guru yang menghantar atau menjadi pengikut atau pengiring kepada pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah mereka ke lawatan-lawatan, ke perkelahan-perkelahan, dan sebagainya.

Murid-murid sudah ada Takaful yang diambil melalui sekolah. Saya hendak tahu adakah guru-guru ini juga yang terlibat dengan lawatan-lawatan akan mengambil Takaful? Kalau sekiranya pihak kementerian tidak mengambil inisiatif itu, kalau ada sudah bagus. Kalau sekiranya tidak, maka boleh jadi yayasan ini boleh mengambil tanggungjawab itu pada masa hadapan.

■1250

Ini juga kalau kita melihat, sering kita dengar dalam lawatan-lawatan ada terjadi, kadang-kadang terjadi hal-hal yang tidak diingini dan ini kalau sekiranya guru-guru itu tidak mengambil insurans ataupun Takaful, maka dia akan menanggung risiko sendiri.

Perkara yang seterusnya melakukan apa-apa ini sangat luas, yang (e) ini sangat luas. Saya rasa ini bergantung pada kebijaksanaan Ahli Lembaga Pengarah dan juga CEO atau Ketua Pegawai Eksekutif. Ini melakukan apa-apa perkara yang yayasan fikirkan wajar atau suai manfaat atau perlu untuk melaksanakan fungsinya di bawah akta ini, ini sangat luas. Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan semua Senator yang menyuarakan bahawa orang yang perlu dilantik itu biarlah orang yang mempunyai wibawa, yang mempunyai kepakaran, yang mempunyai pemikiran dan pengalaman yang luas sehingga...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh celah sedikit, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ada perkara yang saya ingin mencelah yang saya terlupa hendak cakap semalam. Bila Yang Berhormat ada menyebut tentang fungsi, peranan, tanggungjawab dan kemudahan-kemudahan bagi pengerusi dan ahli lembaga pengarah, terfikirakah oleh kita dan oleh Yang Berhormat juga tentang kemungkinan badan ini digunakan untuk dengan izin, *to create jobs for the government retirees*. Ini yang saya rasa harus dielakkan supaya jangan badan ini berfungsi sebagai menampung pesara-pesara kerajaan peringkat tinggi untuk mendapat pekerjaan baru.

Oleh itu, dipastikan supaya pengerusi dan ahli-ahli lembaganya benar-benar terdiri daripada orang-orang yang hati, nadi, fikiran, perasaan dan emosinya memperkasakan profesion perguruan supaya profesion perguruan dapat mengembalikan fungsinya sebagai tonggak nasionalisme yang memerdekakan negara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dok tengok jam sama. Saya jadikan sebahagian daripada ucapan saya, setuju? Saya pun hendak sampai ke situ tetapi apabila dah disebut, saya tidak ulang lagi. Cuma saya hendak sambung sikit lagi ialah orang yang mempunyai kewibawaan, kebolehan yang baik untuk mengendalikan yayasan ini dan kita harap yayasan ini walaupun disebut sebagai membantu tetapi peranannya sangat berkesan pada masa depan. Kita sangat mengharapkan yayasan ini betul-betul dapat meningkatkan prestasi perguruan yang cemerlang di negara kita ini.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak kait ialah berhubung dengan pekerja yayasan. Bahagian V – pekerja yayasan. Yang menarik perhatian saya ialah 19(2), 19(2) itu, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal ehwal kewangan. Saya boleh bersetuju dengan orang yang tahu hal kewangan ini sebab yayasan ini banyak duit tetapi saya hendak satu lagi supaya orang yang dilantik tadi sebagaimana disebut oleh Senator Dato' Dr. Firdaus tadi ialah orang yang mempunyai semangat, yang mempunyai kefahaman, yang menjiwai tentang pelajaran dan pembelajaran sesuai dengan yayasan ini.

Kalau kita tidak ambil usul itu, saya bimbang nanti walaupun ada lembaga pengarah tetapi yang buat kerja sebenarnya CEO ini. Saya bimbang takut-takut hal-hal pelajaran itu tidak menjadi semangat dan aspirasi kepada pekerja tadi. Oleh sebab itulah saya melihat perlu ada orang yang akan dilantik itu menjiwai pelajaran dan pembelajaran supaya sesuai dengan jawatannya sebagai CEO yang telah diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya hendak sebut di sini ialah keanggotaan lembaga pengarah. Semalam pun telah ditimbulkan oleh ramai iaitu saya menyokong kalau sekiranya dimasukkan di dalam lembaga pengarah itu Persatuan Guru-guru atau wakil mereka supaya mereka dapat menyuarakan sebenarnya apa yang guru mahu dan apa pandangan mereka agar yayasan ini dapat berjalan dengan baik dan kita akan tengok nanti bahawa yayasan ini betul-betul berfungsi sebagaimana yang telah digariskan di dalam muka surat 8 iaitu Bahagian III.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa akta ini apabila diluluskan nanti dan dilaksanakan, ia akan memberi satu impak yang baik kepada perkembangan pendidikan dan pelajaran di negara kita ini dan saya yakin dan percaya kalau kita meneliti apa yang telah dibawakan ini cukup baik dan cukup kemas. Satu perkara yang terakhir yang saya hendak ucapkan ialah jangan lupa kepada jasa orang terdahulu. Ini saya hendak simpulkan dan saya minta sangat orang-orang terdahulu yang telah membuat satu sistem yang baik ini dan kita pula dapat hasil daripada mereka. Yang saya hendak sebut tadi ialah aset tadi, saya hendak ulang, aset tadi kalau boleh sampaikan kepada yang berhak kalau sekiranya mereka telah meninggal dunia atau masih ada lagi mungkin umurnya telah lanjut.

Setakat itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang di depan saya hanya dua orang sahaja lagi iaitu Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah dan juga Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Saya fikir kita ada tiga minit lagi, sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Kalau sekiranya tidak habis, kita sambung pada 2.30 petang nanti. Tidak mengapa kerana rang undang-undang ini penting dan yang lain-lain itu saya tengok nama tidak begitu ramai. Saya hendak ulang sekali lagi untuk makluman semua. Mana-mana Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap dalam semua rang undang-undang, sila kemukakan nama kerana senang saya hendak merancang masa dalam masa yang ditentukan dan dijadualkan. Sekarang silakan Datuk Lihan Jok.

12.58 tgh.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana dalam saat yang singkat ini memberi peluang kepada saya. Saya memang mengambil ketetapan dulu pendirian saya menyokong sangat tentang Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Jadi pada perbincangan kali ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil tiga perkara untuk menyatakan sokongan saya tetapi sebelum itu saya ingin mengatakan sebagai bekas guru, saya begitu tersentuh, terpenggil untuk terlibat dalam rang undang-undang ini kerana saya melihat undang-undang ini akan bila mana saya pun seorang guru pesara.

Apatah lagi kalau saya masih seorang guru terbongkar sekali lagi semangat saya berkobar-kobar kerana di belakang tadbir, ada satu usaha baik daripada segi yayasan mahupun melalui usaha kerajaan melalui rang undang-undang ini bahawa kebajikan saya, kebajikan tugas saya dan keluarga saya terpelihara. Kerajaan yang prihatin, demikianlah saya melihat rang undang-undang ini, kita bentang membongkar semangat yang baru, memberi guru kita lebih keyakinan bahawa mereka tahu di belakang tadbir itu ada satu perkara yang baik yang melihat kebajikan mereka. Jadi demikian mukadimah pertama saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa telah menunjukkan tepat jam 1 tengah hari dan untuk beri maklum kepada semua Ahli Yang Berhormat, kita ada Majlis. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat hadir selepas ini.

Yang Berhormat Datuk Lihan Jok boleh sambung pada jam 2.30 ptang nanti. Sekian terima kasih, kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok untuk menyambung kembali perbincangan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyentuh tiga perkara untuk menyatakan sokongan kuat saya kepada RUU ini. Pertama, saya akan menceritakan kewajarannya perubahan daripada KWSG kepada Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Kedua, saya akan menyentuh perkara ini iaitu melihat kepada semangat rang undang-undang itu sendiri dan perkara yang ketiga dalam waktu kita memperkatakan rang undang-undang, saya akan menyentuh sedikit ciri-ciri RUU ini yang menjurus kepada kebaikan.

Pertama, kalau kita lihat kewajaran ini, penukaran, pemindahan aset ke satu entiti yang baru iaitu Yayasan Guru Tun Hussein Onn, ada tiga perkara di sana yang saya hendak lihat iaitu Tuan Yang di-Pertua bahawa konsep keahlian guru-guru yang terhad kepada guru yang digelar dalam golongan UTS iaitu *United Teaching Service* itu tidak merangkumi lagi, tidak sesuai lagi. Maka wajarlah entiti itu dipindahkan. Perkara yang kedua daripada segi pengurusan di mana pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Guru itu, pengurusannya yang lapuk tidak boleh memastikan kejayaan baik daripada segi usaha untuk melihat kebajikan guru dan seterusnya melabur dalam perkara yang baru seperti saham seperti ekuiti, jenis-jenis pelaburanlah. Ya, ini memerlukan pengurusan yang baik.

Justeru pengurusan yang baik itu hanya boleh kita lihat dalam bentuk yang baru ini di dalam Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Jadi perkara yang kedua kalau kita lihat dalam zaman sekitar tahun 2001 Tuan Yang di-Pertua, di mana ada ura-ura KWSG ini diserapkan dalam satu entiti yang bernama Yayasan Guru Malaysia Berhad. Jadi ketika itu lebih sepuluh tahun dulu, guru-guru banyak memberi maklum balas sehingga pencarum-pencarum dalam KWSG tidak menyokong. Ratanya guru tidak suka KWSG ini diserapkan di dalam Yayasan Guru Malaysia Berhad. Jadi oleh itu sebab yang kedua, perkara ini tertanggung tidak diserap dalam sebuah yayasan yang saya maksudkan.

Jadi, kewajaran yang ketiga yang saya lihat ialah untuk daripada segi penukaran nama ini kalau kita lihat Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Kenapakah tidak nama yang lain? Akan tetapi seperti yang kita lihat, ketokohan mantan Perdana Menteri yang ketiga ini adalah begitu hebat seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kelmarin dahulu. Ketokohan ini apabila kita melihat suburnya beliau dalam bidang pendidikan sehingga banyak perkara yang melibatkan hal-hal pendidikan seperti, saya baca di sini, Sekolah Kebangsaan Tun Hussien Onn di Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussien Onn di Pulau Pinang, Kolej Tun Hussien Onn di UTM, Johor dan Institut Pendidikan Tun Hussien Onn, Tun Hussien Onn Library dan yang hebat sekali, Universiti Tun Hussien Onn. Jadi memang wajarlah satu perkara yang melibatkan pendidikan, perguruan disabitkan dengan ketokohan mendiang Tun Hussien Onn. Jadi wajarlah maksud saya, saya menyokong dalam perkara itu.

Kedua, daripada segi semangat RUU tadi. Kalau kita lihat KWSG. Saya melihat tujuan utamanya melihat kebajikan guru. Bermaksud bila guru itu bersara, wang yang akan, sedikit menjamin masa depan keluarganya bila bersara dan untuk tujuan ini kalau KWSG tidak ada wang, tidak jadi. Oleh sebab itu konsep yang kedua, semangat yang kedua yang perlu kita lihat di situ pelaburan. Membuat wang ringgit yang banyak untuk berjaya, mampu melihat kebajikan cikgu-cikgu ketika itu.

Jadi saya lihat semangat ini tidak boleh hilang, tidak boleh kita abaikan bila mana ada perubahan kepada daripada KWSG ke Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Jadi semangat ini yang saya sebutkan tadi kebajikan. Kalau kita lihat daripada segi pelaburan itu tadi. Pelaburan yang hebat itu dalam zaman sekarang ada pelbagai jenis pelaburan yang menjamin pulangan wang yang cukup. Jadi kalau ada wang, untung yang banyak, dividen yang boleh kita bahagi kepada cikgu-cikgu kita. Jadi, itu satu.

Oleh sebab yang demikian, saya memang amat setuju tadi kita meletakkan CEO yang hebat-hebat belaka. Yang pandai mengurus hal untuk cara mana hendak meningkatkan keuntungan, *you know*, kepada yayasan yang ini. Jadi perkara yang kedua tadi kalau kita lihat, semangat dia yang perlu kita teruskan iaitu membela nasib ahli-ahli. Walaupun ada perubahan entiti ini, nama dia, semangat dia dengan ruang lingkup tanggungjawab tetapi jangan lupa pembelaan ahli-ahli, guru-guru ataupun warga pendidik serta ahli-ahli keluarga itu perlu kita jaga.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menyatakan di sini maksud membela nasib ini yang sudah bersara dan yang dalam *service* atau perkhidmatan. Dua-dua perkara ini perlu kita lihat.

Justeru itulah, kita melihat, saya mencadangkan juga, bukan melihat, mencadangkan supaya pengurusan, cara pembelaan, cara pengurusan pelaburan dan hendak memberi dividen ini harus kita selarikan dengan cita rasa zaman sekarang. Kita tidak perlu pergi ke pejabat kita di Sarawak perlu datang ke Kuala Lumpur untuk semata-mata hendak menyemak kedudukan dividen kita, tidak jadi.

Bermaksud Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan urusan- walaupun Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini merupakan satu perkara bukan entiti *business*, tetapi saya minta urusan dia itu harus setaraf dengan perkembangan cara kita mengurus hidup harian kita. Contohnya, ahli-ahli itu perlu memiliki kad, kad kreditkah, kad yang boleh dihubungi dengan mana-mana ATM untuk dia mendapat maklumat, kedudukan kewangan, kedudukan dividen, kedudukan bahagian dia dalam sistem yang baru ini. Itu yang maksud saya untuk memperkemaskan supaya pembelaan diri ini senang dia hendak kesan, cara mana supaya cikgu-cikgu kita yang berselerak ke seluruh pelosok negara ini boleh dia melihat bagaimana kedudukan dia dalam Yayasan Guru yang baru ini.

Bukan juga saya bermaksud supaya Yayasan Guru ini berperanan sebagai institusi kewangan, institusi perdagangan seperti yang kita lihat dalam arena *business*. Akan tetapi maksud saya ini ialah contoh, macam saya memiliki satu MyKad, saya boleh guna MyKad saya ini untuk banyak tujuan. Itu maksud saya.

Jadi perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah saya menyokong RUU ini kerana dia menepati pada perkara yang saya maksud, *it is a good law*. Saya memang berpegang. Saya yang tidak berpendidikan dan tidak berpengalaman berhubung dengan undang-undang ini, saya selalu melihat, ada rang undang-undang, dia baguskah atau tidak bagus.

Saya mengatakan RUU ini adalah memang mudah difahami. Satu undang-undang yang perlu kita lulus dalam Dewan yang mulia ini harus senang difahami. Saya bacanya pun tidak susah difahami. Dalam versi bahasa Inggerisnya pun mudah difahami. Ini satu undang-undang yang bagus.

Perkara yang kedua, saya melihat RUU yang kita gubal ini akan mencerminkan bahawa negara kita, kerajaan kita ini kerajaan yang baik yang membela nasib para pendidik kita. Bila negara jiran, negara di dunia ini melihat bahawa kita memperkenalkan satu RUU ini, Malaysia dipuji. Oleh sebab itu, mana-mana undang-undang yang membangkitkan imej Malaysia, saya memang kata setuju. Memang betul ini RUU. Kita membela nasib cikgu, para pendidik kita. Akan tetapi yang saya hendak sentuh hari ini ialah yang penting undang-undang ini, RUU ini ialah satu undang-undang yang baik kerana ia mengambil kira semua cikgu, bukan hanya lagi kumpulan UTS, bukan hanya guru *United Teaching Service* sahaja lagi.

Oleh sebab itu dalam Yayasan Guru Tun Hussein Onn, RUU ini dia mengambil kira semua cikgu kita, baik di Semenanjung, baik di Sarawak dan baik di Sabah. Jadi oleh sebab yang demikian, kalau kita lihat dalam ahli lembaganya, saya tidak risau mungkin pada suatu hari nanti seorang dari Sabah atau di Sarawak, menjadi Ketua Setiausaha Kementerian, orang Sabahlah yang terlibat di sana juga.

Jadi oleh sebab yang demikian, yang saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, dengan sengajanya kementerian yang bertanggungjawab nanti apabila melantik ahli-ahli Lembaga Pengarah, saya hendak menyokong cadangan Yang Berhormat Datuk Johari iaitu supaya ada wakil dari kesatuan guru-guru, kata dia. Akan tetapi saya lebih terperinci pada kali ini Tuan Yang di-Pertua, ahli kesatuan guru itu adalah satu, daripada ahli Kesatuan Guru-guru Sarawak, kalau tidak presidennya. Satu lagi dari Kesatuan Guru-guru Sabah, siapa sahaja daripada Exconya, presidennya untuk menjadi Ahli Lembaga. Bukan mana-mana cikgu sahaja atau bukan mana-mana kakitangan perguruan sahaja atau kakitangan pendidikan. Elok dia seorang yang memegang jawatan dalam kesatuan guru supaya apabila dia balik, mudah dia menyebarkan maklumat yang baik daripada yaysan itu tadi.

Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, dengan tiga alasan itu tadi, saya mengambil pendirian untuk menyokong penuh Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dan yang terakhir, dipersilakan Dato' Dayang Madinah.

2.46 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam perpaduan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 amat dialu-alukan untuk menggantikan Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 yang dikira agak lama. Ia perlu melalui proses transformasi juga selaras dengan Dasar Transformasi Negara, maaf, transformasi kerajaan termasuklah transformasi pendidikan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Segala fungsi, kuasa dan cara pentadbirannya perlu ditambah baik dan dipertingkatkan sejajar dengan tuntutan serta keperluan keadaan semasa. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan atas usaha murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn merupakan suatu pengiktirafan dan penghormatan terhadap pengorbanan perjuangan dan segala sumbangan khidmat bakti warga pendidik yang bergelar guru di seluruh Malaysia. Tidak kira mereka telah bersara ataupun sedang berkhidmat.

Nun jauh di pedalaman di luar bandar, di pinggir bandar ataupun di bandar-bandar besar, semuanya dengan satu tujuan dan nawaitu yang sama iaitu ke arah melahirkan anak bangsa 1Malaysia yang berpendidikan dengan minda kelas pertama, berakhlak baik dan mempunyai keperibadian mulia. Ini kerana mereka inilah yang akan mewarisi kepimpinan sama ada dalam keluarga, kepimpinan dalam masyarakat dan seterusnya kepimpinan dalam negara.

■1040

Dengan dana yang sedia ada berjumlah lebih RM200 juta, saya yakin dan percaya Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan diurus dengan lebih profesional dan penuh berhemah demi memperkasakan soal kebajikan tahap ekonomi dan kesejahteraan warga guru serta anak-anak mereka untuk jangka masa yang panjang. Dalam soal memartabatkan profesion perguruan ini, ia peranan dan tanggungjawab para guru. Di samping semangat kerjasama, bak kata pepatah Melayu, "*Seiring sejalan dan sehati sejiwa*" dengan pihak kerajaan dalam memperkasakan dasar-dasar pendidikan negara dan bersama-sama untuk memastikan pelaburan bukan sahaja pelaburan wang ringgit tetapi pelaburan yang juga penting samanya iaitu dalam pembangunan insan terus terlaksana.

Justeru, tidak perlu timbul tindakan menentang kerajaan dalam konteks semangat kerjasama jika para guru memilih profesion perguruan sebagai kerjaya mereka, disulami dengan tujuan atau nawaitu mereka pada asalnya ke arah melahirkan anak bangsa yang berpendidikan. Jika ada yang tidak betul sama-samalah kita perbetulkan. "*Yang ringan sama-sama dijijing dan yang berat sama-sama dipikul.*"

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan dapat juga membantu pihak Kementerian Pendidikan dan pihak PIBG dalam perancangan-perancangan dan program-program sampingan yang pelbagai serta menambah nilai bidang pendidikan secara holistik.

Bukan sahaja terhadap anak bangsa tetapi juga pada guru sendiri serta ibu bapa kerana guru dan ibu bapa juga perlu terus menambah dan meningkat ilmu serta kualiti mendidik dan membimbing dari semasa ke semasa.

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: *[Bangun]*

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Contoh perancangan atau program sampingan yang saya maksudkan itu ialah menitik berat soal penyerapan semangat patriotik di kalangan anak-anak muda.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat? Silakan Yang Berhormat.

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini dan saat ini menjadi sejarah kepada saya untuk bersama-sama bahas Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014.

Timbalan Yang di-Pertua: Bahaskah atau hendak mencelah Yang Berhormat?

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Bukan bahas hendak mencelah. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dayang Madinah duduk dahulu, Yang Berhormat bagi ruang, kan?

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Dia hendak mencelah kah?

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Mencelah, mencelah sahaja.

*Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan,
Saya Yang Berhormat baru belajar,
Kalau salah, kalau silap tolong ajarkan.*

Rang undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn kebanyakan Yang Berhormat bercakap mengenai kebajikan guru-guru, membela nasib guru-guru, kesejahteraan guru-guru dan anak guru-guru dan juga saya hendak menekankan kasih sayang kepada guru-guru.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah yang hendak dicelahkan?

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Okey, saya cuma hendak celahkan perpisahan suami isteri apabila kedua-keduanya guru iaitu pada bulan lepas saya didatangi seorang guru yang masih dalam pantang, berkain batik, berstoking. Jadi, saya tanya kepada beliau apa yang sudah terjadi?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang dicelah ini ada berkaitan dengan apa Yang Berhormat sebutkan itu?

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Ya, ada. Apabila saya bertanya kepada beliau, beliau memaklumkan kepada saya beliau baru seminggu kematian anak kembar yang berusia tujuh bulan. Kita bercakap tentang kebajikan, kasih sayang, membela nasib, kesejahteraan guru-guru dan anak guru-guru. Pada saat itu beliau telah memaklumkan kepada saya, anak beliau yang meninggal dunia, beliau telah keguguran pada hari Jumaat di mana suami beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Lio Matoh, Baram bahagian Miri, Sarawak manakala beliau mengajar di pedalaman Sik, Kedah. Kita bercakap tentang kasih sayang, membela nasib, kebajikan, kesejahteraan guru-guru.

Jadi pada malam keguguran bayi beliau iaitu dua orang yang di kandungnya, kedua-duanya mati, meninggal dunia saat beliau gugur. Beliau cuba menelefon suami beliau di pedalaman Miri, Sarawak tetapi alangkah sedihnya talian telefon tidak dapat.

Jadi selepas dua hari, selepas hari cuti Sabtu dan Ahad maka pada hari Isnin pagi barulah beliau dapat menelefon suami beliau di Sekolah Kebangsaan Lio Matoh, Baram bahagian Miri, Sarawak. Suami beliau yang bernama Muhamad Rahmat Abdul Rahim bergegas kembali ke Kedah menangis di atas tanah perkuburan anak mereka yang selama 5 tahun penantian mereka untuk mendapat anak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Apa yang saya hendak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon ihsan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu guru-guru yang berada terlalu jauh, suami dan isteri terlalu jauh...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, celahan Yang Berhormat ini ada kaitan kah dengan perbahasan Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Ada, ada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tujuan dia apa sekarang?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Sekejap sahaja, hendak habis Tuan Yang di-Pertua. Jadi suami isteri ini kita bercakap tentang kebajikan, saya hendak memohon supaya kita menjaga kebajikan guru-guru, kita beri balik peluang kasih sayang, guru-guru yang berada jauh supaya kita dekatkan untuk yang pertamanya mereka guru-guru pendidik...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa lebih baik Yang Berhormat berbahas. Minta ruang berbahas.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tidak, tidak saya ada lagi dua sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab celahan dengan berhujah ini tidak sama, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mencelah ada kaitan dengan apa yang dibahaskan oleh Dato' Dayang Madinah itu saya benarkan. Akan tetapi nampaknya Yang Berhormat ini macam...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, dua sahaja saya hendak cakap, kalau guru boleh dekat, kita dekatkan guru-guru, satu fokus kerja lebih tinggi, produktiviti mutu kerja lebih tinggi...

Timbalan Yang di-Pertua: Maka kaitannya dengan apa Yang Berhormat Dato' Dayang Madinah bahaskan?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Ya, sebab kita bercakap membela nasib guru-guru dan kesejahteraan guru-guru. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kita dekatkan guru-guru yang berada jauh, sama ada kalau tidak dapat di daerah kita dekatkan dalam negeri, satu negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Dato' Dayang Madinah.

Dato' Dayang Hajah Madinan binti Tun Abang Haji Openg: Sebenarnya perbahasan saya tidak ada menyentuh tentang perhubungan guru ataupun suami isteri. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Senator ada turut serta dalam perbahasan tajuk ini tidak. Kalau tidak mungkin Yang Berhormat boleh mengajukan soalan lisan nantilah untuk perkara yang dimaksudkan tadi. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dayang Hajah Madinan binti Tun Abang Haji Openg: Saya ulang apa yang saya cakap tadi belum selesai ayatnya. Dalam hal ini saya berharap Yayasan Guru Tun Hussein Onn dapat juga membantu pihak Kementerian Pendidikan dan pihak PIBG dalam perancangan-perancangan dan program-program sampingan bagi mempelbagaikan serta menambah nilai bidang pendidikan secara holistik.

Bukan sahaja terhadap anak bangsa tetapi juga guru itu sendiri serta para ibu bapa kerana guru dan ibu bapa juga perlu terus menambah dan meningkatkan ilmu serta kualiti mendidik dan membimbing dari semasa ke semasa.

■1500

Contoh perancangan atau program sampingan yang saya maksudkan itu ialah seperti menitik berat soal penyerapan semangat patriotik di kalangan anak-anak muda yang amat membimbangkan kita kini yang semakin lumpuh. Itu yang saya bahas. Saya tidak adapun menyentuh tentang hubungan suami isteri guru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin cadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan dalam membuat pelantikan keanggotaan Lembaga Yayasan Guru Tun Hussein Onn nanti agar pertimbangan diberi juga kepada mereka yang berkecuali dari Sarawak termasuk wanita seperti saranan rakan saya, Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah kelmarin.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Jadi, dengan hujah-hujah Yang Berhormat Dato' Hajah Madinah itu tadi, maka berakhirlah sesi perbincangan bagi Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Nampaknya mengikut catatan saya di sini, seramai 22 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta membahaskan rang undang-undang ini. Jadi, syabaslah.

Sekarang saya rasa tibalah masanya untuk kita mendengar jawapan daripada pihak kementerian. Silakan Yang Berhormat Menteri.

3.02 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Daripada seramai 22 orang Ahli Yang Berhormat yang berucap, bolehlah saya rumuskan bahawa rang undang-undang telah diterima baik oleh Ahli Dewan yang mulia ini.

Justeru, saya akan memberi penjelasan sebaik mungkin dengan fokus ke atas isu-isu yang dibangkitkan yang menyentuh secara langsung rang undang-undang ini. Isu-isu yang tiada kaitan, Kementerian Pendidikan tetap akan memberi perhatian dengan sewajarnya.

Baiklah, Yang Berhormat Dato' Adam Abdul Hamid mencadangkan tiga orang Ahli Parlimen yang mewakili rakyat di dalam Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Guru Tun Hussein Onn.

Yang Berhormat, keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah yang diperuntukkan dalam fasal 10 telah mengambil kira fungsi Yayasan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjaga kebajikan guru dan menjaga pendidikan anak guru. Keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah yang diperuntukkan meliputi wakil-wakil yang mempunyai pengalaman dan penglibatan dalam bidang perguruan yang secukupnya termasuk tiga orang anggota Lembaga yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal kewangan dan pelaburan bagi menjamin kesinambungan penajaan dana Yayasan. Kerajaan yakin keanggotaan Lembaga yang dicadangkan dalam fasal 10 akan dapat melaksanakan fungsi Yayasan seperti yang dihasratkan.

Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya tentang struktur pencaruman baru Yayasan. Adakah guru yang telah disahkan dalam perkhidmatan saja yang boleh menjadi ahli Yayasan?

Jawapannya Yayasan Guru Tun Hussein Onn merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Fungsi Yayasan bukanlah sebagai sebuah tabung persaraan. Sehubungan itu, Yayasan ini tidak mempunyai pencarum dan tidak menetapkan pendaftaran keahlian serta tidak mengenakan sebarang yuran keahlian. Faedahnya terbuka kepada semua guru yang dilantik sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan serta anak-anak guru. Selain itu, Yayasan juga akan memberi faedah kepada institusi pendidikan seperti sekolah dan institusi pendidikan guru melalui aktiviti penyelidikan yang boleh membantu meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya berapakah jumlah pencarum yang tidak mengeluarkan caruman mereka dari tahun 2007 sehingga kini? Adakah wang KWSG yang tidak dituntut akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Tidak Dituntut dan adakah wang tersebut boleh dituntut dan dimasukkan semula ke dalam dana Yayasan?

Yang Berhormat, para pencarum layak membuat pengeluaran wang caruman selepas mencapai umur persaraan. Walau bagaimanapun, apabila terdapat pencarum yang tidak membuat pengeluaran setelah tempoh yang diberikan tamat, KWSG telah mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada mereka dan membuat kenyataan di akhbar bermula pada tahun 2007. Pada tahun 2006 hingga tahun 2011, sejumlah RM14.7 juta wang caruman telah dihantar kepada *Registrar of Unclaimed Money*, dengan izin, atau Wang Tidak Dituntut secara berperingkat berdasarkan tahun kelahiran pencarum. Namun, masih terdapat sebilangan kecil pencarum yang masih mempunyai caruman di KWSG iaitu seramai 198 orang atau berjumlah RM2.11 juta. Berdasarkan rekod, kesemua pencarum ini telah pun mencapai umur persaraan. Maka, mereka layak untuk membuat pengeluaran wang caruman.

Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan sebelum proses pembubaran KWSG adalah menghantar surat pemberitahuan ke alamat terakhir pencarum dan membuat hebahan di media dan akhbar utama serta laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas tempoh tertentu, sekiranya tiada pencarum atau waris datang membuat tuntutan, wang caruman tersebut akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Namun demikian, semua rekod pencarum KWSG akan dipindahkan di bawah bidang kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Jika terdapat pencarum atau waris datang untuk membuat tuntutan, Yayasan akan membantu menyediakan dokumen berkaitan untuk dibawa oleh mereka ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut bagi membolehkan tuntutan dibuat.

Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanya bagaimanakah Yayasan mampu menjamin kelangsungan KWSG dan apakah cadangan pelan pelaburan yang dirancang oleh Yayasan?

Yang Berhormat, Yayasan ini akan meneruskan aktiviti pelaburan sedia ada dalam bidang hartanah, ekuiti dan simpanan tetap seperti yang dilaksanakan oleh KWSG melalui syarikat yang akan ditubuhkan oleh Yayasan.

■1510

Selain itu, Yayasan juga akan menubuhkan syarikat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang boleh menjana pendapatan kepada Yayasan. Bagi memastikan pelaburan diurus dengan baik, Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik telah disyaratkan supaya mempunyai kepakaran-kepakaran dalam pelaburan atau hal-hal kewangan. Selain daripada itu, Yayasan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pelaburan yang dilantik oleh lembaga bagi mengurus hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam bertanya, apakah cadangan penambahbaikan Yayasan untuk kebajikan guru? Guru yang merupakan kakitangan kerajaan telah disediakan pelbagai kemudahan untuk menjaga kebajikan mereka.

Seperti kemudahan rawatan secara percuma di hospital kerajaan dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn pula akan membantu menyediakan bahan selain daripada kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan seperti kerusi roda sebagai peralatan sokongan kepada guru yang memerlukan. Yayasan Guru Tun Hussein Onn akan menyebarkan fungsi dan faedah yang boleh dinikmati oleh guru dan anak-anak mereka melalui kenyataan akhbar dan laman sesawang Yayasan apabila ia ditubuhkan nanti. Selain itu, Yayasan juga akan memuat naik maklumat berkenaan penubuhan Yayasan ini dalam laman sesawang KPM sebagai makluman dan hebahan kepada guru dan pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin bertanya, apakah bentuk pembangunan profesionalisme guru yang boleh menaikkan sahsiah guru yang semakin merosot dan bagaimana nilai-nilai murni dapat memperkasakan Yayasan? Kerajaan memang menyediakan pelbagai insentif kepada guru-guru untuk melanjutkan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan mempunyai kriteria tertentu seperti had umur untuk membolehkan bantuan kewangan diberikan kepada guru. Sebagai contoh, permohonan untuk hadir latihan Persekutuan ke peringkat sarjana, guru mestilah berumur lebih 45 tahun. Maafkan saya, guru mesti berumur tidak melebihi 45 tahun. Manakala untuk peringkat kedoktoran had umur yang ditetapkan tidak boleh melebihi 43 tahun. Syarat permohonan tawaran program cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa pula menetapkan syarat umur untuk permohonan peringkat kedoktoran tidak melebihi 44 tahun dan 46 tahun untuk peringkat sarjana.

Sehubungan dengan ini, Yayasan bertujuan untuk membantu membiayai dalam bentuk biasiswa atau bantuan yuran pengajian kepada guru-guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak memenuhi syarat had umur yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bersesuaian dengan dasar kerajaan yang melanjutkan umur persaraan hingga 60 tahun. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan pelbagai latihan dan kursus untuk meningkatkan profesionalisme guru melalui bahagian pendidikan guru dan Institut Aminuddin Baki. Dalam hal ini, Yayasan juga berfungsi untuk membantu kementerian melaksanakan latihan pembangunan profesionalisme yang tidak dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti latihan yang berprofil tinggi secara berterusan, khususnya dalam kalangan guru bukan pentadbir.

Selain daripada itu, Yayasan juga boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam latihan sedia ada seperti pembiayaan kepada penceramah dan kepakaran-kepakaran lain yang diperlukan. Aktiviti peningkatan profesionalisme yang akan disediakan oleh Yayasan ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan sahsiah.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam kemukakan cadangan supaya Yayasan membayar elaun kepada guru yang melaksanakan tuisyen di sekolah dan cadangan menubuhkan pusat jagaan untuk anak-anak guru. Berkenaan dengan cadangan aktiviti-aktiviti bagi menjaga kebajikan guru seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, pihak Yayasan akan mengadakan satu tatacara dalam menentukan bentuk-bentuk bantuan yang akan diberikan kepada guru bagi menjaga kebajikan mereka.

Yang Berhormat Datuk Seri Ali Rustam dan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin bertanya, apakah perincian bantuan untuk anak-anak guru? Yang Berhormat, Yayasan akan mengadakan peraturan dan peruntukan tatacara dalam menentukan bentuk biasiswa dan bantuan yang akan diberikan serta kriteria yang layak untuk dipertimbangkan oleh Yayasan. Walau bagaimanapun keutamaan akan diberi kepada anak-anak guru yang memerlukan bantuan seperti anak-anak guru yang hilang tempat bergantung tetapi tidak mendapat apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed bertanya, berapakah jumlah aset yang dimiliki oleh KWSG? Yang Berhormat, jumlah aset yang dimiliki oleh KWSG dan akan dipindahkan kepada Yayasan terdiri daripada semua aset bersih berjumlah RM254 juta dan wang tunai berjumlah RM49.8 juta. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga tanya, apakah usaha kementerian menaikkan semula imej guru dalam kalangan masyarakat? Dalam gelombang satu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia akan meningkatkan kualiti guru dengan memberi tumpuan kepada usaha memartabatkan profesion guru sebagai guru pilihan menerusi inisiatif piagam guru. Piagam guru bertujuan untuk meningkatkan standard profesionalisme guru dan menambahbaikkan sistem sokongan sedia ada. Aktiviti utama menghasilkan instrumen penilaian bersepadu (*unified instrument*), dengan izin, dan menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme berterusan (PPPP) dan memperkemas laluan kerja guru dan ini didapati dalam anjakan empat di Pelan Pembangunan Pendidikan Guru.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya bersama dengan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamad, perlukah perlu mengemukakan cadangan untuk mengadakan aktivis dari Persatuan Guru untuk menjadi Ahli Lembaga pemegang amanah Yayasan?

■1520

Fasal 10 telah mengambil kira wakil guru dalam keanggotaan Lembaga Pengarah Yayasan. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam keanggotaan lembaga pengarah ini juga merupakan wakil guru. Dalam hal ini, yayasan boleh menetapkan dalam tatacaranya kelak bahawa wakil Pegawai Perkhidmatan Pendidikan boleh juga diambil dari kalangan anggota kesatuan guru yang merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bertanya berapakah jumlah dividen yang diberikan kepada pencarum KWSG dan pada setiap tahun pihak lembaga memutuskan jumlah dividen yang diberikan kepada pencarum berdasarkan prestasi kewangan KWSG.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga tanya, apakah bentuk pelaburan dan siapakah akan menguruskan pelaburan KWSG? Pelaburan yang telah diuruskan oleh KWSG berupa pelaburan yang berisiko rendah dan terbahagi kepada tiga iaitu:

- (i) Pelaburan Hartanah iaitu membeli dan menyewa aset bangunan;
- (ii) Pelaburan Ekuiti iaitu pelaburan yang berkaitan dengan saham syarikat berhad; dan
- (iii) Pelaburan Deposit Simpanan Tetap.

Kesemua pelaburan ini diurus oleh Jawatankuasa Pelaburan KWSG yang terdiri daripada pihak awam dan swasta yang berkepakaran dan berpengalaman dalam bidang pelaburan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu berkata bahawa sehingga bilakah KPM akan menggunakan nama KWSG? Yang Berhormat, penggunaan nama KWSG masih diperlukan memandangkan masih ada pencarum yang belum membuat tuntutan caruman mereka. Keperluan meneruskan penggunaan nama KWSG juga ialah bagi menguruskan liabiliti dan aset KWSG. Hanya setelah kesemua liabiliti dan caruman tersebut selesai, penggunaan nama tersebut akan diberhentikan. Sekiranya berlaku penyalahgunaan ia akan ditadbir di bawah fasal 49(2), dan fasal 49(3).

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman tanya dan memohon lembaga pengarah pengarah dilantik dalam kalangan mereka yang berpengalaman dan pakar dalam bidang pengurusan. Keanggotaan lembaga yang diperuntukkan dalam fasal 10 telah mengambil kira anggota yang berpengalaman dan pakar dalam bidang peruruan.

Ini kerana terdapat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sama ada yang sedang berkhidmat atau telah bersara layak menjadi anggota lembaga pemegang amanah yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop kemukakan cadangan CEO. Yayasan perlu pakar dalam bidang pengurusan dan kewangan. Fasal 19 rang undang-undang ini telah memperuntukkan bahawa CEO yayasan hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal ehwal kewangan. Oleh itu, pemilihan CEO akan dipastikan dalam kalangan individu yang benar-benar berkelayakan dan terbukti mampu melaksanakan tanggungjawabnya sebelum dilantik melalui proses pemilihan yang akan ditentukan kelak.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin memohon biasiswa khas untuk anak-anak guru disediakan oleh yayasan. Yayasan akan mengadakan peraturan dan memperuntukkan tatacara dalam menentukan bentuk biasiswa dan bantuan yang akan diberikan serta kriteria yang layak untuk dipertimbangkan oleh yayasan. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada anak-anak guru yang memerlukan bantuan seperti anak guru yang hilang tempat bergantung tetapi tidak mendapat apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin juga bertanya, apakah peluang yang disediakan oleh yayasan? Yayasan akan memberi manfaat kepada guru, anak-anak guru, dan bidang pendidikan secara keseluruhannya. Antara manfaat kepada guru adalah:

- (i) bantuan yuran pengajian kepada guru yang tidak layak menerima apa-apa bantuan daripada kerajaan disebabkan oleh faktor umur yang melebihi had umur yang ditetapkan;
- (ii) bantuan peralatan sokongan selepas rawatan seperti kerusi roda dan anggota palsu;
- (iii) peluang untuk menjalankan penyelidikan seperti kajian tindakan bagi kepentingan murid; dan
- (iv) sumbangan kepada anak-anak guru dalam bentuk yuran pengajian terutama yang hilang tempat bergantung.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit memohon perkataan seperti "pekerja" atau "agen" yang diulang-ulang dalam rang undang-undang diberi tafsiran yang tepat. Hal ini supaya perkataan tersebut tidak disalah guna semasa prosiding undang-undang nanti. Perkataan "pekerja" atau "agen" tidak perlu ditafsirkan kerana fasal yang digunakan dalam rang undang-undang adalah jelas merujuk kepada pekerja atau agen yayasan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga memohon masukkan perkataan milik kerajaan dalam seksyen 21 (Akaun Bank). Yayasan membuka akaun-akaun dengan institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia di bawah kawalan Bank Negara dan undang-undang Malaysia. Ini kerana yayasan mengambil kira pulangan pelaburan yang ditawarkan oleh institusi kewangan tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga memohon seksyen 35 diselaraskan dengan seksyen 21. Pekerja yayasan yang disebut dalam seksyen 35 merangkumi pekerja lain yang diperuntukkan dalam seksyen 21. Ini kerana pekerja tersebut pekerja Yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul memohon yayasan membantu memanggil guru-guru yang telah bersara untuk bertugas dalam yayasan bagi menjaga kebajikan guru. Yang Berhormat, penglibatan guru yang telah bersara telah diambil kira dalam yayasan seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 10(1F) dan di samping itu, yayasan juga akan melibatkan guru yang telah bersara sebagai anggota jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh yayasan di bawah fasal 17.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul juga mencadangkan bahawa yayasan perlu membantu guru-guru membuat kajian tindakan di sekolah rendah untuk membuat refleksi *best practice*, dengan izin, dalam pengajaran dan pembelajaran.

■1530

Penyelidikan telah menjadi satu budaya dalam kalangan guru-guru di sekolah dan pensyarah-pensyarah di Institusi Pendidikan Guru (IPG). Guru-guru telah menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan dengan menjalankan kajian tindakan bagi mencari pendekatan dan keadaan yang terbaik dan berinovasi bagi memastikan bahan pengajaran dapat disampaikan dengan cara yang mudah dan bersesuaian dengan tahap kebolehan murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya menyediakan peruntukan untuk menjalankan penyelidikan yang disalurkan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Dalam perkara ini yayasan akan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia menjalankan penyelidikan dalam bidang pendidikan melalui pembiayaan geran pendidikan khasnya kepada guru di sekolah dan juga pensyarah di Institut Pendidikan Guru. Ini bertujuan untuk menggalakkan guru dan pensyarah IPG menjalankan penyelidikan bagi membantu meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah, meningkatkan keupayaan guru dan pentadbir sekolah dan meningkat kualiti pensyarah-pensyarah IPG dalam bidang penyelidikan.

Selain daripada itu, pembiayaan geran penyelidikan ini bukan sahaja kepada guru dan pensyarah IPG tetapi juga boleh diberikan kepada pihak-pihak lain yang berminat dan mampu menjalankan penyelidikan yang memberi impak yang besar dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul memohon Kementerian Pendidikan Malaysia melihat semula sekolah daif di negeri Sabah supaya bangunan dan infrastruktur sekolah di bandar dan di luar bandar adalah sama taraf. Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Khas Pembangunan Negeri Sabah telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Ini bertujuan untuk memantau projek pembangunan sekolah di seluruh negeri Sabah dan mencadangkan tindakan ke arah membantu peningkatan pembangunan sekolah di Sabah. Langkah tersebut akan dapat membantu mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul bertanya adakah fungsi yayasan memberi bantuan pendidikan kepada anak-anak guru. Ini sama dengan biasiswa yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan pelbagai bentuk bantuan dan biasiswa kepada murid-murid sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Dasar sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan bantuan kepada murid sekolah seperti Biasiswa Kecil Persekutuan bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti kepada murid Tingkatan 6.

Walau bagaimanapun, bantuan dan biasiswa ini tertakluk kepada syarat-syarat yang sudah ditetapkan seperti pencapaian yang cemerlang dalam pelajaran dan pendapatan ibu bapa. Bantuan yang disediakan oleh KPM ini adalah terbuka kepada semua murid dan bukan hanya untuk anak-anak guru sahaja. Yayasan boleh membantu pendidikan anak-anak guru terutama kepada anak-anak guru yang hilang tempat bergantung akibat kematian ibu bapa mereka atau memerlukan bantuan biasiswa atau yuran pengajian kepada anak-anak guru yang cemerlang tetapi tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 6 rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas juga tanya adakah semua anak guru di semua sekolah yang disebutkan tadi layak menerima bantuan pendidikan yang disediakan oleh yayasan. Anak-anak guru yang layak menerima bantuan pendidikan daripada yayasan adalah rujuk kepada tafsiran anak dan guru yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Oleh itu anak kepada guru di bawah skim pegawai perkhidmatan pendidikan layak mendapat bantuan pendidikan. Walau bagaimanapun, bantuan ini tertakluk kepada keuntungan dan kedudukan kewangan yayasan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kemukakan cadangan untuk memberi kebajikan kepada anak tiri dan anak angkat guru. Yang Berhormat, yayasan yang akan ditubuhkan mempunyai dwi fungsi iaitu kebajikan dan pelaburan. Antara pihak yang terlibat dalam menerima kebajikan selain guru, anak-anak guru termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang seperti mana yang ditafsirkan di Bahagian I rang undang-undang.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kemukakan sokongan untuk panel pelaburan ditubuhkan dan jawapan kepada soalan ini atau cadangan ini sudah dijawab dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar sebut bahawa syarikat yang ditubuhkan oleh yayasan hendaklah memfokuskan kepada perniagaan berkaitan pendidikan. Yayasan dibenarkan untuk menubuhkan syarikat bagi membantu mendapatkan dana memandangkan yayasan tidak diberi dana oleh kerajaan. Dengan itu, syarikat di bawah yayasan hendaklah diberikan kebebasan untuk membuat pelaburan atau perniagaan yang memberikan pulangan yang terbaik dengan risiko yang paling minimum.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mencilah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada yang hendak berucap.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya adakah simpanan aset yang dimiliki oleh KWSG sebanyak RM49.8 juta dipindahkan semua sekali di Yayasan Tun Hussein Onn atau sebahagian, berdikit-dikit, fasa 1, fasa 2, fasa 3, sekali gus atau beruncit-uncit. *Thank you.*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, semua aset daripada KWSG akan dipinda ke yayasan apabila KWSG dibubarkan. Saya teruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi adakah peranan kerajaan dalam membantu dia tidak perlu atau macam mana? Adakah cukup dengan wang KWSG sahaja atau masa akan datang peranan Kementerian Kewangan akan diperlukan. Saya ingat tabung itu besar. Yayasan ini sebuah yayasan yang besar yang membicarakan tentang nasib guru sebanyak 425,000 orang. Saya ingat kalau amaun itu sebanyak RM50 juta lebih kurang tidak mencukupi.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat. Seperti pergi saya menjawab tadi adalah di mana yayasan dibenarkan untuk menubuhkan syarikat bagi membantu mendapat dana.

■1540

Saya rasa ini ada berkaitan dengan pengurusan pelaburan oleh yayasan. Saya ada kepercayaan bahawa apabila yayasan akan melantik Ketua Pengarah Eksekutif yang berpengalaman dalam pengurusan pelaburan saya ada kepercayaan bahawa yayasan akan berjaya untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang dicadangkan. Saya teruskan dengan jawapan. Adalah tidak...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah? Kita dapati ada risiko di mana-mana pelaburan. Jadi adakah ada apa-apa langkah oleh kerajaan untuk memastikan yayasan ini berjaya yang tidak seperti banyak dana yang gagal. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, saya akan jawab soalan ini kerana ini merupakan satu soalan yang dikemukakan. Apabila tiba masa untuk saya jawab inilah dia punya jawapan, okey. Jadi saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, teruskan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah tidak mustahil sekiranya satu daripada pelan pelaburan atau perniagaan yayasan termasuk perniagaan berkaitan pendidikan. Akan tetapi, lembaga pemegang amanah hendaklah memastikan hala tuju dan objektif yayasan tercapai dengan membuat tatacara perniagaan dan pelaburannya sendiri. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar memohon kerajaan mengawal aktiviti yayasan.

Yang Berhormat, yayasan adalah sebuah agensi yang akan ditetapkan di bawah Kementerian Pendidikan. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan akan menjadi pengerusi pada Lembaga Pemegang Amanah Yayasan. Oleh itu dalam konteks pelaksanaan fungsinya, kerajaan dapat mengawal aktiviti yayasan seperti mana yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar juga sebut tentang pinjaman yang diberikan tanpa faedah dan perlu ditukar kepada biasiswa jika pelajar memperoleh keputusan cemerlang. Yang Berhormat semua bentuk bantuan yang akan diberi akan ditentukan oleh yayasan berdasarkan tatacara yang akan ditetapkan nanti. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar ada menyebut bahawa audit kewangan yayasan bukan dibuat setahun sekali tetapi perlu dilaksanakan empat kali setahun dan laporan tahunan perlu dibentangkan di Parlimen.

Fasal 33, rang undang-undang mencadangkan bahawa perkara berkaitan akaun dan laporan tahunan menggunakan tatacara Akta Badan Berkanun Akaun dan Laporan Tahunan 1980 [Akta 240] dan laporan juruaudit bagi akaun dan pembelajaran yayasan juga mewajibkan salinan laporan juruaudit dan penyata akaun dibentangkan di hadapan kedua-dua majlis Parlimen. Audit dalaman...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih sebab audit akan dibuat sebanyak empat kali setahun. Tetapi saya hendak tanya, syor saya iaitu untuk membentuk dua audit. Satu dalaman ada empat kali audit, satu lagi luaran, yang luar empat kali juga. Adakah audit itu seperti yang saya syorkan atau satu audit dalaman sahaja? Itu yang saya hendak tahu.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Audit dalaman boleh dibuat oleh yayasan di bawah seliaan Lembaga Pemegang Amanah mengikut tatacara yang ditentukan oleh lembaga setelah ditubuhkan. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang berkaitan dengan Majlis Profesor turut diambil...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya fikir tidak menjawab soalan saya. Saya tanya audit luaran adakah dibuat atau cukup dengan audit dalaman sahaja. Audit biasanya *listing company* dia ada dua. Satu dalaman, satu lagi luaran. Yang Berhormat jawab hanya audit-audit tetapi tidak sebut luaran. Saya hendak tahu audit luaran itu dibuatkah atau tidak buat?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat saya rasa untuk mengadakan triangulasi dan untuk mengekalkan kredibiliti pengurusan kewangan atau pengurusan pelaburan di yayasan memang ada audit dalaman dan audit luaran.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang berkaitan dengan satu cadangan untuk Majlis Profesor turut diambil kira sebagai anggota lembaga. Jadi isu ini saya sudah jawab dan ini adalah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed tadi.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, mengemukakan bahawa lebih ramai guru sedang berkhidmat dan guru bersara menganggotai lembaga yayasan. Yang Berhormat, bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini sebagai anggota lembaga pemegang amanah bilangan yang mencukupi untuk mewakili guru. Di samping itu, Ketua Setiausaha Kementerian sebagai pengerusi memainkan peranan dalam menjaga kepentingan guru selaras dengan fungsi yayasan.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertanya setakat mana yayasan akan menggabungkan entiti KWSG dan Yayasan Guru Berhad. Yayasan ditubuhkan bagi menggantikan KWSG yang akan dibubarkan. Pembubaran KWSG adalah kerana tujuan asalnya sebagai Tabung Persaraan Guru (UTS) telah mencapai matlamat penubuhan apabila pencarum terakhir layak mengeluarkan caruman berserta dividen pada tahun 2007. Penubuhan yayasan ini adalah bagi membolehkan dana KWSG yang terkumpul hasil daripada keuntungan pelaburan daripada wang caruman guru dapat dimanfaatkan dan dikembalikan semula kepada guru.

Yayasan merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, manakala Yayasan Guru Malaysia Berhad merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Yayasan Guru Tun Hussein Onn bukan sahaja berfungsi untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia menjaga kebajikan guru, tetapi juga membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjalankan penyelidikan berkaitan pendidikan dan juga membantu pendidikan anak-anak guru. Fungsi Yayasan Guru Tun Hussein Onn akan memberi manfaat kepada bidang pendidikan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki ada sebut yang berkaitan dengan Bahagian III, rang undang-undang, apakah kita hanya bergantung pada piawaian antarabangsa bagi menentukan kualiti pendidikan negara? Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai instrumen piawaian sendiri berdasarkan...

■1550

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyakkah dana daripada KWSG yang akan ditempatkan ke Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, soalan adalah kenapa begitu banyak... *[Disampuk]* Oh! Berapa banyakkah? Saya rasa tadi saya sudah jawab soalan itu yang mana saya beritahu daripada segi aset dan daripada segi...

Timbalan Yang di-Pertua: Kurang lebih daripada 40...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: RM49.8 juta.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya akan teruskan dengan jawapan. Ini adalah berkaitan dengan piawaian antarabangsa bagi menentukan kualiti pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai instrumen piawaian sendiri berdasarkan kepada Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Tujuan Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan piawaian antarabangsa adalah untuk memastikan kualiti pendidikan negara adalah setanding dan setaraf dengan kualiti pendidikan antarabangsa.

Ini juga sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia. Inisiatif piagam guru di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia juga telah menggariskan peningkatan standard profesional guru dan menambah baik sistem sokongan sedia ada.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [*Bangun*]

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani binti Abdullah mengemukakan cadangan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya semalam dalam hujahan saya bangkitkan isu sama ada dalam merangka piawaian itu mengambil kira aspek paling dasar dalam sistem pendidikan ialah konteks Falsafah Pendidikan Negara. Apakah itu sudah diambil kira atau tidak?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Memang apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dirancang dan sekarang sedang dilaksanakan, Falsafah Pendidikan Negara memang diambil kira. Kalau kita rujuk kepada kelima-lima aspirasi yang berkaitan dengan pelajar, memang ada sentuh tentang hasrat untuk melahirkan pelajar yang seimbang daripada segi jasmani, rohani, emosi, intelek dan sekarang kita tambah satu unsur lagi yang berkaitan dengan sosial.

Apabila kita melaksanakan Penilaian Berasaskan Sekolah untuk Tingkatan 1 dan di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah, memang ini ada berkaitan dengan melahirkan pelajar yang seimbang. Ini kerana berdasarkan input-input yang disampaikan oleh ibu bapa dan ahli komuniti apabila suatu kajian dijalankan sebelum Pelan Pembangunan Pendidikan dirancang dan dilaksanakan, sudah dikesan daripada ibu bapa bahawa sistem penilaian adalah sangat *exam-oriented*, dengan izin.

Berdasarkan input itu, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk memperkenalkan satu sistem penilaian yang tidak begitu berpusatkan peperiksaan. Ini ada berkaitan dengan cara bagaimana kita menilai pelajar bukan hanya dalam *summative* yang mana pelajar akan mengambil peperiksaan *at the end of the year*, dengan izin, pada akhir tahun tetapi sekarang kita menilai pelajar atau menaksir perkembangan pelajar secara *performative*. Jadi, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. bahawa memang Falsafah Pendidikan Negara diambil kira apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dirancang dan sedang dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanya adakah Yayasan mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan. Yang Berhormat Senator bidang pelaburan bukanlah merupakan aktiviti baharu kepada Yayasan memandangkan ia merupakan salah satu aktiviti untuk menjana dana KWSG sebelum ini. Sehubungan dengan itu, rang undang-undang ini telah memperuntukkan kuasa kepada Yayasan untuk menubuhkan syarikat yang bertujuan untuk mengendalikan dan menguruskan aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan kepada Yayasan seperti pelaburan. Untuk tujuan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik untuk menerajui Yayasan akan dilantik dalam kalangan individu yang mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang kewangan atau pelaburan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanya juga bagaimana Yayasan dapat memastikan pelaburan yang dibuat dapat memberikan pulangan modal kepada Yayasan. Pelaburan merupakan salah satu aktiviti untuk menjana dana KWSG. Penubuhan anak syarikat Yayasan adalah bertujuan mengendalikan dan menguruskan pelaburan yang sedia ada. Pada masa ini, terdapat sebuah jawatankuasa pelaburan yang dilantik oleh lembaga yang bermesyuarat dua kali sebulan bertujuan menguruskan hal-hal pelaburan KWSG.

Antara jenis pelaburan yang dikendalikan oleh KWSG ialah pelaburan hartanah, saham syarikat awam dan instrumen pasaran wang atau simpanan tetap. Oleh itu, Yayasan juga akan meneruskan modus operandi seperti yang dilaksanakan oleh KWSG kerana ia telah berjaya membawa pulangan modal yang membanggakan. Selain itu, bagi memastikan pengurusan dan pelaburan Yayasan dapat diurus dengan baik, Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik perlu mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang kewangan atau pelaburan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanya bagaimanakah yayasan akan mencari dana untuk menguruskan Yayasan tersebut dan melaksanakan fungsi seperti yang telah dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Yang Berhormat Senator, pelaburan merupakan salah satu aktiviti yang menjana dana KWSG. Sehubungan dengan itu, yayasan akan meneruskan aktiviti pelaburan yang telah dijalankan oleh KWSG dan hasil keuntungan dalam pelaburan ini akan disalurkan untuk melaksanakan fungsi yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat mengemukakan cadangan bahawa pelantikan lembaga mesti telus dan kompeten dalam pentadbiran dan pengurusan Yayasan serta mesti ada wakil wanita dalam lembaga. Yang Berhormat Senator, pelantikan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan adalah berdasarkan kepakaran bagi melaksanakan fungsi yayasan.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah bertanya adakah Yayasan ini dibuka untuk guru sekolah swasta atau sekolah antarabangsa atau hanya guru sekolah kerajaan sahaja. Yang Berhormat Senator, guru yang mendapat faedah daripada Yayasan ialah guru daripada Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah bertanya apakah jangkaan pulangan pelaburan yang dilakukan. Yang Berhormat Senator, Yayasan akan meneruskan pelaburan sedia ada yang dilakukan oleh KWSG iaitu pelaburan dalam bidang hartanah, saham syarikat awam dan simpanan tetap. Yayasan akan membuat pelaburan yang berisiko rendah tetapi akan memberi pulangan yang baik kepada yayasan.

■1600

Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah bertanya, berapakah jumlah wang yang dituntut pencarum dan adakah waris masih ada masa untuk membuat tuntutan. Waris pencarum masih boleh membuat tuntutan di KWSG sehingga ia dibubarkan. Sekiranya tuntutan dibuat selepas pembubaran, waris masih boleh membuat tuntutan kepada Yayasan memandangkan semua rekod pencarum akan dibawa ke yayasan.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanya atau kemukakan satu cadangan bahawa perlu diberi bantuan guaman kepada guru yang disaman oleh ibu bapa. Jadi, guru-guru yang disaman oleh ibu bapa semasa melaksanakan tugas rasmi akan diwakili oleh pihak kerajaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad mengemukakan cadangan guru diberi bantuan kewangan untuk membuat kajian bagi mencari strategi yang sesuai bagi meningkatkan pencapaian murid dan soalan yang berkaitan dengan bentuk bantuan yang boleh dipohon oleh guru atau sekolah untuk membuat kajian. Yang Berhormat, antara fungsi yayasan adalah membantu mana-mana pihak menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara dan pemberian geran penyelidikan kepada mana-mana pihak yang berminat adalah tertakluk kepada tatacara yang akan ditetapkan oleh yayasan.

Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanya, berapakah nilai semasa bangunan KWSG? Yang Berhormat, nilai semasa bangunan KWSG ialah RM62 juta.

Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman mengemukakan satu cadangan untuk menubuhkan bank data untuk mengesan pencaruman KWSG. Yang Berhormat, kesemua rekod pencarum disimpan di KWSG dalam Sistem Penyimpanan Rekod Pencarum. Rekod pencarum ini akan dibawa ke yayasan bagi membolehkan pencarum atau waris membuat tuntutan selepas penubuhan yayasan.

Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanya bagaimanakah KWSG akan dibubarkan, Akta 550 memerlukan kuasa Yang di-Pertuan Agong. Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan seksyen 153 Akta Pendidikan 1996, KWSG akan dibubarkan melalui perintah penggulangan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Kewangan. Penggulangan KWSG akan dibuat serentak dengan penubuhan Yayasan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah bertanya adakah wang yang tidak dituntut boleh dituntut dan dimasukkan semula ke dalam dana Yayasan. Yang Berhormat, wang pencarum yang tidak dituntut akan dihantar ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut. Wang ini tidak akan dipindahkan semula ke yayasan kerana ia hak pencarum dan mereka boleh membuat tuntutan pada bila-bila masa kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah bertanya adakah yayasan memberi tumpuan kepada pembangunan bahasa kebangsaan. Yang Berhormat, fungsi yayasan ditubuhkan bukanlah bertujuan untuk mengambil alih peranan Kementerian Pendidikan, tetapi hanya sebagai badan yang melengkapkan dalam usaha untuk membantu kementerian menjaga kebajikan guru seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg membangkitkan berkaitan dengan yayasan dapat bantu perancangan KPM dan PIBG meningkatkan pendidikan secara holistik terutamanya menanam semangat patriotik. Isu ini sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu dan telah dijawab.

Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah juga memohon ahli lembaga pengarah disemak dengan teliti. Saya rasa ini juga sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan ini sudah dijawab.

Yang Berhormat Datuk Lihan Jok, pengurusan dan pelaburan mesti mengikut perkembangan semasa. Contohnya, ada kad ahli dan ahli boleh akses maklumat Yayasan dengan mudah. Isu ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan sudah dijawab.

Yang Berhormat Datuk Lihan Jok kemukakan satu cadangan untuk mengadakan ahli kesatuan guru dan wakil dari Sabah dan Sarawak. Isu ini juga sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dan sudah dijawab.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, sama ada kerajaan perlu memberi dana kepada yayasan masa hadapan. Jawapannya Yayasan boleh menerima sumbangan dana atau derma dari mana-mana pihak atau kerajaan mengikut fasal 6(2)(b). Sekiranya kerajaan mencadangkan untuk memberikan dana, fasal 6(2)(b) dengan izin, tersebut memberikan kuasa kepada yayasan untuk menerima dana kerajaan tersebut.

Yang Berhormat, sebagai satu kesimpulan, saya hendak sekali lagi memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yayasan Guru Tun Hussein Onn bukan mengambil alih Kementerian Pendidikan Malaysia.

Akan tetapi ia memainkan satu peranan secara *complementary*, dengan izin, untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan pembangunan profesion guru, menjaga kebajikan guru dan kebajikan anak-anak guru.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja saya dapat jelaskan berkaitan isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbincangan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, Kementerian Pendidikan Malaysia akan ambil maklum dan memberi perhatian terhadap isu berkenaan. Sekian, terima kasih. Salam hormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 49** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1610

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (PINDAAN) 2013

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Menteri menghuraikan, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Sila kemukakan nama-nama Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam rang undang-undang ini dan seterusnya kerana kita dapati tidak berapa ramai hendak berbahas. Sila kemukakan nama secepat mungkin. Kalau tidak, saya ambil seolah-olah inilah yang akan berbahas. Sekarang, saya silakan Yang Berhormat Menteri.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013 untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 [Akta A1208] dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius permasalahan yang dikaitkan dengan kegiatan jenayah dan ketirisan hasil yang sekiranya tidak dibendung boleh mengancam kestabilan ekonomi dan kesejahteraan negara. Kegiatan jenayah yang berleluasa akan menyebabkan negara terpaksa membelanjakan wang, masa dan tenaga kerja yang banyak. Bukan sahaja bagi membendung kegiatan jenayah tersebut tetapi juga bagi menangani kesan-kesan daripada perbuatan jenayah ke atas kesejahteraan masyarakat dan ekonomi.

Secara dasarnya, kerangka kerja perundangan yang kukuh dan komprehensif yang merangkumi pelbagai kesalahan berkaitan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan perlu disediakan dengan peruntukan hukuman yang setimpal dan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan bagi mewujudkan suatu persekitaran yang mencegah kegiatan jenayah yang menyumbang kepada aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini akan menyokong kerangka perundangan yang diperlukan di dalam membanteras jenayah secara keseluruhannya di samping memperkukuh keselamatan dan kesejahteraan ekonomi negara. Sehubungan itu, pembentangan rang undang-undang ini dan pindaan Akta 613 dan Akta A1208, akan memanfaatkan negara dalam empat perkara utama:

- (i) mengurangkan jumlah keseluruhan kadar jenayah dalam negara. Memandangkan hampir keseluruhan aktiviti jenayah adalah bermotifkan dan melibatkan wang, pambanteras jenayah dengan menyekat perolehan hasil dari kegiatan jenayah serta akses kepada sistem kewangan adalah satu aspek penguatkuasaan yang sangat penting bagi mengurangkan ancaman jenayah di Malaysia;
- (ii) memperkukuh ekonomi negara dengan meningkatkan integriti serta keyakinan orang ramai dan pelabur terhadap sistem perniagaan dan kewangan Malaysia dengan mengekang risiko dan ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dalam sektor perniagaan dan kewangan;
- (iii) meningkatkan sumber pendapatan negara dan mengurangkan ketirisan hasil melalui penguatkuasaan undang-undang percukaian, duti dan eksais bersama-sama dengan penguatkuasaan Akta 613 untuk mencapai hasil penguatkuasaan yang lebih berkesan; dan
- (iv) memperkukuh reputasi Malaysia sebagai negara yang komited dan serius dalam menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan melalui penguatkuasaan yang lebih berkesan, selaras dengan kehendak dan piawaian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai lima objektif yang berikut:

- (i) untuk menyatakan peruntukan yang lebih jelas mengenai tanggungjawab pelaporan bagi institusi pelapor dalam memastikan langkah-langkah pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;

- (ii) memperkukuh langkah-langkah penguatkuasaan berkaitan dengan pengisytiharan wang tunai dan instrumen boleh niaga pembawa atau, dengan izin, *bearer negotiable instruments* (BNI) merentas sempadan;
- (iii) memperluas skop penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan terhadap kes-kes pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan bagi membolehkan penyiasatan dan penguatkuasaan dijalankan secara menyeluruh dan komprehensif;
- (iv) memperkukuh kuasa penyiasatan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi membolehkan penyiasatan dijalankan dengan lebih berkesan serta memastikan proses tadbir urus yang lebih telus berhubung dengan pembekuan, penyitaan dan pelucutan hak aset yang sedang disiasat; dan
- (v) membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan bersifat mencegah melalui hukuman dan penalti yang lebih berat.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 78 fasal untuk membolehkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Peruntukan-peruntukan *significant* dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut.

Fasal 1 - mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 - bertujuan untuk meminda tajuk panjang pada Akta 613 untuk meluaskan ruang lingkup Akta 613 untuk memperkatakan hasil daripada aktiviti haram dan peralatan kesalahan sebagai tambahan kepada harta yang terlibat dalam atau yang diperoleh daripada kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta hak pegganas. Sehubungan itu tajuk ringkas Akta 613 dalam subseksyen 1(1) [Akta 613] akan dipinda oleh fasal 3.

Fasal 5 - bertujuan untuk menggantikan seksyen 4, Akta 613.

Seksyen 4 yang baru bertujuan untuk mengadakan suatu peruntukan yang menyeluruh mengenai kesalahan pengubahan wang haram yang memasukkan elemen kesalahan itu yang pada masa ini diperuntukkan dalam takrif ungkapan pengubahan wang haram di dalam subseksyen 3(1), Akta 613. Penalti bagi kesalahan pengubahan wang haram juga telah ditambah.

Fasal 6 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 613. Seksyen 4A bertujuan untuk memperkatakan kesalahan menstrukturkan atau mengubah transaksi untuk mengelak kehendak pelaporan di bawah seksyen 14, Akta 613.

Fasal 11 - bertujuan untuk meminda seksyen 10, Akta 613 untuk memperjelas bahawa Menteri yang diberi kuasa untuk bertindak di bawah seksyen itu ialah Menteri Kewangan. Fasal itu juga bertujuan untuk memberi pihak berkuasa berwibawa, kuasa untuk berkongsi maklumat yang diterima olehnya atau yang dizahirkan kepadanya dengan pihak berkuasa yang bersamaan sesuatu negara asing.

Fasal 13 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Akta 613.

Seksyen 12A bertujuan untuk memberi Menteri Kewangan kuasa atas syor pihak berkuasa berwibawa melalui perintah yang disiarkan dalam warta untuk menetapkan mana-mana orang tambahan yang menjalankan perniagaan kewangan yang dikawal selia atau diawas oleh atau yang tertakluk kepada pengawasan sesuatu pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan menurut undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu sebagai institusi kewangan bagi maksud takrif institusi kewangan di bawah subseksyen 3(1), Akta 613.

Fasal 14 - bertujuan untuk menggantikan seksyen 14, Akta 613.

Seksyen baru 14 bertujuan untuk memperjelas perkara yang suatu institusi pelapor mesti segera melaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa;

Fasal 15 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 14A ke dalam Akta 613.

Seksyen 14A bertujuan untuk melarang penzahiran laporan dan maklumat yang berkaitan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa berwibawa. Walau bagaimanapun, kecualian tertentu dinyatakan iaitu jika penzahiran itu dikehendaki bagi melaksanakan kewajipan atau perjalanan fungsi di bawah Akta 613. Bagi maksud membolehkan pengurusan risiko oleh badan perbadanan berkaitan institusi pelapor itu kepada pihak berkuasa pengawasan institusi pelapor itu dan jika selainnya dibenarkan dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa berwibawa.

Fasal 16 - bertujuan untuk menggantikan seksyen 16, Akta 613.

Seksyen baru 16 bertujuan untuk menentukan perkara yang hendaklah diuruskan dalam menjalankan usaha wajar pelanggan, dengan izin ,*customer due diligence*.

Fasal 17 - bertujuan untuk meminda seksyen 17, Akta 613 untuk memperjelas obligasi untuk menyimpan rekod.

Sehubungan itu, seksyen 28 yang memperkatakan mengenai pemusnahan rekod pemeriksaan akan dipotong oleh fasal 25.

Fasal 18 - bertujuan untuk menggantikan seksyen 18, Akta 613.

Seksyen baru 18 bertujuan untuk memperkatakan penggunaan nama rekaan palsu atau tidak betul dalam membuka akaun dan menjalankan apa-apa hubungan perniagaan, transaksi atau aktiviti dengan sesuatu institusi perbankan atau institusi pelapor.

Fasal 26 - bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IVA, seksyen 28A hingga 28L ke dalam Akta 613. Bahagian IVA bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengawas pindahan rentas sempadan wang tunai dan instrumen boleh niaga seperti cek atau *travelers' check*, pembawa untuk mengesan dan membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Fasal 27 - bertujuan untuk meminda seksyen 29, Akta 613 untuk meluaskan kuasa penyiasatan di bawah Akta 613 kepada kesalahan membiayai keganasan serta kesalahan di bawah seksyen baru 4A dan Bahagian baru IVA.

Fasal 38, 40, 44, 45, 48, 49, 50, dan 53 - bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 44, 45, 50, 51, 53, 55, 56 dan 59 [Akta 613]. Akta 613 ini ialah akta yang lama yang kita hendak pinda pada hari ini. Pindaan yang dicadangkan itu bertujuan untuk meluaskan kuasa untuk membekukan, menyita, dan melucut hakkan harta dan kuasa sampingan lain kepada harta yang dengan semunasabahnya disyaki ialah hasil daripada aktiviti haram dan peralatan kesalahan.

Fasal 39 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 44A ke dalam Akta 613 untuk membolehkan agensi penguat kuasa mengubah atau membatalkan sesuatu perintah pembekuan harta.

Fasal 43 - bertujuan untuk meminda seksyen 49, Akta 613 untuk memasukkan subseksyen baru (1A) untuk memberi pendakwa raya kuasa untuk menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat yang pada pendapat pendakwa raya adalah berguna bagi atau berkaitan dengan sesuatu penyiasatan di bawah akta ini.

Fasal 47 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 52A ke dalam Akta 613.

Seksyen 52A bertujuan untuk memperjelas bahawa sesuatu perintah penyitaan yang dibuat di bawah Akta 613 terhenti berkuat kuasa selepas tamat tempoh 12 bulan daripada tarikh perintah penyitaan itu atau jika terdapat sesuatu perintah pembekuan sebelum itu, 12 bulan dari tarikh perintah pembekuan itu, jika orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tidak dipertuduh dengan satu kesalahan di bawah Akta 613.

Fasal 51 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 56A ke dalam Akta 613.

Seksyen 56A bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pelepasan seseorang daripada suatu kesalahan berat atau suatu kesalahan berat asing tidak menjejaskan kuasa mahkamah untuk mengeluarkan suatu perintah pelucut hakkan harta.

Fasal 54 - bertujuan untuk meminda seksyen 60, Akta 613 untuk memperuntukkan bahawa pelepasan harta yang disita adalah dengan persetujuan pendakwa raya dan harta itu hendaklah dilepaskan kepada orang yang ditentukan berhak di sisi undang-undang kepada harta itu oleh pendakwa raya.

Fasal 57 - bertujuan untuk meminda perenggan 63(2)(b), Akta 613 untuk memperjelaskan lagi hal keadaan yang di dalamnya seseorang hendaklah disifatkan sebagai telah melarikan diri berkaitan dengan suatu kesalahan berat untuk membolehkannya dianggap seolah-olah dia telah disabitkan atas suatu kesalahan berat di bawah subseksyen 63(1), Akta 613.

Fasal 60 - bertujuan untuk meminda subseksyen 66C(2), Akta 613 untuk membolehkan entiti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai penganas dikenal pasti melalui rujukan pada senarai disatukan (Senarai 1267) yang dikeluarkan dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa yang ditubuhkan menurut Resolusi 1267, tahun 1999 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan Al-Qaeda dan Taliban, dan individu dan entiti bersekutu secara amnya dikenali sebagai Jawatankuasa 1267 dan yang tersedia menerusi laman web rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

■1630

Fasal 65 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 75A ke dalam Akta 613 untuk mengadakan peruntukan bagi penggantungan prosiding jika terhadap keperluan untuk memperoleh keterangan daripada sesuatu negara asing.

Fasal 74 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 76A ke dalam Akta 613 untuk mengadakan peruntukan bagi percubaan persubahatan dan komplot jenayah sementara.

Fasal 76 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 91A ke dalam Akta 613 untuk memperkatakan mengenai pembutiran pertuduhan.

Fasal 77 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah apabila akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Pindaan tertentu dalam Akta 613 juga bertujuan untuk menambah penalti bagi kesalahan yang berkaitan. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta 613 (AMLATFA) memperuntukkan *check and balance*, dengan izin, dalam pelaksanaan akta ini. Sebagai contoh, sebarang tindakan penyitaan ke atas harta mana-mana orang yang disiasat memerlukan persetujuan Jabatan Peguam Negara sebelum ia boleh dilaksanakan.

Rang undang-undang yang dicadangkan akan memperkukuhkan lagi peruntukan-peruntukan yang memberi *check and balance*, dengan izin, ke atas tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti SPRM, PDRM, KDRM, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara. Sebagai contoh, fasal 38 yang meminda seksyen 44, Akta 613 mensyaratkan bahawa agensi penguat kuasa mesti memulakan sesuatu siasatan ke atas aktiviti haram yang dijalankan oleh orang yang berkenaan dan mempunyai alasan yang munasabah bahawa terdapatnya kesalahan penggubahan wang haram atau pembiayaan keganasan sebelum tindakan pembekuan harta di bawah Akta 613 boleh diambil.

Pindaan ini dibuat bagi menambah baik tadbir urus berkenaan dengan penggunaan kuasa-kuasa di bawah Akta 613 bagi membekukan harta-harta orang yang disiasat. Bagi memastikan *check and balance*, dengan izin, dilaksanakan dengan baik, suatu tatacara pengendalian piawai atau *standard operating procedures*, (SOP) dengan izin, juga telah disediakan bagi memastikan keseragaman dan ketelusan dalam tindakan yang diambil oleh agensi-agensi penguat kuasa di dalam membeku dan menyita aset di institusi kewangan. SOP ini akan memastikan tahap tadbir urus dan profesionalisme yang sewajarnya di kalangan agensi-agensi penguat kuasa. Pelaksanaan SOP ini akan melengkapkan lagi SOP sedia ada di agensi-agensi penguat kuasa yang terlibat. Di bawah SOP ini pegawai penyiasat perlu merujuk pada Jabatan Peguam Negara sebelum tindakan pembekuan harta diambil dan memberi senarai harta yang akan dibekukan kepada Jabatan Peguam Negara. Sekiranya perlu, Jabatan Peguam Negara juga boleh menetapkan kriteria dan prinsip berkaitan dengan rujukan yang perlu dibuat sebelum tindakan pembekuan harta diambil.

Berhubung dengan keperluan hidup orang yang disiasat, peruntukan yang sedia ada di bawah seksyen 44, Akta 613 membenarkan sejumlah wang dilepaskan bagi tujuan kos sara hidup orang yang disiasat itu dan bayaran-bayaran lain yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini melalui fasal 39 yang memasukkan peruntukan baru seksyen 44A memperjelaskan lagi berkenaan dengan siapa yang mempunyai kuasa untuk membenarkan sebahagian daripada jumlah wang tersebut dilepaskan untuk tujuan kos sara hidup dan bayaran-bayaran lain yang dibenarkan. Daripada segi pelaksanaan, SOP yang diadakan juga memperuntukkan jangka masa maksimum satu minggu bagi agensi penguat kuasa untuk menimbang dan membuat keputusan sekiranya terdapat permohonan oleh orang yang disiasat untuk menambah jumlah wang bagi kos sara hidup mereka dan bayaran lain yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi. Malaysia akan melalui proses penilaian bersama oleh sebuah badan serantau yang diiktiraf iaitu *Asia Pacific Group on Money Laundering* (APG) bagi menilai tahap pematuhan negara dan keberkesanan pelaksanaan langkah pencegahan penggubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan, berdasarkan kepada piawaian yang dikeluarkan oleh satu badan antarabangsa. Badan itu dinamakan sebagai *Financial Action Task Force* (FATF). Piawaian FATF digunakan serta diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa dan tahap pematuhan yang baik serta pelaksanaan yang berkesan akan memberi impak dan persepsi positif kepada persekitaran perniagaan dan pelaburan serta sektor kewangan negara.

Memandangkan tahap pematuhan Malaysia kepada piawaian FATF akan dinilai pada tahun ini, keperluan Malaysia untuk meminda rang undang-undang ini dengan kadar segera adalah penting dan kritikal. Sekiranya rang undang-undang ini tidak dibentangkan dan dikuatkuasakan sebelum kehadiran panel penilai, Malaysia akan diberi penarafan yang tidak memuaskan. Laporan penilaian yang tidak memuaskan akan memberi kesan negatif kepada reputasi negara dan sektor ekonomi serta kewangan.

Ini juga akan menyukarkan negara untuk menarik pelaburan dari luar negara serta meningkatkan kos bagi sektor korporat dan perniagaan untuk beroperasi di dalam dan luar negara Malaysia.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan menyumbang ke arah usaha membanteras jenayah secara lebih berkesan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan sektor kewangan yang berintegriti di samping meningkatkan tahap pematuhan Malaysia kepada standard antarabangsa. Ini secara langsung dan tidak langsung akan menyokong agenda transformasi ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2013 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas.

Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong.

4.38 ptg.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013. Saya menyokong pindaan ini yang bertujuan mengadakan peruntukan bagi mengawasi pemindahan rentas sempadan wang tunai dan instrumen boleh niaga oleh pembawa.

Tuan Yang di-Pertua, pada Februari 2012 melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan inisiatif baru membanteras rasuah bagi mengawal pembiayaan politik, menyiasat penyalahgunaan dana di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara- antirasuah. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pembiayaan politik pada peringkat pusat mahupun negeri perlu disalurkan terus ke akaun parti bagi meningkatkan ketelusan dan keyakinan rakyat terhadap pertubuhan politik. Sabah berdepan masalah mewujudkan badan pemantau dana politik berikutan kurangnya kerjasama parti-parti politik pihak Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pencegah rasuah kini mencadangkan untuk mengkaji keperluan untuk mewujudkan satu akta baru untuk tujuan itu. Badan itu berpendapat peruntukan undang-undang perlulah untuk mewajibkan parti-parti politik mengisytiharkan sumber dana politik masing-masing agar ketelusan dapat diwujudkan.

■1640

Saya difahamkan, mewujudkan kawalan ke atas dana politik merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP). Ini kerana kerajaan melihat rasuah satu kesalahan yang berat. Pandangan ini menjelaskan bahawa kerajaan kita benar-benar komited dalam mentransformasikan pentadbirannya dan seterusnya membolehkan persepsi rakyat Malaysia khususnya dan dunia amnya terhadap kemelut politik negara. Pada khidmat saya, pemantauan ke atas dana politik amat penting untuk menutup segala ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah. Oleh itu setiap dana yang disalurkan kepada parti-parti politik perlu diaudit dan dikuatkan bagi menunjukkan ketelusan parti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan badan pemantau dana politik bukanlah satu perkara baru. Perkara ini telah dilaksanakan di luar negara seperti di Amerika Syarikat dan Perancis. Negara ini meletakkan peraturan bahawa setiap sumbangan politik yang disalurkan perlu direkodkan.

Laporan Kajian Barometer Rasuah peringkat nasional dilakukan oleh *Transparency International Malaysia* pada bulan lalu menunjukkan parti politik menduduki tempat pertama dalam senarai institusi yang paling banyak mengamalkan rasuah pada peringkat global.

Kajian rambang ini mendapati daripada 2,000 orang rakyat Malaysia yang menjadikan responden, 45 peratus daripada mereka berpendapat parti politik mengamalkan rasuah yang paling tinggi, diikuti oleh polis 42 peratus. Oleh itu pendaftar pertubuhan perlulah menggubal garis panduan baru mengenai prosedur sumbangan politik dari luar dan dalam negeri sebagaimana yang disyorkan dalam laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Antara syor yang dikemukakan ialah semua sumbangan politik hendaklah dibuat atas nama parti bukannya nama individu. Semua sumbangan politik hendaklah di rekod dan dikeluarkan oleh si penerima dan akaun parti hendaklah perlu diaudit. Oleh itu kerajaan perlu menyekat dana politik dari negara asing yang disalurkan kepada parti politik negara ini bagi mengelakkan berlaku campur tangan asing sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam arena politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin bertanya kepada Menteri Kewangan sepanjang tiga tahun yang lalu, adakah terdapat sebarang bukti berlaku pemilihan dana kepada kumpulan pengganas melalui sistem perbankan Malaysia? Berapakah jumlah amaun hasil aktiviti permohonan haram di Malaysia yang disiasat pihak berkuasa sepanjang tiga tahun ini? Ini kerana baru-baru ini ada laporan akhbar mengatakan ada individu yang disyaki terlibat dengan pergerakan Al-Qaeda memindahkan dan ada dari Malaysia kepada kumpulan-kumpulan pengganas. Saya meminta supaya Bank Negara meneruskan langkah berjaga-jaga dan melakukan pengawasan yang ketat terhadap aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganasan kerana aktiviti sedemikian boleh mengancam keselamatan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat jika kita memerlukan satu undang-undang atau akta berkaitan dengan kawalan kemasukan dana asing yang memberikan pertubuhan bukan NGO, undang-undang ini wajar mewujudkan bagi memastikan objektif pembiayaan selari dengan aspirasi negara. Segala aktiviti yang dibiayai dana asing perlu diteliti supaya selari dengan keperluan negara dan masyarakat. Kita bimbang aktiviti yang diadakan oleh NGO yang dibiayai oleh dana asing itu terlalu mengikut pandangan barat yang sangat liberal serta menuntut hak dan kesamarataan mengikut konteks dana kehendak mereka.

Oleh itu satu peraturan perlu di wujud supaya semua NGO perlu mengisytiharkan dana asing yang diterima kepada pendaftar pertubuhan akta tersebut dapat membantu menjamin kestabilan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua akta atau undang-undang yang dibuat tidak akan berfungsi sekiranya pelaksanaan dan tindakan tegas tidak diambil. Kita perlu memastikan akta yang ada dilaksanakan dan dikuatkuasakan. Contohnya Akta Hasutan yang menghalang mana-mana pihak menyentuh soal kedudukan Raja dan Bahasa Melayu. Sekiranya tindakan tidak diambil, tidak ada maknanya.

Saya difahamkan ketika undang-undang spesifik penggunaan dana asing melibatkan NGO belum ada lagi di Malaysia. Begitu juga baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyaman sebuah portal berita iaitu *Malaysiakini*. Kita berharap latar belakang portal ini juga mendapat dana asing telah didedah sebelum ini. Jadi walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memohon supaya portal rasmi ini meminta maaf, tetapi mereka dengan angkuh tidak berbuat demikian sebaliknya mempertahankan bahkan terus dijunjung dan dijulung. Perdana Menteri pula dikritik dan dikecam hanya kerana mahu menggunakan hak asasi beliau di sisi undang-undang seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saman itu bukan sebahagian bagi mana-mana tindakan keras. Ini juga bukan satu cubaan untuk menutupkan mulut pengkritik. Ini tindakan terhadap tuduhan spesifik yang melampaui batas daripada komen adil kepada fitnah yang dikeluarkan oleh portal berkenaan.

Kita perlu memastikan akta yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan contohnya Akta Hasutan yang menghalang mana-mana pihak menyentuh- minta maaf, silap.

Oleh itu segala aktiviti yang dibiayai dana asing perlu diteliti selalu dengan keperluan negara dan masyarakat kita. Kita bimbang aktiviti yang diadakan oleh NGO dan dana asing itu terlalu mengikut telunjuk mereka. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua akta undang-undang perlu dibuat dan tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Kenapakah Yang Berhormat?

Dato' Boon Som A/L Inong: Ada sikit tersilap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ada undang-undang berkenaan undang-undang kawalan asing di bawah badan dan agensi kerajaan tetapi berselerak contohnya di bawah Bank Negara Malaysia kita ada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2013. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pula dipertanggungjawabkan penguatkuasaan peraturan kemasukan pelaburan asing. Akan tetapi kita belum ada peraturan berkaitan pembiayaan dana asing untuk NGO. Oleh itu saya mencadangkan supaya wujud satu akta khusus berhubung perkara ini dan membuat pindaan ke atas akta sedia ada untuk memasukkan perkara berkenaan. Oleh itu saya menyokong akta pengubahan wang haram ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

4.48 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah sekalian. Saya bangun untuk turut sama membahaskan dan menyokong rang undang-undang yang melibatkan akta untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini terlalu banyak isu-isu yang berkaitan dengan jenayah, isu-isu yang berkaitan dengan *terrorist* dan juga militan. Hari ini juga dalam media massa saya baru terbaca ini di *The Malaysian Insider* yang mana PAS buat pengisytiharan memecat salah seorang Ahli Dewan ulamanya yang terlibat dengan gerakan bersenjata di Syria iaitu Lotfi Ariffin. Beliau secara terang-terangan mendedahkan ataupun memuat naik gambar-gambar ketika mereka berjuang di Syria bersama-sama dengan gerakan bersenjata kumpulan *Jabha An Nusra* atau *Al Nusra Front*. Semalam juga saya terkejut apabila melihat satu *Youtube* yang diedarkan di peringkat antarabangsa yang menggambarkan sepuluh orang jejak yang bercakap pelat Kedah. Orang Kedah tetapi saya tidak mahu menuduh orang Kedah ini terlibat dengan pengganas. Akan tetapi mereka secara terang-terangan ataupun secara berani dan juga menunjukkan dengan rasa bangga keterlibatan mereka dengan gerakan untuk bersenjata di Syria dan juga di Iraq.

■1650

Ini satu perkara yang amat menggerunkan kita terutamanya apabila isu-isu yang melibatkan keganasan ini sering kali terpalitnya orang-orang Islam dan juga agama Islam yang saya kira semalam pun Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat menyebutkan dengan jelas bahawa keganasan ini tidak sesekali diterima di dalam Islam. Bahkan dalam satu hadis Nabi SAW disebutkan dengan jelas... *[Berucap dalam bahasa Arab] "Jangan kamu terlibat dengan suatu yang memudaratkan ataupun yang boleh membuka diri kamu kepada kemudaratannya".*

Ini satu asas yang penting di dalam Islam yang mana tidak pernah memperakui sebarang bentuk keganasan. Apatah lagi dalam hubungan jihad yang sering kali disalahfahamkan oleh sesetengah pihak yang mengatakan bahawa jihad itu adalah terlibat dengan kegiatan pengeboman berani mati dan sebagainya yang saya kira ini satu kefahaman yang salah. Dalam konteks inilah saya kira undang-undang ataupun Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan ini amat perlu dan amat penting sekali sebagai satu bentuk *deterrent*, atau dengan izin, satu bentuk pencegahan hendak mengelakkan daripada kemudaratan dan kemusnahan yang lebih besar. Ini disebut dalam syariat kita '*sadu zari'ah*'. Kita harus membentangkan satu bentuk peruntukan, peraturan ataupun undang-undang yang dapat mencegah daripada sesuatu kemudaratan berlaku kepada manusia, bukan sahaja umat Islam tetapi seluruh negara kita.

Dalam hubungan rang undang-undang ini, saya ada beberapa isu yang hendak dibangkitkan kepada pihak Kementerian Kewangan dan juga pihak kerajaan terutamanya dalam konteks hendak menambah baik ataupun hendak minta penjelasan dalam beberapa hal. Yang pertamanya berkenaan dengan takrif penganas. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa takrif penganas yang diambil adalah berdasarkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun Majlis Keselamatan, Resolusi 1267 yang mana dalam Resolusi 1267 ini hanya menyenaraikan dua kelompok kumpulan penganas yang mana secara spesifik disebutkan sebagai Al-Qaeda dan juga Taliban. Disenaraikan semua pemimpin dan juga mana-mana pihak yang ada bersangkutan dengan dua puak ini.

Saya kira ini satu perkara yang mungkin dalam konteks pentakrifan penganas ini tidak berapa tepat ataupun tidak berapa holistik sifatnya kerana kalau kita hendak mentakrifkan keganasan ialah satu bentuk yang boleh memudaratkan ataupun boleh meruntuhkan keharmonian, kesejahteraan dan keamanan negara. Ia harus bersifat menyeluruh. Bila kita bercakap ganas, maksudnya ia bertentangan dengan aman, damai, harmoni. Apa sahaja yang boleh melibatkan ataupun boleh menyebabkan kemudaratan kepada rakyat tidak kira kaum, tidak kira agama, itu boleh dianggap sebagai keganasan termasuklah apa juga unsur-unsur ataupun komponen-komponen yang boleh mengganggu gugat struktur-struktur asas negara. Ini penting untuk kita faham dan kita takrifkan supaya tidak nanti fokusnya hanya kepada satu-satu kelompok dan juga persepsi itu seolah-olah apabila dikatakan keganasan, ia melibatkan hanya kepada Islam, agama Islam.

Yang hakikatnya dua kelompok ini, Al-Qaeda mahupun Taliban langsung tidak mencerminkan dan menzahirkan agama Islam yang sebenar kerana Islam ini, perkataan Islam itu pun berasas kepada perkataan sejahtera, selamat. Mana mungkin sebuah agama yang berasaskan sejahtera dan selamat ini menganjurkan keganasan. Jadi sebab itu dalam konteks ini saya rasa dalam mengambil takrifan Suruhanjaya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu khususnya Resolusi 1267 yang diluluskan pada tahun 1999, yang mana kalau kita lihat sejarah apabila dibentangkan Resolusi 1267 ini, Malaysia pada waktu itu sendiri pun telah melahirkan *reservation*, dengan izin, ataupun sedikit kebimbangan. Mengambil takrifan yang begitu *rigid*, yang hanya memfokuskan kepada dua kelompok yang ada kaitan dengan sedikit sebanyak '*Islamophobia*' yang menakutkan orang bahawa ini ada kaitan dengan agama Islam.

Jadi sebab itulah pada waktu itu dalam Majlis Keselamatan yang mana diwakili oleh China, Perancis, Rusia, United Kingdom, Amerika, yang itu *permanent members* dan ahli-ahli majlis yang tidak tetap termasuklah Argentina, Bahrain, Brazil, Kanada, Gabon, Gambia, Namibia, Netherlands, Slovenia dan termasuk Malaysia pada waktu itu, Dalam ramai-ramai Malaysia sahaja yang menyatakan *reservation*, dengan izin. Maknanya kalau waktu peringkat awal dibentuk Resolusi 1267 itu sendiri pun, Kerajaan Malaysia mengambil pendirian meragukan resolusi yang diambil hanya memfokuskan kepada dua kelompok Taliban dan Al-Qaeda ini kerana atas alasan bahawa takut-takut kita berlaku tidak adil kepada satu-satu puak atau satu-satu kelompok dan kita meninggalkan aspek hak asasi manusia.

Apakah kali ini apabila kita bercakap soal akta yang hendak diluluskan ini, kita mengambil takrifan itu semata-mata kerana kalau saya sebutkan tadi, kalau kita setuju bahawa aspek keganasan ini kita harus melihat dalam skop yang lebih holistik.

Apabila saya kata skop yang lebih holistik, ia bukan hanya merujuk kepada keganasan yang bersifat persenjataan semata-mata tetapi apa sahaja unsur-unsur ataupun elemen-elemen yang boleh memudaratkan negara termasuklah yang dilakukan oleh puak-puak yang cuba hendak membawa fahaman-fahaman, ideologi-ideologi asing yang boleh meruntuhkan struktur kenegaraan kita. Contohnya ideologi Syiah umpamanya ataupun liberalisme yang dipelopori oleh puak-puak yang lihat bahawa hak asasi manusia ini secara mutlak yang akhirnya boleh meruntuhkan struktur kenegaraan kita. Contohnya, puak-puak LGBTQ, ada 'Q' dah sekarang ini Tuan Yang di-Pertua. LBGTIQ.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah maknanya itu?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: 'Q' itu *queer*, pronunciationnya "queer". Lesbian kita tahu, homoseksual kita tahu, transeksual kita tahu, *queer* ini maksudnya perlakuan seks antara manusia dengan binatang... [Disampuk] Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, tidak ada maksud saya hendak membawa unsur-unsur lucu di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi ini adalah ideologi asing yang cuba nak dipasakkan ataupun nak dibawa masuk ke dalam negara kita yang dibawa di dalam salah satu perjuangan ataupun memorandum yang dibawa oleh *Coalition of Malaysian NGO's* (COMANGO) baru-baru ini yang membawa salah satunya ialah hendak memperjuangkan hak asasi manusia puak-puak LBGTIQ ini. Jadi, saya kira ini juga boleh memudaratkan negara kalau kita hendak melihat dalam konteks keganasan secara keseluruhannya bukan hanya melibatkan kelompok-kelompok tertentu.

Kalau kita hendak mengatakan hanya puak Taliban dan Al-Qaeda sahaja pun tidak tepat kerana di mana contohnya puak-puak yang terlibat, kelompok Harimau Tamil Eelam, Sri Lanka umpamanya. Mereka juga diberitakan ada juga puak-puak yang menyokong di dalam negara kita. Apakah kita hendak tahu juga kedudukan daripada Kementerian Dalam Negeri, apakah sudah berlaku pengubahan wang haram ataupun penyaluran dana-dana daripada mereka kepada puak-puak yang menyokong mereka di sini, umpamanya. Mereka ini dikategorikan sebagai pengganas juga oleh sebuah pihak yang mereka bertindak dalam pengeboman kepada kelompok yang tidak bersalah dan sebagainya. Ini pernah berlaku di Ireland Utara yang dipelopori oleh IRA.

Akan tetapi kita agak sangsi, kenapakah apabila perbincangan di peringkat Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1999 itu, tidak pernah membincangkan kelompok-kelompok selain daripada Taliban dan Al-Qaeda. Kita bukan bersetuju pun dengan Al-Qaeda dan Taliban, saya sebutkan daripada awal tadi tetapi kenapa kita hanya ataupun tahun 1999 itu Majlis Keselamatan hanya membangkitkan dua kelompok ini. Hari ini kita pula dalam keadaan kerajaan kita dulunya 1999 telah meletakkan *reservation* ataupun kesangsian kepada resolusi yang dibentangkan itu, kita hendak mengambil itu sebagai takrifan kepada pengganas dalam konteks akta ataupun rang undang-undang kali ini.

■1650

Itu yang saya kira perlukan satu takrifan yang lebih holistik sifatnya supaya ia bukan sahaja merujuk kepada puak-puak tertentu tetapi ia juga boleh merujuk kepada puak-puak yang boleh kita anggap sebagai mampu mengganggu-gugat kepada kestabilan, kerukunan dan boleh memudaratkan negara secara keseluruhan kerana membawa unsur-unsur, ideologi-ideologi asing yang boleh meruntuhkan keamanan negara. Ini termasuklah seperti mana saya katakan tadi puak-puak liberalismenya, LGBT IQnya, Syiah dan sebagainya. Kalau kita mengambil takrifan secara holistik ini, maka pada waktu itu kita dapat lihat bahawa takrifan pengganas ini tidaklah terikat dengan definisi ataupun Resolusi 1267 yang amat terhad, amat terbatas tadi. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf. Jadi daripada perbincangan yang telah diutarakan tadi, saya dapat rumuskan- saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Definisi yang mengatakan penganas itu hanya terbatas kepada penggunaan kekerasan dan senjata tidak lengkap. Malah, dia merangkumi juga pemikiran-pemikiran yang boleh meruntuhkan dan juga mengacau-bilaukan pemikiran masyarakat. Saya nampak meruntuhkan pemikiran masyarakat itu, mengacau-bilaukan tidak kurang hebat, tidak kurang beratnya atau hebatnya berbanding dengan kekacauan menggunakan kekerasan dan persenjataan.

Jadi kalau sekiranya itu disebut tadi, maka saya kira satu definisi yang lebih menyeluruh dan lebih merangkumi. Kalau dalam bahasa Arab, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia kata... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] *Jamek*, maknanya yang tidak terlibat tidak masuk. *Jamek* merangkumi seluruh yang terlibat dan yang tidak terlibat tidak termasuk. Jadi saya bersetuju kalau sekiranya satu definisi dirangka supaya merangkumi semua bahagian yang termasuk dalam penganas itu, dan yang tidak terbabit dengan penganas tidak termasuk. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya kira itu satu penambahan ataupun satu sokongan kepada apa hujah-hujah yang telah saya bentangkan tadi. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Saya kira inilah yang saya maksudkan. Maknanya takrifan keganasan ataupun penganas dalam konteks akta ini perlu diberikan satu bentuk yang lebih holistik sifatnya ataupun pentakrifan semula apa yang dimaksudkan dengan keganasan. Saya sebutkan secara mudah tadi ialah apabila kita bercakap keganasan, apa juga unsur-unsur yang boleh menyebabkan kemudaratan, yang boleh menyebabkan ataupun menghancurkan elemen-elemen yang boleh memporak-perandakan keamanan, kestabilan dan kerukunan negara kita. Kalau kita mengambil asas-asas ini, saya kira lebih mudah dan kalau kita letakkan rukun negara itu sebagai tunjangnya.

Katakan kalau kita mengatakan apa sahaja unsur-unsur yang boleh mengganggu gugat rukun negara yang kita sepakati bersama. Contohnya dalam konteks rukun negara, kepercayaan kepada Tuhan. Tidak ada sesiapa boleh menafikan bahawa negara ini negara yang ada agamanya. Islam dan juga agama-agama lain diamalkan. Maknanya kalau ada unsur-unsur yang cuba mengganggu gugat mengatakan hari ini kita tidak perlu kepada agama dan membawa ideologi-ideologi asing yang bertentangan dengan prinsip agama, maka itu juga boleh dianggap keganasan. Termasuklah aspek-aspek keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Maknanya kalau ada unsur-unsur yang mengganggu gugat kepada aspek kenegaraan kita dalam konteks perlembagaan seperti hendak membawa elemen-elemen ataupun ideologi-ideologi asing seperti mana tadi saya sebutkan, ideologi liberalisme, LGBT IQ tadi, maknanya ia boleh meruntuhkan aspek-aspek kerukunan perlembagaan negara itu.

Sebab itulah kalau sepakat bahawa ini ialah definisi yang bersifat holistik, maka tidaklah kita hanya melihat dalam kerangka yang terlalu sempit. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, dalam konteks rang undang-undang ini juga, didefinisikan ataupun ditakrifkan aktiviti-aktiviti haram. Ada 200...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat kata tadi ada definisi keganasan itu tidak begitu. Adakah Yang Berhormat berpendapat tidak begitu lengkap merangkumi apa Yang Berhormat maksudkan?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Itu yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana dalam definisi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, disebutkan bahawa kita mentakrifkan penganas itu berasaskan kepada definisi ataupun takrifan yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berasaskan Resolusi 1267. Resolusi 1267 ini Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada hanya dua kelompok penganas iaitu Taliban dan juga Al-Qaeda yang saya rasakan bahawa definisi ini tidak bersifat holistik ataupun terlalu *rigid* sifatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau demikian, adakah Yang Berhormat berpendapat perlu ada satu pindaan atau penambahan pada hemat Yang Berhormat?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Pada hemat saya, dalam akta ini juga disebutkan bahawa Menteri ada kuasa untuk menyenaraikan tetapi saya rasa perlu ada penegasan atau perlu ada senarai dalam akta itu yang mengatakan bukan hanya tertakluk kepada Resolusi 1267. Mungkin kalau perlu pindaan, pindaanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap perkara ini pihak kementerian mengambil kira apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mendapat penjelasan. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal aktiviti-aktiviti haram yang dijelaskan dalam akta ataupun rang undang-undang ini. *Alhamdulillah*, saya lihat apabila dibincangkan dalam rang undang-undang ini, ia memberikan satu definisi jenayah yang terkait dengan semua akta seluruhnya, ada 42 akta yang melibatkan definisi-definisi jenayah ataupun perkara-perkara yang diharamkan daripada segi aktiviti yang membolehkan kita memberikan takrifan bahawa ini perubahan ataupun ini dana-dana yang dianggap sebagai dana-dana haram.

Cuma dalam aspek ini, saya kira ada, kalau boleh saya katakan kelompangan yang tidak ditangani oleh mana-mana akta. Ini pandangan sayalah. Kalau salah, mungkin kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Antara perkara yang saya nampak kelompangan besar dalam konteks penyalahgunaan label patuh syariah yang banyak menjadi satu isu besar dalam aspek transaksi ataupun urus niaga yang melibatkan kewangan hari ini.

Saya bagi contoh apa yang berlaku tahun lepas apabila ramai rakyat Malaysia, saya tidak ingat dia punya angka, yang terlibat dengan pelaburan Emas Geneva yang mana kebanyakannya adalah orang Melayu Islam. Kenapakah mereka terlibat? Ini kerana mereka terdorong untuk melabur dalam satu skim yang meletakkan label syariah *compliance* ataupun patuh syariah. Bahkan, saya pernah masukkan dalam *Facebook* saya gambar makan malam sebuah syarikat di bawah anak syarikat Geneva Malaysia ini yang disebut Geneva Syariah. Nama pun Geneva Syariah.

Tidak tahulah macam mana SKM lepaskan syarikat yang meletakkan nama syariah tetapi dalam gambar tersebut hendak disebutkan, enam orang perempuan, tiga sebelah pakai skirt, pakai pakaian separuh bogel seolah-olah dia memberi satu *mockery*, dengan izin, ataupun memperolok-olokkan perkataan syariah dengan perbuatan-perbuatan yang langsung tidak menggambarkan syariah itu sendiri ataupun keislaman itu sendiri.

Akan tetapi faktor inilah yang menyebabkan ramai di kalangan masyarakat kita yang terlibat kerana pernah kita bincangkan, orang-orang kita ini tidak kira Melayu, Cina atau India, bab hendak jadi cepat kaya, nombor satu. Sebab itulah skim-skim cepat kaya ini memang antara skim-skim yang cukup mendapat tumpuan. Cuma yang menjadi masalah hari ini ialah skim-skim cepat kaya ini sama ada dalam bentuk sifatnya MLM, pelaburan emas, pelaburan *Forex online*, pelaburan-pelaburan *e-commerce* ataupun perniagaan secara talian elektronik, hari ini sudah menjadi fenomena yang besar dan fenomena ini pula ditambah dengan tempelan label syariah *compliance* tadi ataupun patuh syariah yang menyebabkan ramai orang tertipu, ramai orang melihat bahawa ini satu skim yang menepati kehendak halal kerana hari ini masyarakat kita bukan sahaja halal bab DNA babi tetapi halal juga bab duit yang hendak digunakan dalam konteks pelaburan tetapi itu sebahagiannyalah.

■1710

Sebahagian lagi tidak kira pun, yang penting kadang-kadang makanan DNA itu lebih penting daripada wang yang hendak digunakan.

Akan tetapi dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan label Syariah *compliance* ini sebenarnya saya lihat selain daripada dua sektor utama yang dikawal selia. Iaitu pertama, sektor kewangan yang dikawal selia ataupun, dengan izin, *regulated financial industry*. Ini termasuklah institusi-institusi di bawah Bank Negara dan juga institusi-institusi di bawah Suruhanjaya Sekuriti. Yang ini memang dikawal selia, bab patuh Syariah memang tidak boleh sewenang-wenangnya diguna pakai. Kalau ada yang menggunakan pakai patuh Syariah dan didapati bersalah, dia boleh dibawa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, boleh dikenakan denda sehingga RM25 juta ataupun penjara tidak lebih lapan tahun.

Ini tahun lepas. Meletakkan aspek patuh Syariah itu nombor satu dan dia ditentukan secara mutlak oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara dan juga Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti. Itu *alhamdulillah*. Maknanya, bagi pelanggan-pelanggan, orang ramai di luar sana kalau dia berurus niaga dengan bank-bank Islam, dengan takaful, dengan saham-saham yang telah pun ditentukan sebagai patuh Syariah, maka dia tidak ada sebarang was-was ataupun syak wasangka kerana dia telah ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti dan juga Bank Negara. Itu satu sektor yang mana dikawal selia. Satu lagi sektor ialah sektor halal. Yang dikawal selia oleh JAKIM, KPDNKK dan sebagainya.

Selain daripada dua sektor ini, tidak ada sebarang akta ataupun undang-undang yang mengawal selia apabila wujudnya kecenderungan ataupun penggunaan label-label patuh Syariah oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Contoh yang saya bagikan tadilah. Pelaburan emas yang menggunakan label patuh Syariah dan hari ini yang saya sebutkan semalam pun penggunaan *Forex* ataupun pelaburan mata wang secara *online* yang hari ini memang luar biasa. Ini kerana kebanyakan syarikat-syarikat ini, mereka didaftarkan bukan di Malaysia tetapi didaftarkan di negara-negara yang tidak di regulisasi ataupun tidak dikawal selia, terutamanya Amerika Syarikat, Panama, Maldives dan Mauritius. Ini antara syarikat-syarikat yang mana mereka beroperasi secara *online*, secara elektronik dan orang ramai boleh masuk dengan mudah untuk melabur. Kadang-kadang mereka memerlukan paling minima USD100 saja untuk melabur, membeli mata wang-mata wang asing dan mereka boleh mendapat keuntungan berlipat-lipat kali ganda. Hanya peringkat awallah.

Akan tetapi akhirnya mereka ditipu, barulah orang kata sudah tersentak baru hendak tengadah. Ini masalah yang utama yang berlaku dan malangnya kebanyakan daripada syarikat-syarikat ini menggunakan label patuh Syariah dan ini tidak dikawal selia Tuan Yang di-Pertua. Ini juga kita boleh minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan, bagaimana hendak ditangani faktor ini. Sebab kalau kita membiarkan secara berleluasa, *e-commerce* ataupun transaksi urus niaga yang menggunakan sistem elektronik, secara *internet* ini, dia boleh diguna pakai oleh puak-puak pengganas. Dia tidak ada masalah. Maknanya, mereka boleh berselindung di sebalik *e-commerce* ini untuk mengadakan transaksi, jual beli, urus niaga yang nilainya jutaan, bahkan berbilion-bilion ringgit tanpa dikawal selia.

Ini perkara yang perlu kita ambil perhatian supaya pihak kementerian apabila kita mengadakan perundangan seperti ini, akta ini, apakah akta ini mampu untuk mengawal transaksi ataupun urus niaga-urus niaga yang melibatkan *e-commerce* ataupun *e-trading* ini? Itu yang kedua.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan informasi ataupun kalau saya boleh sebutkan maklumat-maklumat kepada rakyat dan juga rakyat kepada pihak-pihak berwajib. Okey, dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa saya inginkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan. Apa di sana wujud mekanisme yang memudahkan rakyat, memudahkan masyarakat untuk memberikan pelaporan tanpa perlu pergi kepada birokrasi-birokrasi tertentu? Sebab isu-isu yang melibatkan urus niaga yang saya sebutkan sepanjang perbahasan saya ini, kebanyakan urus niaga-urus niaga ini bukan lagi bersifat fizikal. Ada kedai, ada ibu pejabat yang mereka boleh pergi dan sebagainya.

Kebanyakannya bersifat *online* dan hari ini masalah utamanya penguatkuasaan. Tutup syarikat *online* satu hari, satu hari lagi keluar syarikat *online Forex, Gold Trading* dan sebagainya, dengan izin, yang baru. Jadi, perkara-perkara ini kalau hendak dilaporkan, hendak disahkan, umpamanya apabila dia menggunakan label patuh Syariah tadi seperti mana saya katakan, kepada siapa hendak dilaporkan? Kepada Bank Negara kah? Ini kerana Bank Negara hanya bertanggungjawab kepada institusi-institusi di bawah kawal selia Bank Negara. Institusi di bawah kawal selia Bank Negara termasuklah institusi kewangan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan (*Financial Services Act - FSA*) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA).

Maknanya, kalau selain daripada itu, tidak diletakkan di bawah Bank Negara. Jadi, isu-isu macam ini perlu ditangani dengan tuntas kerana supaya kita dapat mengekang sebarang bentuk dana-dana asing yang boleh mengganggu gugat kestabilan negara ini. Oleh sebab hari ini dana-dana asing ini benda yang bukan kita boleh main-main, kerana saya tadi mendapat- saya minta beberapa orang untuk *listkan* kepada saya NGO-NGO ataupun institusi-institusi luar negara yang banyak menyalurkan wang kepada parti-parti politik dalam negara dan juga NGO-NGO negara yang mana mereka ini memperjuangkan apa yang dilakukan oleh mereka seperti mana yang sahabat saya, Yang Berhormat Senator sebutkan tadi dan syarikat-syarikat ini banyak, institusi-institusi ini banyak. Kalau boleh saya sebutkan sini termasuklah *Open Society Institute (OSI)*, *National Endowment for Democracy* yang mana salah seorang lembaganya adalah juga anggota pembangkang hari ini. *Kondukt Avenue Foundation (KAF)* yang mana berpusat di Jerman. *Friedrich Naumann Foundation, Transnational Institute, Sasakoa Foundation*.

Semua institusi ini memberikan dana yang nilainya bukan RM1,000-RM2,000, nilainya jutaan ringgit kepada NGO-NGO, kepada organisasi-organisasi politik untuk membawa ideologi-ideologi mereka. Ideologi-ideologi yang termasuklah ideologi-ideologi yang asing daripada prinsip kenegaraan kita selama ini. Termasuklah isu-isu yang melibatkan hak asasi manusia mengikut takrifan dan definisi mereka. Oleh sebab takrifan definisi hak asasi manusia mereka tercabut nilai agama dan juga adat tatasusila kita seperti mana saya katakan tadi. Kalau mereka, hak asasi manusia tidak ada batasannya, mutlak. Antara manusia dengan binatang pun itu hak asasi. Akan tetapi kita tidak boleh membenarkan. Hak asasi kita iktiraf. Itu salah satu perkara yang diperuntukkan bukan saja dalam Perlembagaan, bahkan semua agama termasuk agama Islam. Akan tetapi hak asasi dalam konteks agama Islam ada sempadan, ada batasan.

Dia tidak boleh sehingga kita memudaratkan ataupun kita mengganggu gugat ketenteraman awam, ketenteraman orang lain. Kita hendak berbogel, jangan sampai kita berbogel sehingga menyebabkan orang lain rasa tidak selesa. Itu hak asasi mereka, tidak ada masalah. Akan tetapi hak asasi kita, ada masalah. Sebab itu kita tidak boleh sewenang-wenangnya membenarkan ideologi-ideologi asing ini untuk masuk ke dalam negara kita melalui institusi-institusi sebahagiannya saya sebutkan tadi, yang mana membawa masuk dana melalui cara yang pelbagai. Yang ini juga saya setuju dengan apa Yang Berhormat Senator rakan saya sebentar tadi sebutkan, kita minta kepada Kementerian Kewangan kalau boleh buat laporan ke dalam Dewan yang mulia ini. Apakah mekanisme untuk memastikan dana-dana ini tidak sewenang-wenangnya boleh membantu untuk mengganggu gugat kestabilan dan juga keamanan negara?

Sebab itulah kalau ini tidak termasuk dalam definisi takrifan keganasan Tuan Yang di-Pertua, seperti mana hujah saya yang pertama, agak sukar sebab dia saling terkait. Kalau takrifan keganasan kita hanya terhad kepada Taliban dengan Al-Qaeda. Sampai bila kita hendak cari Al-Qaeda dengan Taliban ini di Malaysia, umpamanya. Akan tetapi ancaman kita lebih besar daripada itu. Ancaman kita bukan hanya kelompok-kelompok militan, Al-Qaeda dan Taliban. Akan tetapi kelompok-kelompok yang boleh mengganggu gugat kestabilan, keamanan dan kerukunan negara kita berpandukan perlembagaan dan juga Rukun Negara ini juga musuh kita, ancaman besar kepada negara kita, rakyat dan kestabilan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, keempat-empat tadi perkara yang saya ingin penjelasan daripada Kementerian Kewangan dan juga pandangan-pandangan balas saya terhadap penelitian Rang Undang-undang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2011 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003.

■1720

Saya minta agar Kementerian Kewangan dapat memberikan penjelasan supaya kita Dewan yang mulia ini apabila kita meluluskan rang undang-undang ini, kita merasa lega dan kita merasa boleh tidur malam-malam, kerana negara kita ini adalah terpelihara dengan adanya perundangan yang benar-benar bersifat holistik dan dapat mencegah daripada perkara-perkara yang boleh mengganggu gugat kepada keamanan, kestabilan dan keamanan negara. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat telah menghuraikan dengan bagus perkara-perkara yang relevan yang perlu diambil kira sebelum rang undang-undang ini dijadikan satu undang-undang. Saya harap pihak yang berkenaan mengambil kira kalau boleh Yang Berhormat sendiri kalau boleh berbincang di luar dengan pihak itu untuk mengetahui apa sebenarnya Yang Berhormat boleh sumbangkan untuk dikemukakan sebelum diberi jawapan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

5.21 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membincangkan rang undang-undang ini. Terlebih dahulu pada dasarnya saya ingin menyatakan bahawa saya bersetuju dengan pindaan kepada undang-undang ini tetapi, ada tetapinya. Tetapi ada beberapa kebimbangan dan ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan.

Pertama sekali, saya memahami bahawa akta ini dan pindaannya adalah berkaitan terutama tentang soal kewangan. Kalau misalannya mengenai pencegahan pengubahan wang, *money laundering*, itu sudah jelas soal kewangan. Akan tetapi bila menyebut tentang pencegahan pembiayaan keganasan, ia juga dikirakan pembiayaan melibatkan wang tetapi wang untuk membiayai keganasan tentulah ada kaitannya dengan keganasan itu sendiri. Oleh sebab itu, soal apa bentuk keganasan, siapa golongan-golongan pengganas itu adalah berkaitan.

Jadi dengan demikian, saya kira adalah perlu sama ada diwujudkan satu akta berlainan tentang bagaimana untuk mencegah keganasan, bukannya mencegah pembiayaan, mencegah keganasan satu akta yang berasingan ataupun kita memperluaskan sedikit lagi akta ini supaya ia dapat menerima juga aspek-aspek lain yang berkaitan dengan pembiayaan itu. Ini adalah berkaitan dengan banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan ada kaitannya dengan penggantian seksyen 4. Dalam penggantian seksyen 4 ini, saya lihat ada pentafsiran yang jelas tentang kesalahan pengubahan wang haram. Ada empat perkara misalnya disebutkan di sini. Akan tetapi, walaupun ini jelas, saya nampak bidangnya agak sempit. Sempitnya ialah kerana ia menekankan tentang wang haram itu tetapi tidak mengaitkan dengan pengaliran wang yang mungkin agak kabur.

Saya terangkan apa yang saya maksudkan. Mengikut Laporan *Global Financial Integrity* dengan tajuk, *Financial Flows from Developing Countries*- ini pernah saya bangkitkan tentang *illicit outflow of finance, financial outflow*. Antara tahun 2000 sehingga tahun 2009, Malaysia terletak pada kedudukan kelima mengikut jumlah wang haram yang mengalir keluar iaitu di belakang China, Rusia, Mexico dan Arab Saudi.

Dalam tempoh tahun 2000 hingga tahun 2008, jumlah wang haram yang keluar dari Malaysia adalah sebanyak USD291 bilion. Manakala sehingga tahun 2009, jumlahnya ialah USD337 bilion iaitu kira-kira RM1 trilion. Ini jumlah yang sangat besar. Kalau misalnya dapat dikawal wang ini, tentulah boleh membayar misalnya hutang negara kita yang separuh daripada belanja ini. Pada tahun 2011, selain daripada yang diterangkan di atas tadi, dianggarkan pula sebanyak USD54.2 bilion telah mengalir keluar dari sempadan negara ini secara haram pada tahun 2011 tadi. Jenayah rasuah dan mengelakkan cukai telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama.

Jadi, yang saya hendak bangkitkan di sini ialah adanya pengaliran keluar wang. Adakah kita misalnya mempunyai undang-undang yang menyekat pengaliran wang ini? Itu pertama. Keduanya, adakah sebahagian daripada yang mengalir keluar itu merupakan wang yang dihasilkan daripada sumber-sumber yang haram sebagaimana yang ditafsirkan dalam penggantian seksyen 4 tadi? Ini memerlukan penyelidikan yang sangat rapi dan pengawasan adalah penting dalam hal ini oleh negara. Tentulah seharusnya ada agensi untuk melihat, mengkaji, apakah jumlah wang yang keluar itu?

Ketiganya, siapakah yang terlibat dengan pengaliran wang ini? Kita tahu setengah-setengah daripada mereka ini korporat-korporat besar yang telah mendapat keuntungan daripada negara ini dengan kadang-kadang bantuan daripada pemerintah sendiri. Mereka bukan sahaja merata tempat menyimpan wangnya yang kadang-kadang tidak diketahui tetapi ada juga yang setengah-setengahnya diketahui misalnya yang menghantar sama ada ke Cayman Islands atau sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harus masukkan juga dalam ruang lingkup definisi kita tentang wang haram tadi sumber-sumber yang seperti ini yang begitu banyak sekali sampai RM1 trilion misalnya.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Mohon mencelah.

Dr. Syed Husin Ali: Dipersilakan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak memperbetulkan sedikit. Mungkin unjuran Yang Berhormat sebut soal GFI itu maklumat yang tidak tepat sebab ia telah pun berkali-kali dijawab di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini. Jadi mungkin saya minta Yang Berhormat tidak menggunakan perangkaan atau jumlah yang tidak tepat dalam Dewan ini supaya tidak mengelirukan kita Ahli-ahli Dewan. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya, pihak Kerajaan Malaysia tidak pernah membantah ataupun menghantar secara rasmi pembedahan tentang angka-angka yang dibagikan oleh pihak Integriti itu. Jadi saya ambil ini untuk menyatakan tentang suatu masalah yang serius. Wang yang keluar memang ada Tuan Yang di-Pertua, cuma jumlahnya barangkali yang menjadi *moot point*.

Apa yang saya tidak setuju ialah adanya kebebasan untuk membawa wang yang begitu banyak keluar oleh golongan-golongan tertentu dan mereka ini lari daripada cukai. Mereka ini tidak memberi apa-apa maklumat tentang di mana mereka hantar wang itu dan berapakah jumlahnya? Jadi ini yang saya katakan, kita perlu pada asasnya mengawal ini. Jangan kita bertelagah tentang jumlahnya. Kita mesti bincang tentang wang yang telah dikeluarkan dan saya anggap wang ini wang haram. Itu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya menghargai hujah Yang Berhormat tetapi masa tidak mengizinkan dan menunjukkan pukul 5.30 petang. Kita sambung semula Yang Berhormat, dan Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dr. Syed Husin Ali: Hari Isnin.

Tuan Yang di-Pertua: Hari Isnin, saya minta maaf. Dengan itu, saya tangguhkan Mesyuarat kita pada petang ini dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, jam 10 pagi yang akan datang. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]